

"BETA sering menegaskan bahawa pelajar adalah aset negara yang paling mahal. Oleh sebab itulah, kerajaan beta akan terus memberikan peluang kepada pelajar-pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan seberapa yang tinggi tanpa mengira sama ada dia diperolehi di dalam mahupun di luar negara." - Titah sempena Majlis Sambutan Jubli Emas Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin pada 7 Mac 2002.

Pelita بروني BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DAN hendaklah kamu menjaga diri kamu daripada berlakunya dosa yang membawa kepada bala bencana yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim yang berbuat kejahatan di antara kamu secara khusus tetapi akan menimpa kamu semua secara umum dan ketahuilah bahawa Allah Maha Berat azab seksa-Nya." - Surah Al-Anfal ayat 25.

TAHUN 50 BILANGAN 11

RABU 16 MAC 2005/1426 رابو 5 صفر

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Berkenan mengurniakan, menerima watikah perlantikan

Oleh Dayangku
Hajah Saidah Pg.
Haji Omarali

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada dua orang perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dan berkenan menerima tauliah perlantikan tiga orang perwakilan dari negara-negara sahabat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Kanada, Puan Yang Terutama Magdalene Teo Chee Siong. Istiadat berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

PYT yang berusia 49 tahun mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Undang-Undang dari Universiti London. PYT merupakan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London dari bulan Ogos 2003 hingga bulan Mac ini. Sebelum ini PYT pernah bertugas di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jepun dan Kanada dengan menjawat jawatan penting.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menyerahkan Piala Sepak Bola ASEAN Bawah 21 Tahun bagi merebut Piala Hassan Bolkiah yang berlangsung di Stadium Negara Hassan Bolkiah. Lagi berita lanjut dan gambar-gambar dimuatkan dalam keluaran Edisi Tambahan.

KASIH
MEMBAWA
SEJAHTERA,
LALAI
MEMBAWA
BINASA

ANTARA
YANG
MENARIK

Haluan :
Sikap bersimpati terhadap penderitaan orang lain :
Perlu dipelihara serta dikembangkan

- Muka 2

Lawatan rasmi DYTM dan YTM ke Republik Singapura

- Muka 4, 5, 12 dan 13

Kebawah DYMM melawat Maktab SOAS, STPRI dan RIF

- Muka 8 & 9

Anggapan negatif terhadap MPMK merugikan dan perlu dikikis

- Muka 14

Isu Kepentingan Nasional :

'Kenal pasti, bincang, selaras dan tangani'

- Muka 2 ANEKA

Sudut Perkhidmatan Awam :

Mengubah 'red tapes' kepada 'red carpet'

- Muka 5 ANEKA

TAHUKAH AWDA

HUBUNGAN kerjasama dua hala Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan pelbagai institusi pengajian tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa telah mewujudkan antara lain program kembar dengan beberapa institusi berkecayaan. Program itu meliputi 'BSc In Electronics and Electrical Engineering' dengan University of Glasgow; 'BSc In Computer Science' dengan University of Strathclyde; 'BA In Accounting and Financial Management' dan 'BA Commerce (Accounting & Finance)' dengan University of Sheffield dan University of Queensland; 'BSc. Biotechnology' dengan University of Wind-sor; 'B. Biomedical Science' dengan University of Queensland dan program prapengerahan 'Bachelor of Biological Science' dengan University of Calgary, Kanada. - Sumber : Universiti Brunei Darussalam, www.ubd.edu.bn, International Prospectus, Brunei Darussalam : Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410. (w/od : 12 & 13) & Universiti Brunei Darussalam, Prospectus 2005 - 2006, Brunei Darussalam : Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410. (2005 : 170).

Jangan ketepikan tulisan jawi

BERAKAS, 8 Mac. - Tulisan jawi sejak akhir-akhir ini secara beransur-ansur mula diketepikan kerana tulisan rumi telah mendominasi perkembangan Bahasa Melayu hari ini.

Huruf rumi secara perlahan-lahan telah mengambil tempat huruf jawi dan kedudukannya semakin diperkukuhkan melalui sistem pendidikan dan jentera pentadbiran, sementara penggunaan tulisan jawi pula menjadi semakin ter-

Oleh
Abu Bakar
Haji Abd. Rahman

had dan tidak seluas penggunaan tulisan jawi.

Gejala ini semakin ketara apabila masih ramai bilangan orang-orang yang kurang mahir dalam menguasai jawi dan tambah menyedihkan lagi apabila sebilangan guru-guru Melayu tidak tahu langsung menulis dan membaca jawi iaitu buta jawi apatah lagi

untuk mengajarkannya.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyatakan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Kemahiran Jawi bagi Kementerian Pendidikan 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dalam mengambil langkah positif ke arah mendapatkan maklumat

mengenai status penguasaan jawi di kalangan guru-guru di Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat menjelaskan, beberapa kajian dan penyelidikan telah diusahakan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dan Penyelidikan dan Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1991 dan 1993 di mana mendapati tahap penguasaan jawi di kalangan guru-guru masih di peringkat sederhana.

Lihat muka 16

EDISI TAMBAHAN

PELITA BRUNEI keluaran hari ini menerbitkan EDISI TAMBAHAN 8 muka surat sempena Kejohanan Bola Sepak Bala ASEAN Bawah 21 Tahun bagi merebut Piala Hassan Bolkiah yang antara lain memuatkan jadual perlawanan, keputusan terkini, hadiah istimewa sebuah kereta bagi penonton bertuah dan gambar-gambar semasa upacara pembukaan rasmi.



16 MAC 2005 BERSAMAAN 1426

5 صفر

PIALA HASSANAL BOLKIAH WADAH PERPADUAN BELIA ASEAN

KEJOHANAN Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun bagi merebut Piala Hassanal Bolkiah kini sedang berlangsung di Negara Brunei Darussalam. Piala yang menjadi keagungan belia ASEAN itu adalah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam menjadi pelopor dan penganjur kejohanan dwitahunan itu yang telah dimulakan pada tahun 2002. Misi utama kejohanan untuk memupuk semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan belia-belia ASEAN. Piala yang menjadi lambang kemegahan para belia ASEAN itu juga akan menjadi pemangkin dan jambatan utama dalam memupuk perpaduan sejati kalangan penduduk ASEAN khususnya para belia. Kejohanan itu juga menawarkan hadiah B\$20 ribu bagi juara, B\$10 ribu naib juara dan B\$5 ribu untuk tempat ketiga.

Kesemua negara ASEAN - Republik Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Viet Nam dan tuan rumah, Negara Brunei Darussalam kecuali Kemboja menyertai kejohanan dua minggu itu yang telah membuka tirainya pada 12 Mac dan akan berakhir pada 25 Mac ini. Dalam masa dua minggu, para skuad bola sepak belia ASEAN dari sembilan buah negara 'berkampung' di Negara Brunei Darussalam untuk bertarung bagi merebut Piala Hassanul Bolkiah. Target utama kejohanan itu bukanlah semata-mata untuk menakluki kejuaraan, tetapi yang penting ialah bagi memberikan peluang kepada para belia ASEAN untuk berinteraksi bagi merealisasikan entiti ASEAN sebagai rantau yang harmoni dan berkembang maju. Dengan adanya kejohanan yang bertaraf antarabangsa itu akan memudahkan usaha untuk memupuk solidariti, semangat persahabatan, bersatu padu dan kerjasama yang erat belia ASEAN yang menghuni hampir separuh daripada 500 juta penduduk ASEAN.

Ilham untuk menganjurkan kejohanan itu adalah cetusan ikhlas daripada pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Cetusan itu terbit lapan tahun yang lalu ketika baginda bertitah mengumukan ceramah umum bertajuk 'Masa Depan Asia Tenggara - Dari Perspektif Brunei' di Kuala Lumpur, Malaysia pada 27 Ogos 1997 sempena lawatan negara ke Malaysia. Sebagai seorang pemimpin terkemuka ASEAN, baginda melihat prospek masa depan Asia Tenggara dari kaca mata Brunei banyak bergantung kepada kualiti dan kepimpinan belia-belia ASEAN yang diyakini menjadi daya penggerak dan pencetus kemajuan dan kemakmuran rantau ini. Dan alhamdulillah, idea baginda untuk mengadakan kejohanan itu tercapai sejak tahun 2002 dengan Republik Indonesia muncul juara pertama.

Menurut baginda, sukan merupakan cabang dan cara terbaik bagi mengukuhkan semangat kekitaan dan perpaduan terutama di kalangan belia-belia ASEAN. Baginda bertitah, penubuhan Liga Bola Sepak Asia Tenggara boleh mengukuhkan semangat kesedaran rakyat biasa terhadap ASEAN. Baginda juga berpendapat sudah tiba masanya bagi rantau Asia Tenggara mempunyai liganya sendiri. Baginda bertitah Benua Eropah, Amerika dan Afrika sudah mempunyai liganya masing-masing.

Secara total, Piala Hassanul Bolkiah merupakan sumbangan yang amat besar dan bermakna negara kita kepada perpaduan ASEAN. Ini bertepatan dengan dasar luar negara kita untuk mengutamakan ASEAN sebagai 'corner stone'. Justeru itu, kita melihat sumbangan ini walaupun 'damit' tetapi mempunyai erti yang sangat signifikan dalam usaha untuk meningkatkan semangat perpaduan, persefahaman dan kerjasama yang mendalam kalangan belia ASEAN. Sungguhpun kejohanan itu tidaklah menampilkan pemain kebangsaan negara-negara ASEAN, namun penglibatan warga belia ASEAN sudah cukup menyemarakkan dan mengagumkan kejohanan yang berprestij bagi rantau ini. Perlu diingat para belia itulah nanti yang akan mencorakkan mutu permainan bola sepak di rantau sebelah sini.

Sebagai pelopor, kejohanan itu dilihat menjadi medan peningkatan dan kemajuan mutu bola sepak negara sekali gus berupaya melahirkan ramai pemain-pemain belia yang berbakat. Selain daripada itu, kejohanan bertaraf antarabangsa itu akan memberikan pengalaman dan pendedahan pemain muda untuk beraksi lebih yakin dalam memberikan cabaran kepada pemain-pemain Asia di peringkat antarabangsa. Ianya juga memberikan peluang kepada pemain-pemain muda untuk mengembangkan bakat masing-masing bagi mengambil alih teraju dan akan dapat diserapkan dalam skuad kebangsaan bagi mengharungi kejohanan bola sepak bertaraf antarabangsa di masa depan.

Hasrat dan cita-cita Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mengadakan Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN telah menjadi realiti. Lebih bermakna lagi, kejohanan itu juga telah dimasukkan dalam Kalendar Persekutuan Bola Sepak Asia dan Persatuan Bola Sepak ASEAN. Negara Brunei Darussalam percaya, kejohanan tersebut akan terus dapat memupuk semangat kerjasama selaras dengan matlamat penubuhan ASEAN iaitu memupuk perkembangan ekonomi, sosial dan budaya melalui program-program kerjasama terutama sekali yang melibatkan belia ASEAN. Kepada skuad belia kita, bertarunglah dengan semangat kesukanan dan tunjuklah bahawa BRUNEI YAKIN. Sementara itu kepada peminat bola sepak tanah air datanglah beramai-ramai menyaksikan keramahan, kehebatan dan kehandalan pemain-pemain muda ASEAN bertarung bagi merebut piala yang berprestij di rantau ini.

HALUAN...

Sikap bersimpati terhadap penderitaan orang lain

PERLU DIPELIHARA SERTA DIKEMBANGKAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita hadir bersama-sama di majlis ini dengan sukarelawan dan dermawan yang telah menyayakan Inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah bagi membantu mangsa gempa bumi dan badai Tsunami di Aceh, Republik Indonesia.

Kejadian gempa bumi dan badai Tsunami pada 26 Disember itu sangat menggemparkan. Ia melanda banyak kawasan di negara-negara persisiran lautan Hindi mengakibatkan kemusnahan yang sangat besar dan ramai mangsa terlibat.

Aceh, wilayah Republik Indonesia di utara Kepulauan Sumatera adalah yang paling teruk terjejas dengan jumlah kematian ratusan ribu jiwa dan puluhan ribu lagi di-hitung hilang. Sesetengah bandar dan desa telah musnah menyebabkan penduduk-penduduknya yang terselamat telah melarikan diri dan berlindung di khemah-khemah pusat penempatan sementara. Di antaranya ialah kanak-kanak yang kehilangan kesemua ahli keluarga mereka.

Kita di Brunei merasa amat bersimpati terhadap penderitaan yang dihadapi oleh semua mangsa bencana tersebut. Sambil bersimpati kita juga insaf bahawa Allah Subhanahu Wataala mengizinkan kita hidup sejahtera, dilindungi dari malapetaka.

Kita bersyukur dan sentiasa akan memohon kepada Allah dan berusaha supaya nikmat serta rahmat-Nya itu akan berkekalan. Antara usaha mengekalkan nikmat dan rahmat Allah itu ialah dengan sentiasa berbuat taat dan beramal salih termasuklah menolong dan bersimpati kepada sesama hamba Allah yang malang seperti mangsa-mangsa gempa bumi dan badai Tsunami itu.

Alhamdulillah, sambutan terhadap usaha-usaha mengumpulkan bantuan dan derma kewangan sangatlah menggembirakan. Banyak pihak telah menganjurkan kegiatan-kegiatan yang bersesuaian dengan ramai orang bersedia melibatkan diri membantu. Semuanya ini adalah tanda sifat mulia masyarakat dan bangsa yang layak kita pelihara serta kembangkan.

Dalam hubungan inilah saya turut mengalu-alukan inisiatif Yayasan menghantar bantuan kemanusiaan ke Aceh. Ianya diterjemahkan perhatian berat serta simpati kita yang mendalam.

Inilah misi sulung bantuan kemanusiaan ke luar

ALHAMDULILLAH, sambutan terhadap usaha-usaha mengumpulkan bantuan dan derma kewangan sangatlah menggembirakan. Banyak pihak telah menganjurkan kegiatan-kegiatan yang bersesuaian dengan ramai orang bersedia melibatkan diri membantu. Semuanya ini adalah tanda sifat mulia masyarakat dan bangsa yang layak kita pelihara serta kembangkan.

negara yang mana buat pertama kalinya sukarelawan Brunei yang terdiri dari doktor dan paramedik Kementerian Kesihatan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei memberikan khidmat di kawasan bencana.

Dan juga buat pertama kalinya, sepasukan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta orang awam menjalankan operasi mengagihkan bantuan kepada mangsa sampai ke kawasan-kawasan terpencil selain di Banda Aceh dan sekitarnya.

Keberangkatan paduka



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Majlis Doa Selamat dan Penghargaan kepada sukarelawan dan dermawan bagi bantuan kemanusiaan Inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Isnin, 28 Februari 2005.

ayahanda ke wilayah Aceh bagi meninjau sendiri kemusnahan dan seterusnya aktiviti pasukan bantuan adalah merupakan wadah keprihatinan baginda terhadap mangsa-mangsa bencana dan kejayaan misi bantuan berkenaan.

Objektif inisiatif Yayasan itu telah mencapai sasarannya. Ianya juga memberikan pengalaman yang berharga di peringkat pembentukan idea, perancangan, penyelarasan dan seterusnya perlaksanaan. Ianya bukan sahaja melibatkan sokongan logistik Angkatan Bersenjata Diraja

Brunei bahkan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei. Kepada semua yang berkenaan itu layak mendapat penghargaan dan ucapan terima kasih.

Saya berharap pengalaman daripada inisiatif ini akan digunakan dengan sebaik-baiknya oleh Yayasan dalam mengembangkan semangat kesukarelawan. Terdapat cabaran bagi Yayasan untuk meneruskan inisiatifnya bagi faedah-faedah seterusnya di dalam negeri.

Saya percaya untuk tujuan tersebut, Yayasan akan berusaha mengadakan kerjasama strategik dengan orang ramai serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Saya telah difahamkan inisiatif Yayasan di Aceh sedang memasuki fasa kedua iaitu bantuan dalam pembangunan semula sedakad yang kita terdaya. Banyak pihak telah menyatakan kesediaan untuk mendorongnya. Ada yang dengan niat menyumbang untuk membangun masjid, sekolah dan bahkan rumah. Maka hajat serta niat baik sedemikian itu patutlah ditampung untuk disampaikan menjadi kenyataan.

Akhirnya, sekali lagi saya ucapkan penghargaan dan terima kasih kepada sekalian sukarelawan dan dermawan yang telah menyokong inisiatif Yayasan setakat ini. Semoga Allah Subhanahu Wataala membalas khidmat bakti dan sumbangan mereka itu dengan balasan yang setimpal.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah ber-

kenan menghantar tahniah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra di atas pelantikan semula selaku Perdana Menteri Thailand.

Siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri hari ini menjelaskan, baginda berharap Tuan Yang Terutama akan memperolehi

kejayaan dalam lantikan-nya bagi penggal yang kedua ini dan seterusnya berharap akan dapat terus memperkukuhkan perhubungan yang baik di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand di peringkat perhubungan dua hala dan juga di peringkat serantau dan antarabangsa.

HUBUNGAN dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Australia telah mencapai kemuncaknya apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Australia bagi lawatan negara enam hari atas undangan Gabenor Jeneral Komanwel Australia, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Michael Jeffery baru-baru ini.

Terdahulu sebelum itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah juga telah berangkat mengadakan lawatan rasmi ke Australia atas undangan Gabenor Jeneral Australia, Tuan Yang Terutama The Right Reverend Dr. Peter Hollingworth pada bulan Mac 2003.

Ini kemudiannya disusuli dengan lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri pada tahun 2004. Demikian juga di pihak Australia beberapa siri lawatan telah dilakukan oleh pemimpin dan pegawai-pegawai kanannya ke Negara Brunei Darussalam.

Namun, kedua-dua negara sudah menjalin hubungan persahabatan sejak sekian lama iaitu bermula dengan kedatangan

BRUNEI DAN AUSTRALIA BERKONGSI DUNIA MODEN

ANALISIS

Oleh Haji Timbang Bakar

an Tentera Australia ke Negara Brunei Darussalam sebaik-baik saja berakhirnya Perang Dunia Kedua. Semenjak itu hubungan tersebut terus berkembang dan semakin akrab sehingga membawa kepada hubungan diplomatik pada tahun 1984 sebaik-baik saja Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh. Australia telah mendahului membuka Pejabat Suruhanjaya Tinggi di Bandar Seri Begawan pada April 1983. Manakala Negara Brunei Darussalam membuka Pejabat Suruhanjaya Tinggi di Canberra pada tahun 1989.

Era jalinan persahabatan dan hubungan diplomatik kedua-dua negara semakin kukuh dan mantap dengan termeterainya kerjasama di bidang perdagangan dan pe-

laburan, di mana kedua-dua negara telah mewujudkan pelbagai rancangan kerjasama rasmi yang sangat-sangat dihargai oleh Negara Brunei Darussalam. Kerjasama di bidang tersebut menunjukkan kemajuan dan begitu meyakinkan di mana pelbagai barangan produk Australia telah mendapat pasaran yang baik di Negara Brunei Darussalam. Ini termasuklah produk-produk pertanian, ternakan, kereta dan teknologi. Begitu juga rakyat Negara Brunei Darussalam yang sudah melabur di Australia sejak sekian lamanya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyifatkan pelaburan Australia itu penting bagi Negara Brunei Darus-

salam sebagaimana titah baginda di Majlis Santap Tengah Hari yang disembahkan oleh Perdana Menteri Australia, Yang Amat Berhormat John Howard di Parliament House.

"Pada masa yang sama pelaburan dari Australia pada ketika ini dianggap sebagai penting bagi kami. Kami sangat gembira khususnya dengan minat syarikat-syarikat Australia yang berhasrat untuk turut serta dalam rancangan Negara Brunei Darussalam bagi mempelbagaikan ekonomi."

Pesatnya hubungan dua hala dan perkembangan lain turut disumbangkan oleh berkembangnya hubungan udara antara kedua-dua negara yang telah menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan beberapa buah bandar raya Australia sebagai destinasi pelancongan dan perniagaan. Di samping itu Australia juga merupakan destinasi pendidikan bagi rakyat Negara Brunei Da-

russalam. Jumlah graduan negara kita daripada institusi-institusi pendidikan dan latihan Australia terus meningkat dan merupakan antara bahagian utama tenaga kerja profesional Negara Brunei Darussalam.

Bidang latihan dan kerjasama ketenteraan merupakan satu lagi yang menjadi kebanggaan kedua-dua negara. Kerjasama ini bukan saja penting dan satu jaminan keselamatan malahan memberikan kekuatan tambahan kepada usaha yang sedang giat dilaksanakan di seluruh rantau sebelah sini untuk memastikan keadaan keselamatan. Pendekatan yang dikongsi bersama oleh kedua-dua negara membuktikan kesungguhan kerjasama sebagai sahabat dan rakan yang baik untuk membina keselamatan dalam erti yang sebenarnya.

Masalah keganasan antarabangsa yang melanda dunia dewasa ini turut menjadi perhatian kedua-dua negara sehingga termeterainya Memorandum Per-

sefahaman (MOU) Anti Keganasan antara Negara Brunei Darussalam dan Australia yang telah ditandatangani bersempena lawatan baginda ke Australia. Dengan penandatanganan MOU itu kedua-dua negara akan mempunyai wadah kerjasama yang lebih kukuh dan meluas dalam usaha membanteras dan memantau keganasan. Kerjasama ini meliputi untuk mengadakan latihan-latihan bersama dan pertukaran maklumat mengenainya.

Kesemua itu adalah gambaran catatan kecemerlangan pencapaian bersama yang bukan sahaja mendatangkan faedah bagi rakyat dan penduduk kedua-dua kerajaan tetapi juga telah mengukuhkan lagi usaha kedua-dua negara sebagai rakan dalam Asia Pasifik.

Negara Brunei Darussalam dan Australia mempunyai rakyat dari pelbagai latarbelakang dan budaya, namun perbezaan itu tidak menghalang mereka untuk

membina kerjasama dan persefahaman yang kukuh. Rahsia di sebalik kejayaan itu ialah keyakinan yang menjadi visi yang dikongsi bersama bagaimana hal-ehwal antarabangsa dilaksanakan dengan cara terbaik. Cara terbaik itu ialah saling menghormati terhadap kepentingan khusus masing-masing, saling menghargai pencapaian masing-masing dan saling memahami antara satu dengan yang lain sebagai rakan yang berkongsi dunia moden.

Sebagai kesimpulannya, keberangkatan baginda ke Australia bukan sahaja sekadar memenuhi undangan bahkan penghormatan yang menggambarkan keyakinan dan kemesraan kedua-dua kerajaan. Hubungan dan komitmen yang jitu natijahnya lebih meyakinkan bagi mengukuhkan perdamai dan kesejahteraan bukan sahaja untuk kedua-dua negara bahkan juga rantau ini.

Kunjungan hormat Menteri Pelajaran Malaysia

Oleh Aliddin Haji Moktal

BERAKAS, 8 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz hari ini menerima kunjungan hormat Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn.

Semasa kunjungan hormat berkenaan, kedua-dua menteri membincangkan isu-isu hubungan dua hala dalam hal-ehwal pendidikan.

Yang Berhormat Datuk Seri Hishammuddin dan Datin bersama rombongan adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini.

Yang Berhormat Datuk Seri Hishammuddin dan rombongan juga menghadiri sesi taklimat mengenai sistem pendidikan di negara ini yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Apsah binti Haji Abdul Majid.

Sesi taklimat itu juga dihadiri oleh Menteri Pendidikan, Timbalan Menteri Pendidikan, Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan di Kementerian Pendidikan.

Lawatan itu bertujuan meningkatkan lagi hubu-



MENTERI Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn ketika mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Rimba 1. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



Menteri Pelajaran Malaysia lawat tiga buah institusi pendidikan

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

RIMBA, 8 Mac. - Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Dato Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn hari ini meneruskan rangka lawatannya ke tiga buah sekolah menengah, rendah dan institusi pendidikan yang termasuk dalam program lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Salah sebuah sekolah yang dilawati pada sebelah pagi ialah Sekolah Rendah Rimba 1 di sini. Menteri Pelajaran dan rombongan sejurus tiba di sekolah berkenaan diberikan takli-

mat mengenai infrastruktur dan pendidikan yang dijalankan di sekolah berkenaan oleh Guru Besar, Pengiran Zaiton binti Pengiran Salleh.

Selepas mendengar taklimat ringkas, Menteri Pelajaran seterusnya melawat beberapa buah bilik termasuk melawat bilik makmal 'Design and Technology,' bilik makmal ICT, bilik darjah pra dan bilik sains serta bilik iba-

dat.

Sebelum menamatkan lawatan Menteri Pelajaran Malaysia menandatangani buku pelawat sempena lawatan Yang Berhormat ke sekolah berkenaan yang merupakan kenangan bersejarah bagi sekolah tersebut.

Daripada Sekolah Rendah Rimba 1, Yang Berhormat meneruskan lawatan ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji

Hassanal Bolkiah yang terletak di Jalan Tutong dan sebelah petangnya Yang Berhormat melawat Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Tujuan lawatan Yang Berhormat dan rombongan ke negara ini adalah untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala yang berkaitan bidang pendidikan antara kedua-dua negara, di samping melihat lebih secara dekat cara pelaksanaan sistem pendidikan di negara ini khu-

susnya Sistem Pendidikan Bersepadu yang baru saja dilaksanakan dan Sistem Pendidikan Dwibahasa.

Selain itu juga kedua-dua pihak juga membincangkan hubungan kerjasama serantau khususnya melalui Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara.

Setakat ini seramai 424 orang tenaga pengajar warga Malaysia yang bertugas di institusi pendidikan tinggi, vokasional dan teknikal, sekolah-sekolah menengah, rendah dan swasta di negara ini.

Lawatan rasmi DYTM dan YTM ke Republik Singapura



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dialu-alukan oleh Menteri Negara Bagi Pertahanan Republik Singapura sejurus berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi.

SINGAPURA, 8 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi bagi lawatan rasmi lima hari ke Republik Singapura.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi dialu-alukan oleh Menteri

**Liputan Sahari Akim dan
Awangku Jefferi Pg. Durahman
Gambar-gambar oleh
Harun Haji Rashid dan Masri Osman**

Negara Bagi Pertahanan Republik Singapura, Tuan Cedric Foo selaku Menteri Pengiring dan isteri.

Turut hadir bagi mengalu-alukan keberangkatan tersebut ialah Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Kula, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura dan Datin serta Tuan Yang Terutama V P Hirubalan, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam dan isteri.

Semasa lawatan ini,

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia akan berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam yang akan disembahkan oleh TYT Presiden S R Nathan dan isteri; Menteri Pertahanan, Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean serta isteri dan Majlis Santap Tengah Hari yang disembahkan oleh Menteri Kanan Republik Singapura, TYT Goh Chok Tong dan isteri.

Dalam lawatan ini juga, Duli Yang Teramat Mulia akan mengadakan kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang

Terutama Lee Hsien Loong dan mengadakan perjumpaan bersama Menteri Kanan, TYT Goh Chok Tong; Menteri Pembimbing, TYT Lee Kuan Yew dan Menteri Pertahanan, Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya akan berangkat melawat ke Kementerian Pertahanan Republik Singapura dan beberapa buah penempatan tentera, di samping melawat beberapa buah institusi pendidikan dan tempat-tempat yang menarik.

Berangkat sama dalam rombongan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan memeriksa Perbarisan Kawalan Kehormatan.

Berangkat ke Pengkalan Tentera Laut Changi

SINGAPURA, 8 Mac. - Pada sebelah petang hari pertama lawatan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan meneruskan lawatan ke Pengkalan Tentera Laut Changi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh Menteri Pertahanan Republik Singapura, Rear Admiral (S) Teo Chee Hean; Ketua Turus Angkatan Pertahanan, Leftenan Jeneral Ng Yat Chung; Ketua Tentera Laut Republik Singapura, Rear Admiral Tay dan Fleet Commander, Kolonel Chew Men Leong.

Sejurus tiba, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima tabik hormat diraja dan seterusnya memeriksa perbarisan kawalan kehormatan terdiri dari anggota Tentera Laut Republik Singapura.

Semasa keberangkatan itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang disembahkan oleh Menteri Pertahanan Republik Singapura.

Selepas Majlis Santap, Duli Yang Ter-

amat Mulia juga berkenan melihat secara dekat persekitaran dan kemudahan serta peralatan tentera yang terdapat di pengkalan tentera tersebut termasuk 'High Performance Magazine'.

Juga dilawati oleh Duli Yang Teramat Mulia ialah Kapal Selam RSS Chieftain dan 'Landing Ship Tank RSS Persistence'.

Sepanjang lawatan ke kapal tersebut, Duli Yang Teramat Mulia diiringi dan disembahkan taklimat oleh Pegawai Pemerintah RSS Persistence, Leftenan Kolonel Eddie Tang.

Juga berangkat dalam lawatan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



DULI Yang Teramat Mulia ketika meninjau kelengkapan dan kemudahan Kapal RSS Persistence.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ketika disembahkan taklimat mengenai Kapal RSS Persistence.



PERJUMPAAN ... Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengadakan perjumpaan bersama Menteri Pertahanan Republik Singapura, Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean.

Berangkat ke MINDEF dan Pengkalan Tentera Laut S'pura

SINGAPURA, 9 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman berkenan mengadakan acara berasingan dalam lawatan rasmi lima hari ke Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia memulakan acara lawatan dengan berangkat melawat Ibu Pejabat Kementerian Pertahanan Republik Singapura (MINDEF) di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di perkarangan MINDEF dijunjung oleh Menteri Pertahanan, Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean; Ketua Turus Angkatan Pertahanan; Leftenan Jeneral Ng Yat Chung;

Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dr. Tan Kim Siew dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama V P Hirubalan.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung naik ke pentas khas untuk menerima tabik hormat diraja dan seterusnya memeriksa perbarisan kawalan kehormatan terdiri dari 48 anggota Polis Tentera di bawah perintah Kapten Tino.

Setelah itu Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Singapura dan seterusnya beredar ke Bilik Persidangan bagi menghadiri sembah taklimat mengenai Dasar Pertahanan Republik Singapura; Angkatan Tentera Republik Singapura dan perkembangannya

serta Strategi Keselamatan Republik Singapura.

Juga berangkat dalam lawatan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Angkatan Bersenjata Republik Singapura telah sekian lama menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang dan dipertingkatkan lagi dengan pertukaran-pertukaran lawatan serta mengadakan latihan bersama.

ABDB juga menghantar sebilangan anggotanya mengikuti pelbagai latihan ketenteraan di Republik Singapura, manakala Negara Brunei Darussalam memberikan kemudahan latihan kepada Angkatan Bersenjata Republik Singapura yang berpangkalan di Daerah Temburong.

Berkenan menghadiri Majlis Santap Malam

SINGAPURA, 9 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menghadiri Majlis Santap Malam yang di-sembahkan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama S R Nathan dan isteri berlang-sung di Istana Negara.

Sebelum Majlis Santap Malam, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan

mengadakan perjumpaan bersama Menteri Pembimbing, Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew di ruang lain Istana.

Selepas itu diikuti perjumpaan muhibah bersama TYT Presiden S R Nathan dan isteri.

Antara yang hadir pada Majlis Santap Malam ialah Menteri Pertahanan, Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean dan isteri serta Menteri Pembangunan Negara, Tuan Mah Bow Tan dan isteri.

Negara Brunei Darus-

salam mempunyai hubungan tradisi yang cukup erat sejak sekian lama dengan Republik Singapura dan dipertingkatkan lagi dengan hubungan diplomatik secara rasmi setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh pada tahun 1984.

Jahnan kerjasama antara kedua-dua buah negara meliputi pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, pendidikan, ketenteraan dan kebudayaan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ketika berkenan bergambar kenangan sejeurus menghadiri Majlis Santap Malam yang di-sembahkan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama R S Nathan dan isteri.



Liputan Sahari Akim dan Awangku Jeffery Pg. Durahman Gambar-gambar oleh Harun Haji Rashid dan Masri Osman

DULI Yang Teramat Mulia ketika mengadakan perjumpaan bersama Menteri Pembimbing, Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengadakan perjumpaan muhibah bersama Tuan Yang Terutama Presiden S R Nathan (kanan).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah semasa melawat tugu yang melambangkan Bandar Singapura di Taman Merlion.

YTM melawat Bandar Singapura

SINGAPURA, 9 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman berkenan mengadakan lawatan rasmi di hari pertama lawatan ke Republik Singapura.

Yang Teramat Mulia memulakan acara lawatan rasmi dengan mengelilingi Bandar Singapura.

Sepanjang lawatan mengelilingi Bandar Si-

ngapura, Yang Teramat Mulia diiringi oleh isteri Menteri Pertahanan Republik Singapura, Puan Teo Chee Hean.

Dalam lawatan tersebut Yang Teramat Mulia berkenan meninjau dan menyaksikan tempat-tempat menarik yang merupakan peninggalan sejarah Bandar Singapura. Antara yang dikunjungi oleh Yang Teramat Mulia ialah Merlion Park di mana terdapatnya tugu yang berkepala singa serta berbadan ikan. Tugu ini merupakan peringatan kepada nama lama Bandar Singapura iaitu 'Temasek' yang bermaksud 'Bandar Laut' dalam bahasa Jawa, tugu tersebut juga merupakan simbol bagi Bandar Singapura dan merupakan tempat yang begitu popular di Singapura

dengan berlatarbelakangkan pemandangan 'Marine Bay'.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah mengakhiri lawatan pagi tersebut dengan berkenan melawat 'Chinatown' yang terletak berdekatan dengan Sungai Singapura. Di sini Yang Teramat Mulia berkenan mengunjungi 'Chinatown Heritage Centre' sambil menyaksikan koleksi-koleksi simpanan barangan antik bangsa Cina serta menyaksikan sejarah cara hidup dahulu kala bangsa Cina di Singapura. Chinatown juga merupakan nadi kepada aktiviti-aktiviti perdagangan di abad ke-19 dan awal abad ke-20 di Bandar Singapura.

Lawat Muzium Tamadun Asia dan Taman Warisan

SINGAPURA, 9 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman meneruskan lawatan di sebelah petang di hari pertama lawatan rasmi ke Republik Singapura ke Muzium Tamadun Asia (ACM).

Di ACM, Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh Dr. Kenyon Kwok, Pengarah ACM. Dalam lawatan ini, Yang Teramat Mulia berkenan mengunjungi Galeri Asia Tenggara, Galeri Asia Barat dan juga himpunan Koleksi Baju-baju Kebaya Datin Paduka Seri Endon Mahmood.

ACM yang terletak di bangunan Empress Place mempunyai keluasan 14,000 meter persegi. Bangunan berusia lebih satu abad itu pada asalnya merupakan bekas pejabat bagi pelbagai kegunaan semasa penjajahan British.

Pada tahun 1907, bangunan ini dinamakan Empress Building sempena mempernagati pemerintahan Ratu Victoria. Ia men-

galami perubahan demi perubahan sehingga dijadikan sebagai ACM.

Koleksi dan pameran yang terdapat di muzium ini berdasarkan kepada bahan-bahan peninggalan di rantau ini. Terdapat pelbagai pameran bahan khazanah yang dipamerkan di muzium ini, antaranya bahan khazanah Asia Tenggara, khazanah Islam dari Asia Barat dan Galeri China Kwek Hong Png.

Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menyaksikan himpunan pelbagai rekaan baju kebaya yang merupakan pakaian tradisi yang dipakai oleh Baba dan Nyonya pada abad ke-20 sehingga diubah suai mengikut arus pemodenan sekarang.

Seterusnya Yang Teramat Mulia berkenan mengunjungi Taman Warisan. Sejurus ketibaan, Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh Menteri Negara Bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Zainul Abidin Pasheed selaku Pengerusi Pusat tersebut.

Di Taman Warisan ini Yang Teramat Mulia diper-

sembahkan dengan pelbagai tarian kebudayaan oleh penari-penari kebudayaan Taman Warisan. Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan cara-cara pembuatan batik yang ditunjukkan oleh Sarkasi Said Tzee. Di sini Yang Teramat Mulia juga berkenan

mewarnai salah satu lukisan batik tersebut. Lawatan Yang Teramat Mulia ke Taman Warisan tersebut diteruskan dengan berkenan melihat cara-cara pembuatan barang-barang tembikai.

Yang Teramat Mulia

kemudian berkenan melihat sebahagian barangan lama yang tersimpan di Taman Warisan, antaranya hadiah daripada Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin kepada Encik Yusof Ishak sebagai Yang Di-Pertuan Negeri Singapura pada awal 1960-an.



YANG Teramat Mulia berkenan melawat Muzium Tamadun Asia (ACM) (kiri) dan Taman Warisan (kanan).

Pertandingan Pidato Umum UBD

Dyg. Hafizati muncul juara

TUNGKU, 4 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik hari ini berkenan berangkat ke Pertandingan Pidato Umum antara mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang perubatan Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang berlangsung di Dewan Canselor di sini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman dan Ahli Jawatankuasa Pertandingan.

Ramai lapan orang peserta terpilih dalam pertandingan akhir setelah menjalani pusingan pemilihan yang diadakan lebih awal dengan menyampaikan tajuk pidato yang menjurus kepada bidang perubatan.

Dayang Hafizati binti Md. Jaya dengan tajuk pidato

Oleh Haji Ahmad
Haji Salim

'The Origins of Australians Marsupials' menjuarai pertandingan tersebut. Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang dalam pertandingan yang merupakan pertama kali dianjurkan oleh Institut Perubatan UBD.

Terdahulu sebelum itu Naib Canselor UBD dalam sembah alu-aluannya berkata, pertandingan seumpamanya itu akan dapat dibukakan lagi dengan lebih meluas dengan memberikan peluang kepada siswazah untuk menyertai di masa akan datang.

Beliau juga menjelaskan bahawa Pertandingan Pidato Umum adalah bertujuan untuk memberikan galakan dan pengalaman kepada sis-

wazah untuk bercakap di hadapan orang ramai, di samping menyiapkan diri mereka untuk menjadi seorang profesional dan mengembangkan kemahiran para peserta dalam perhubungan dan pemikiran.

Dalam pendekatan bersama PELITA BRUNEI yang sempat menemui bual wakil Dekan Institut Perubatan UBD yang juga jemaah hakim pertandingan, Dr. Zulkarnain bin Haji Hanafi menjelaskan, cara pengakhiran pertandingan dijalankan dengan mengikuti kriteria-kriteria yang telah ditentukan di mana setiap peserta dikehendaki menyampaikan pidato umum dengan cara penyampaian tersendiri yang dapat menarik perhatian orang awam. Setiap pidato yang disampaikan hendaklah tidak keluar dari tajuk yang dipaparkan. Para peserta juga

dihakimkan melalui cara pemikiran dan dialog percakapan yang dinilai melalui tempo, kelajuan dan ketepatan para peserta mengemukakan sesebuah topik.

Menurutnya lagi, pertandingan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan di mana seramai 26 orang peserta telah menyertainya dengan terlebih dahulu menjalani beberapa pusingan untuk layak ke peringkat akhir seperti yang berlangsung hari ini bersama lapan orang peserta yang telah terpilih ke peringkat akhir.

Setiap peserta hanya diberikan selama lima minit untuk menyampaikan pidato mereka dengan di bantu menggunakan 'powerpoint'.

"Pihak Institut Perubatan UBD di masa akan datang menganjurkan pidato umum ini dengan membukakan penyertaan kepada universiti-universiti luar negara dan pertandingan yang dilangsungkan ini merupakan pertama kali pertama dan sebagai perintis ke arah mengendalikan pertandingan yang lebih besar," ujarnya.

Seramai lima orang hakim mengakhiri pertandingan iaitu Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan; Timbalan Peguam Kanan, Jabatan Peguam Negara, Awang Ahmad Jefri Rahman; Dekan Fakulti Sains UBD, Dr. Zohrah; wakil Persatuan Pidato Umum UBD, Dayang Nor Alizulraine dan Dekan Institut Perubatan UBD, Dr. Zulkarnain.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mengurniakan hadiah kepada Dayang Hafizati binti Md. Jaya yang menjuarai Pertandingan Pidato Umum dalam bidang perubatan kali pertama. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Pesta Makan Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Februari. - Pesta Makan Besar menjadi salah satu acara dalam kalendar pelancongan negara tahun ini yang dilancarkan secara rasminya oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Ketika berucap pada majlis itu, Yang Berhormat antara lain berkata, pelbagai acara dibuat bagi mempromosikan negara ini sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa melalui projek dan program yang meriah seumpama itu.

Acara seumpama itu bukan saja untuk memberikan maklumat mengenai trend makanan di negara ini

Oleh
Abdullah Asgar

tetapi juga memainkan peranan penting bagi mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan yang setaraf dengan negara-negara lain di rantau ini.

Jelas Yang Berhormat, acara tersebut bukan saja memberikan peluang kepada industri pemakanan di negara ini bahkan dapat menarik semua lapisan masyarakat untuk menikmati pelbagai jenis makanan berkhasiat sepanjang pesta, di samping berpeluang mencuba beberapa jenis makanan baru.

Berucap ketika merasmikan Pelancaran Pesta

Makan Besar di kawasan letak kereta Bangunan Alat Kebersihan Diraja, Yang Berhormat mahu Pesta Makan Besar atau acara seumpamanya itu akan dapat diunggulkan lagi pada masa akan datang.

Yang Berhormat berkata, acara itu dapat memberikan peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana di negara ini serta perhotelan untuk mempamerkan makanan tempatan dan antarabangsa.

Dalam acara itu, Yang Berhormat memotong 'pizza john' lebih 111 meter di negara ini yang disediakan oleh sebuah hotel di ibu negara sebagai memeriahkan majlis pelancaran.

Majlis Doa Kesyukuran

RIMBA, 16 Februari. - Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-31 Tahun.

Majlis berlangsung di Masjid Universiti Brunei Darussalam dihadiri oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul

Oleh
Samle Haji Jait

Aziz.

Sambutan bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah disusuli membaca Surah Yaasin dan doa kesyukuran.

Sementara itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga mengadakan majlis serupa di Surau Bolkliah Garison, Kementerian Pertahanan, di Berakas.

Pemangku Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Indera Sugara Brigadier Jeneral Dato Paduka Haji Mohd. Yusof dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mohd. Said juga hadir pada majlis berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah diputerakan pada 17 Februari 1974 di Istana Nurul Hana, Bandar Seri Begawan.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

KHIDMAT KEPADA YANG SUSAH

dilakukan atau akan dilakukan oleh perkhidmatan-perkhidmatan beruniform termasuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Pengakap, Pandu Puteri, Bulan Sabit Merah dan yang seumpamanya. Pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan badan-badan belia dan beliawanis mungkin sahaja sedang berfikir untuk melakukan inisiatif demi meningkatkan lagi mutu 'pengelingahan' dan pemeliharaan kepada mereka yang mengalami nasib yang malang itu.

Pertubuhan-pertubuhan keagamaan juga, mungkin saja sedang merancang usaha yang sama. Penduduk kampung di mana sahaja di seluruh negara ini, juga patut benar membuat usaha yang berpatutan kiranya mengetahui adanya mereka yang malang itu dengan memberikan kerjasama yang terdaya kepada Penghulu-Penghulu dan Ketua-ketua Kampung. Demikian juga pihak sekolah-sekolah di merata-rata tempat di negara ini, mungkin berfaedah dalam memikirkan langkah-langkah yang berpatutan dalam apa jua yang difikirkan perlu untuk dihidurkan termasuk dalam mengesan dan tidaknya, mereka yang demikian itu, terdapat di kawasan masing-masing dan memaklumkan kepada yang lebih berwajib untuk bertindak. Pusat-pusat pengajian tinggi juga dapat membantu melalui aktiviti-aktiviti yang relevan dengannya.

Dengan yang demikian, 'peliatan' orang akan mengarah betapa 'society' mengambil berat dalam soal-soal kesejahteraan seumpama ini.

Kalau kita mahu bercakap antara dahulu dan sekarang, maka perkara begini bukanlah perkara

yang baru, jauh sekali dari sesuatu yang memeranjatkan. Kerana sifatnya adalah alami atau perkara yang biasa di mana sahaja di dunia ini. Yang jelas, untuk meniadakan yang susah dan miskin itu adalah sesuatu yang dapat dikatakan mustahil. Dari segi hidup, memang tidak dapat dielakkan daripada ada yang susah dan ada yang senang, ada yang kaya dan ada yang miskin, ada yang cacat dan ada yang sempurna, ada yang pandai dan ada yang tidak pandai sekalipun ada yang tidak mahu dipanggil bodoh.

Maka, imbalan daripada itu, tidak ada siapa pun di dunia ini yang mahu susah. Semua orang mahu selengkap-lengkap. Semua orang mahu cantik, pintar, ber harta, hidup senang-lenang dan pendeknya tidak siapa pun yang mahu susah, hatta dalam bekerja pun tidak ada siapa pun yang mahu mengerjakan yang susah-susah, orang mahu segala-galanya senana-senang.

Sistem 'press buttons' sekarang ini, memang sangat-sangat diterima oleh orang yang banyak. Namun pada satu sudut yang relevan, semakin ramai yang senang dan sudah disenang-senangkan, maka semakin itulah juga ramai yang mahu lebih senang dalam semua perkara yang mereka inginkan. Bukan kerana tidak bersyukur dan tidak berterima kasih, tetapi semuanya itu terjadi adalah naluri kerana mementingkan keinginan - ingin kepada yang lebih menyenangkan itu. Alasannya, tentunya mengkehendaki pada yang lebih smart, keras, sempurna dan up-to-date.

Namun, risikonya tetap ada. Misalnya termasuklah akibat daripada terlalu senang itu, ada sesu-

atu yang mengunggu dengan memangsakan apa yang kita terliapa dan selalunya kurang diperhatikan kecuali apabila ianya telah timbul simptom-simptomnya, penyakit yang biasanya menyerang orang-orang yang senang, menurut setengah-setengah kalangan, penyakit jantung, kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, paru-paru dan lain-lain yang berkaitan dengan 'sudah terkejutnya pergerakan tenaga fisik'.

Semua itu tidak banyak terdapat di kalangan orang-orang dahulu kerana pergerakan tenaga mereka akan senantiasa aktif. Umpamanya, hendak ke pejabat, hanya dengan berjalan kaki atau berbasikal, berkayuh perahu, meniti jambatan, mendaki bukit dan seumpamanya. Namun begitu, tidak disangkalkan bahawa dalam soal penyakit ini tetap ada, cuma yang selalu 'didangah-dangahkan' ialah penyakit TB atau batuk kering - yang juga disebut-sebut sebagai penyakit sayawan. Penyakit kulit juga tidak terkecuali dari menghantui ramai orang pada zaman itu. Penyakit kurang vitamin adalah perkara biasa. Seperti kata orang dahulu, - itulah penyakit orang miskin atau orang yang serba susah.

Demikianlah adanya untuk dibayang-bayangkan dan ditimbang-timbangan. Nescaya kita akan melihat peribadinya, apa yang lebih apa yang kurang biar pun iklimnya tetap berlainan. Namun, satu hal yang tetap dijaga ialah soal-soal kebajikan dan keprihatinan terhadap mereka yang memerlukan bantuan atau pertolongan. Baik ia kerana memang miskin, susah dan hidup melarat mahupun yang berpenyakit dan yang bermasalah apa lagi yang mendapat musibah seperti akibat badai Tsunami di Aceh dalam bulan Disember 2004 yang lalu. Tentunya semangat begini sudah lama tertanam di kalangan sesama kita dan tentulah juga lebih memudahkannya kita untuk 'bersedekah' perkhidmatan, tenaga, fikiran bahkan wang ringgit untuk membantu mereka yang susah itu. Kerana itu, saling membantu adalah warisan kita.

Niat kita memang baik dengan pendedahan melalui media itu, tetapi mungkin lebih molekul lagi ditinjau sudut-sudut yang menjadi punca 'terlepasnya' keutamaan kepada mereka yang perlu menerima khidmat kita itu. Nampaknya, semua orang terpaksa memikirkan untuk bekerja lebih keras lagi terutamanya kalangan masyarakat umum yang lebih prihatin, demi atas nama kesejahteraan bersama.

KITA kira, ramai orang setuju terhadap langkah yang dibuat oleh orang-orang media di negara ini dalam mendedahkan beberapa perkara yang patut diketengahkan dan patut diketahui oleh umum. Umum adalah sasaran media dalam membuat liputan yang demikian. Langkah yang mereka lakukan itu mempunyai tujuan yang murni. Motif yang cukup berpatutan ialah untuk mengundang masyarakat pembaca / penonton / pendengarnya agar melakukan yang terbaik untuk mensejahterakan mereka yang berkaitan itu ala kadar yang terupaya.

Sejauh ini, memang sudah banyak cerita di bawah pengertian kemiskinan yang dialami oleh mereka yang diliputi itu. Dan, alhamdulillah, hampir kesemuanya mendapat perhatian yang sungguh menggalakkan, tumpuan perhatian yang memang dikehendaki dan tindakan-tindakan yang dilakukan berikutnya seperti ramainya orang-orang kita termasuk institusi-institusi kerajaan. Demikian juga yang bukan kerajaan seperti pertubuhan-pertubuhan yang sangat prihatin atas cerita-cerita yang pernah dimuat dalam surat khabar dan media lain sejauh ini.

Melihat kepada jasa bakti akhbar dan lain-lain media itu dalam mengetengahkan cerita yang demikian, sebaiknya harus dilihat kepada sudut tanggungjawab bersama terhadap sesama rakyat atau masyarakat yang menghuni negara. Kita sebaiknya melihat tanggungjawab itu berlaku secara meluas dan tidak terbatas kepada institusi-institusi yang mempunyai polio tugasnya sahaja.

Semoga pihak-pihak tertentu tidak akan merasa terkilan atas cerita-cerita yang disiarkan itu, apa lagi ianya secara spontan mendapat perhatian orang ramai lalu bertindak untuk menghidurkan apa saja yang dapat terjangkau oleh mereka.

Setengah-setengah orang berfikir bahawa kemungkinan adanya lebih ramai lagi orang-orang yang kurang bernasib baik, hidup melarat, sambat malam hari dalam kesusahan, mengharap belas dari jiran-jiran, hidup dalam rumah buruk, tinggal sebatang kara - semuanya tidak mustahil adanya, namun belum ada yang mahu meneruskan pencariannya termasuk media, buat sementara waktu ini, yang seolah-olah semata-mata memulangkannya kepada pihak-pihak yang dilihat sebagai lebih bertanggungjawab.

Dalam pada itu, mungkin tidak lagi sesuatu yang memeranjatkan apabila ada kemungkinannya usaha mencari mereka yang memerlukan bantuan itu, yang tinggal di pelusuk-pelusuk kampung dan mukim,



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika hadir di Majlis Makan Malam meraihan para pemilik kereta Rolls Royce dan Bentley di Kelab Polo Diraja Brunei. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Para pemilik Rolls Royce dan Bentley diraikan

JERUDONG, 7 Mac. - Para pemilik kereta-kereta lama keluaran Rolls Royce dan Bentley dari Sweden, New Zealand, Australia, Finland, Afrika Selatan, Jordan, Republik Singapura, Kanada, United Kingdom dan beberapa negara Eropah diraikan dalam Majlis Makan Malam.

Majlis tersebut diberikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bertempat di Kelab Polo Diraja Brunei di sini.

Sebelum majlis bermula, Yang Berhormat antara lain sangat mengalu-alukan kehadiran beberapa orang ahli kelab pe-

Oleh
Abdullah Asgar

minat Rolls Royce dari United Kingdom dalam acara Rolls Royce Jelajah Borneo 2005 bermula hari ini.

Yang Berhormat juga berharap agar para peserta jelajah itu akan merasa senang dan mendapat kenangan manis semasa berada di negara ini.

Katanya, inilah pertama kali rakyat dan penduduk di negara ini menyaksikan sendiri kereta keluaran Rolls Royce dan Bentley yang antaranya dibuat sebelum penemuan minyak di negara ini.

Yang Berhormat juga

melahirkan rasa puas hati terhadap jawatankuasa penganjur kerana memilih negara ini sebagai destinasi ekspedisi kerana secara tidak langsung meningkatkan kedatangan pelancong luar ke negara ini.

Sejumlah 65 buah kereta lama dan antik keluaran Rolls Royce dan Bentley menyertai jelajah yang melibatkan 170 peserta dari 26 Februari lalu hingga 16 Mac ini berakhir di Kota Kinabalu, Sabah.

Sementara itu, sebuah bank konvensional, Hongkong and Shanghai Banking Corporation (HSBC) mengadakan Majlis Amal pada 8 Mac lalu di Empire Hotel and Country Club juga bagi para peserta Rolls Royce dan Bentley

Jelajah Borneo 2005.

Majlis itu adalah bagi pelanggan-pelanggan premier bank tersebut yang antara lain acaranya termasuk cabutan tiket bertuah untuk 10 orang pemenang bagi menaiki dan dibawa dengan kereta Rolls Royce dan Bentley.

Acara yang jarang diadakan itu mendapat sambutan yang menggalakkan di mana lebih 400 orang pelanggan premier tidak melepaskan peluang menyaksikan sendiri kereta yang disifatkan termahal di dunia dan antaranya tidak diproduksi lagi.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

aturan 100 jam latihan.

Selain itu, Yang Dimulikan mengumumkan bahawa salah satu projek penting Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya ialah pelaksanaan Projek PMONET yang kini berfungsi secara berperingkat-peringkat dan akan digunakan secara keseluruhan dan meluas menjelang pertengahan tahun ini.

Di samping itu, Yang Dimulikan juga menasihati agar para pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan akan membaharui tekad untuk menguatkan lagi azam meningkatkan mutu kerja dengan berlandaskan prinsip dan ajaran Islam.

Majlis yang diselenggarakan oleh pegawai dan kakitangan Biro Kawalan Narkotik diserikan dengan ceramah khas oleh Awang Haji Mail bin Haji Besar.

SME perlu beri peluang kepada anak tempatan

TUTONG, 6 Mac. - Pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (SME) di negara ini diseru supaya memberikan keutamaan peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk tempatan sebelum membuka peluang tersebut kepada tenaga luar negeri.

Para pengusaha SME haruslah bersikap terbuka dalam menerima pekerja tempatan meskipun kurang pengalaman dan pengetahuan dalam pekerjaan serta tidak menjadikannya sebagai alasan bagi penolakan permohonan pekerja tempatan.

Justeru ke arah itu galakan dan dorongan haruslah diberikan kepada bekas penuntut dan belia yang mencari pekerjaan untuk menjawab apa jua pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan dan kelayakan mereka.

Seandainya terdapat kekurangan dari segi kemahiran dan pengetahuan, para pengusaha hendaklah bersedia memberikan latihan dan bimbingan yang bersesuaian.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris menekankan perkara tersebut di Mesyuarat Agung Ke-8 Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan, Daerah Tutong (Pakatan) di Hotel Halim Plaza di sini.

Katanya, usaha ke arah meningkatkan keupayaan dan kemahiran tenaga tempatan adalah ditekankan demi mewujudkan tenaga kerja tempatan yang berdaya saing dan cekap yang akan menjadi nadi penggerak utama ke arah kemandirian ekonomi negara tanpa bergantung sepenuhnya kepada tenaga asing.

Tegasnya, dengan adanya usaha mengutamakan pengambilan tenaga kerja tempatan akan sedikit se-

Oleh Abu Bakar
Hj. Abd. Rahman



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

banyak dapat mengurangkan jumlah pengangguran di negara ini.

Sementara bagi pencari kerja yang terdiri para belia dan lepasan sekolah, beliau menyeru supaya melengkapkan diri untuk bersedia menerima pekerjaan yang terdapat di sektor swasta khususnya yang dikuasai oleh pekerja asing.

Jelasnya, dengan penglibatan yang ramai dari anak-anak tempatan dalam mengisi peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta tentunya akan dapat mengurangkan pergantungan negara kepada tenaga asing.

Terdahulu dari itu, menyentuh mengenai kemajuan sesuatu badan atau persatuan, Dato Paduka Awang Haji Idris berkata, ia amat bergantung kepada pemimpinnya untuk sentiasa mengamalkan sikap jujur, amanah dan bertanggungjawab serta tidak mementingkan diri sendiri, di samping prihatin dalam mengekalkan persefahaman di kalangan

ahli-ahlinya.

Katanya, di sinilah kita dapat melihat kualiti pemimpin yang dapat memainkan peranannya dalam menyatupadukan semua ahli.

Beliau percaya selagi pemimpin-pemimpin mengamalkan sikap kepimpinan yang baik dan menjalankan dasar-dasar serta lulus-lunas perlembagaan, persatuan tersebut akan terus maju dan mencapai matlamatnya dalam pelbagai aspek termasuk sosial, kebudayaan dan ekonomi yang mana sentutnya membantu dalam membangun negara ini.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1994, Pakatan kini dianggotai lebih 200 keahlian dengan mempunyai rangkaian perniagaan seperti stesen minyak, satu unit kedai, sebuah bas sekolah dan kini sedang merancang bagi menubuhkan sebuah sekolah tadika di daerah tersebut.

Usaha dalam bidang perekonomian, kata Dato Paduka lagi, tentunya akan mengukuhkan status kewangan persatuan berkenaan yang tentunya lambat-laun akan dapat dinikmati dan diraih keuntungan oleh semua ahli-ahlinya.

Pencapaian seperti ini tidak akan datang melompok begitu saja tanpa adanya usaha yang gigih daripada pemimpin yang beribik, dinamik disertai sokongan padu dan kerjasama dari semua ahli.

Beliau berharap dengan terbentuknya rangkaian perniagaan yang berkualiti yang diusahakan oleh persatuan ini akan meningkatkan peluang pekerjaan di kalangan masyarakat dan penduduk di Daerah Tutong terutama bagi golongan belia yang mencari pekerjaan.

Jadikan kerja sebagai ibadah

RIMBA, 25 Februari. - Cara hidup berlandaskan nilai murni ajaran Islam perlu diamalkan oleh semua pihak dalam menjalankan tugas harian sesuai dengan niat menjadikan kerja itu sebagai salah satu ibadah kerana Allah.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Ibrahim berucap demikian di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Yang Dimulikan berkata, membuat perancangan yang strategik adalah antara langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan mutu kerja.

Yang Dimulikan me-

Oleh
Aliddin Haji Moktal

nyarankan para pegawai dan kakitangan semua jabatan dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri supaya meneliti semula Rancangan Strategik jabatan masing-masing dan mensejarkannya dengan Rancangan Strategik Jabatan Perdana Menteri serta memulakan perancangan secepat mungkin kerana sebagai agensi utama dalam jentera kerajaan, Jabatan Perdana Menteri harus menjadi contoh kepada agensi lain.

Menurut Yang Dimulikan, adalah penting bagi setiap agensi untuk memberikan perhatian berat terhadap perkembangan sumber manusia di agensi masing-masing sesuai dengan kehendak per-

SMALHB juara Forum Hijrah 1426

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Mac. - Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanul Bolkiyah (SMALHB) muncul sebagai juara dalam Pertandingan Forum Hijrah antara institusi pengajian tinggi kali ketiga sempena Sambutan Awal Tahun 1426 Hijrah.

Sekolah itu memenangi tempat pertama dengan forum bertajuk 'Ke Arah Membina Pelajar Yang Dilagati Menurut Perspektif Islam' diwakili oleh empat pesertanya iaitu Nur Aizat Haji Sahari, Norasizah Haji Puting, Hilman Haji

Oleh
Aliddin Haji Moktal

Salim dan Mohd. Alif Haji Sismat.

Naib juara disandang oleh Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dengan tajuk 'Kesepaduan dan Takwa Asas Kekukuh-kan Negara'. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dengan tajuk forum 'Kemantapan Pendidikan Kecermerlangan Kehidupan'.

Dayang Rosmahwati Latif dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah dipilih sebagai Panel Terbaik dan Awang Hilman Haji Salim dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanul Bolkiyah dipilih sebagai Pengerusi Forum Terbaik.

Enam pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut yang bertujuan untuk menggerakkan minda para pelajar khususnya belia dalam mengeluarkan hujah-hujah yang bernas di hadapan umum secara profesional

serta memupuk semangat belia di negara ini supaya lebih komited dalam menghayati konsep pembangunan ummah.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam pertandingan itu disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohammad.

Majlis hari itu diserikan dengan persembahan tasyeh oleh guru-guru pelatih Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.



KEBAWAHA DYMM MELAWAT MSOAS, STPRI dan RIF



Gambar-gambar
oleh
Haji Ariffin
Mohd. Noor,
Halim Haji
Sulaiman,
Pg. Raffie Pg. Dato
Paduka Haji
Metassim dan
Hamadi Haji
Mohammad

BERINTERAKSI ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berinteraksi bersama penuntut-penuntut Tingkatan Enam Bawah semasa baginda berangkat mengadakan lawatan tidak berjadual ke Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (MSOAS) (atas).

BERBUAL MESRA ... Baginda sempat berbual mesra bersama para ibu bapa yang kebetulan hadir di Majlis Program Orientasi penuntut-penuntut baru yang meneruskan pengajian di Tingkatan Enam Bawah di MSOAS (kiri).

TERTARIK ... Baginda dengan penuh minat meneliti sebuah buku teks yang digunakan oleh penuntut MSOAS sambil diperhatikan oleh seorang guru di maktab tersebut (kanan).
MENANDATANGANI ... Sebagai tanda kenang-kenangan sempena lawatan ke MSOAS, baginda berkenan menurunkan tandatangan di buku pelawat (bawah).



MENELITI ... Baginda dengan penuh minat meneliti buku teks yang digunakan dalam pembelajaran semasa baginda berangkat melawat bilik-bilik darjah di MSOAS.



JUNJUNG ... menunggu mereka di S. Isteri Fatimah kan peluang hadapan majlis.

BAGINDA ... Makmal Sa Perempuan R. bli diiringi o berkenaan. (atas).

MENJUNJUN ... semasa berziarah para p sebelum bersekolah itu berjadual ke (kanan).

BAGINDA ... pada seoran rangkat melai



Wah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Haji Hassanal Bolkiah Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Raja Brunei Darussalam dalam usaha bagin-mastikan perkembangan pendidikan di Brunei Darussalam berjalan dengan baik, berangkat mengadakan lawatan tidak ber-taktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah (RIF) pada 7 Mac yang lalu.

Baginda, keberangkatan baginda itu mencer-apa baginda amat mengambil perhatian terhadap bidang pendidikan di negara ini.



MENURUNKAN TANDATANGAN ... Baginda berkenan menurunkan tandatangan baginda semasa dijunjung oleh seorang penuntut MSOAS (atas kiri), sementara gambar atas kanan, baginda dengan penuh minat meneliti buku seorang murid di Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah (RIF), manakala gambar kiri, semasa keberangkatan ke MSOAS, baginda juga berkenan meninjau padang sekolah tersebut yang terletak berdekatan sambil disem-bahkan penerangan oleh Pemangku Pengetua sekolah itu, Awang Haji Salleh bin Mahmud.



MENINJAU BILIK DARJAH ... Baginda semasa berkenan melawat sebuah bilik darjah yang terdapat di STPRI (atas).

BERSALAMAN ... Semasa keberangkatan tidak berjadual ke STPRI, di samping melawat bilik darjah, baginda juga berbual mesra bersama beberapa orang guru di sekolah berkenaan (kiri).



BERTUAH ... Seorang penuntut Sekolah Rendah RIF amat bertuah kerana dapat berbual mesra bersama baginda.

RAH ... Ibu bapa yang apuian anak-anak Sekolah Rendah Raja Isteri (RIF) tidak melepai-jung ziarah ke baginda (kiri sekali).

BERANGKAT MELAWAT ... Baginda berangkat melawat Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) sam-ah Pengetua sekolah aying Hajah Gambar

BERANGKAT ... Baginda berangkat melawat STPRI sam-ah Pengetua sekolah aying Hajah Gambar

BERANGKAT ... Baginda berangkat melawat STPRI sam-ah Pengetua sekolah aying Hajah Gambar



Perubahan daripada 'red tape' kepada 'red carpet'

RIMBA, 5 Mac. - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair berkata, cabaran yang perlu dihadapi dan tangani bersama dalam Perkhidmatan Awam ialah bagaimana kita merubah tanggapan, keluhan, ketidakpuasan dan kekecewaan pelanggan-pelanggan ke atas terdapatnya 'red tapes' di dalam birokrasi kerajaan yang menyebabkan kelambatan, kurang peka ke atas permintaan dan ekspektasi dan melemahkan semangat usaha niaga kepada 'red carpet' yang memberikan layanan yang baik dan kepuasan serta memudahkan segala urusan peribadi dan niaga kepada pelanggan.

"Kerana perlu kita ingat, suatu hari kita sendiri juga yang akan menjadi pelanggan kepada Perkhidmatan Awam apabila kita sudah menamatkan perkhidmatan, dalam mana kita sendiri juga yang akan datang berurusan dengan agensi-agensi berkenaan di dalam Perkhidmatan Awam," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri menyatakan perkara tersebut semasa melancarkan seminar 'Innovation and Creativity In The civil Service' yang diadakan di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Justeru itu, jelasnya lagi, sipakah yang akan disalahkan jika masih terdapat kelambatan, kurang efisien, kurang pemudulan dan masih tidak 'up-to-date' di dalam Perkhidmatan Awam sedangkan kita sendiri pernah menjadi warga Perkhidmatan Awam dan diberikan peluang, kesempatan dan tanggungjawab untuk merubah dan memartabatkan serta memperbaikinya.

Ke arah itu, Yang Berhormat menyasarkan agar kita berbuat sesuatu dan mengambil tindakan yang selayaknya baik secara individu mahupun kolektif bagi mencapai matlamat Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 dengan segera.

Lebih-lebih lagi, apabila kita menyadari dan melihat di dalam organisasi itu terdapat unsur-unsur seperti tenaga kerja kurang motivasi dan minat dalam melaksanakan kerja dan tugas mereka; tenaga kerja kurang kemahiran dan pengetahuan bagi menyesuaikan diri dengan tugas dan kerja baru yang diberikan; kakitangan sering bertelagah dan kurang produktiviti di samping kurangnya komunikasi antara pegawai dan kakitangan.

Jika senario tersebut terdapat di dalam sesebuah organisasi, tekan Yang Berhormat, ianya memerlukan perubahan pengurusan dan

Oleh
Abu Bakar Haji Abd. Rahman

inovasi melalui proses organisasi pembelajaran yang melibatkan semua anggota di dalam organisasi berkenaan.

Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 yang ingin kita capai menggariskan hala tuju Perkhidmatan Awam negara ini dalam menghadapi cabaran-cabaran, persaingan dan ekspektasi era globalisasi dan infotelekomunikasi serta meningkatkan kemajuan dan pembangunan negara serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang kepada para pelanggan.

Mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Kebangsaan yang lalu, jelas Yang Berhormat, antara lain berbunyi "Menyentuh mengenai pembangunan negara yang mantap, ia adalah bergantung kepada jentera Perkhidmatan Awam yang dapat memenuhi keperluan dan harapan masyarakat. Lalu untuk kerajaan, beta telah mewujudkan satu Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21. Setiap agensi kerajaan hendaklah memastikan diri masing-masing dapat mencapai matlamat wawasan tersebut. Semua Kementerian dan jabatan kerajaan dikehendaki mengenal pasti isu-

isu yang mempunyai kepentingan nasional bagi dibincang dan seterusnya diselaraskan bersama-sama."

Yang Berhormat menambah, titah baginda itu jelas memberikan arahan, harapan dan tanggungjawab kepada Perkhidmatan Awam di negara ini dan selaku tenaga penggerak jentera Perkhidmatan Awam itu sama ada yang berkapasiti sebagai Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, eksekutif, pengarah, ketua jabatan, pengurus, pegawai kanan, pegawai dan tenaga pembantu perlu mendukung pembangunan negara yang mantap dan mempunyai daya saing serta memberikan kepuasan kepada pelanggan-pelanggan yang terdiri daripada orang ramai dan sektor swasta.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair menyaksikan pameran sejour melancarkan Seminar 'Innovation and Creativity In The civil Service' anjuran Institut Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Lebih 6 ribu SME aktif di negara ini

GADONG, 1 Mac. - Terdapat lebih 6,000 perusahaan kecil dan sederhana yang aktif di negara ini. Jumlah tersebut penting bagi pembangunan negara walaupun ia masih dianggap kecil jika dibandingkan dengan negara-negara jiran.

Namun begitu jumlah kecil itu berperanan penting sebagai peranan kerajaan ke arah memastikan hasrat bagi mencapai kemajuan mempelbagaikan ekonomi negara.

Perkara itu antara lain disampaikan oleh Awang Haji Latif bin Haji Aspar ketika membacakan ucapan Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang Haji Momin bin Haji Sawal di Mesyuarat Ke-3 BIMP-EAGA Pembangunan SME Berkelompok di sebuah hotel di sini.

Menurut beliau kerajaan percaya dengan pertumbuhan dan kemajuan

Oleh
Abdullah Asgar

SME di negara ini yang berterusan, ia berjalanan dengan perkembangan SME di rantau ini secara keseluruhan.

Maka oleh itu, katanya, mesyuarat kali ini penting bagi Negara Brunei Darussalam kerana ia dapat bertukar-tukar pandangan, maklumat dan pengalaman yang boleh menyumbangkan kepada memperkayakan dasar-dasar dan strategi sambil boleh dijadikan sebagai promosi bagi kerjasama yang erat di kalangan anggota.

Menurut beliau lagi, pada tahun-tahun kebelakangan di negara ini, SME meluahkan kehairanan mengenai progres yang terhad dalam hal pergerakan agenda BIMP-EAGA bagi mencipta kejayaan yang lebih antara rantau.

Kira-kira 50 orang peserta dari empat buah

negara iaitu Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Filipina menghadiri mesyuarat ketiga BIMP-EAGA Pembangunan SME Berkelompok hari ini.

Mesyuarat antara lain membincangkan perkembangan peredaran pelan

perniagaan empat projek iaitu Industri Ternakan Halal dari Negara Brunei Darussalam, Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan dari Republik Indonesia, Industri Minyak Palma dari Malaysia dan Industri Rumpai Laut dari Republik Filipina.

Mesyuarat juga membincangkan beberapa isu

yang bersangkutan dengan kegiatan perdagangan dan pelaburan dalam rantau kecil seperti kastam, imigresen, kuarantin dan keselamatan (CIQS) serta perbankan Islam.

Ketua delegasi tuan rumah, Awang Haji Abdul Latif bin Haji Aspar bagi mewakili Pegawai Tugas-Tugas Khas, Ketua Pro-

mosi dan Bahagian Pembangunan Keusahawanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Momin bin Haji Sawal.

Mesyuarat yang berlangsung selama dua hari itu dipengerusikan oleh ketua delegasi Republik Filipina, Mesrly Cruz.



MESYUARAT Ke-3 BIMP-EAGA Pembangunan SME Berkelompok yang berlangsung di sebuah hotel di Gadong. - Gambar oleh Ramli Tengah.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman merasmikan Kad Klasik dan Emas Bank Baiduri. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Bank Baiduri perkenal produk baru

Oleh
Abu Bakar Haji Abd. Rahman

JERUDONG, 3 Mac. - Bank Baiduri hari ini memperkenalkan produk barunya sekali gus muncul sebagai bank pertama di negara ini dengan menawarkan Kad Caj American Express yang direka khusus untuk mereka yang sering ke luar negeri.

Dengan perkhidmatan tersebut Bank Baiduri secara tidak langsung melangkah setapak dan terus berkembang di dalam industri perbankan khusus bagi memberi keselesaan dan kepercayaan kepada pelanggan mereka.

Kad yang boleh didapati dalam dua edisi Klasik dan Emas dirasmikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-

Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman di sebuah hotel di Jerudong di sini.

Terdahulu dalam sidang media bersama Pengurus Besar Bank Baiduri, Pierre Imhof menjelaskan, bahawa pemegang kad American Express Baiduri secara automatik akan menikmati pendaftaran program ganjaran terbaik di negara ini dengan mendapat tiga kali mata bonus bagi setiap perbelanjaan.

Sebagai kemudahan kepada orang ramai yang ber-

terusan dengan bank berkenaan, jelasnya, bank tersebut juga menawarkan beberapa produk inovatif seperti kad kredit dan kad jenama bersama MTV dan Baiduri Ladies.

Sementara Awang Kula Kulendran yang merupakan Naib Presiden dan Ketua Rangkaian Perkhidmatan Global American Express berkata, usaha yang mereka lakukan itu merupakan sebahagian daripada strategi global syarikat untuk mengembangkan permintaan kad American Express melalui gabungan strategik dengan bank terpilih.

Kes-kes jenayah dan sivil bertambah

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Mac. - Kes-kes jenayah termasuk pelanggaran peraturan dan undang-undang jalan raya yang didaftarkan di keempat-empat buah daerah empat tahun lalu telah mencatatkan sejumlah 2,180 di Mahkamah ibu negara, 340 kes di Kuala Belait, 103 kes terdapat di Daerah Tutong dan 15 lagi di Daerah Temburong.

Manakala kes-kes sivil juga telah mencatatkan sebanyak 872,120.7 dan kosong kes masing-masing di Daerah Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong. Pendaftar Kanan dan Pendaftar-pendaftar Mahkamah Besar telah mengendalikan sebanyak 253 permohonan Kamar, 123 Kes Sivil telah dicatatkan dalam Mahkamah Perantaraan di mana jumlah kes yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi adalah 316 kes.

Ketua Hakim Negara, Dato Seri Paduka Mohammed Saied menyatakan perkara itu di Majlis Pelancaran Tahun Undang-Undang 2005 yang berlangsung di Bangunan Mahkamah di sini.

Menurutnya lagi Mahkamah Perantaraan telah pun menyelesaikan sebanyak 15 kes jenayah dan Mahkamah Tinggi pula menyelesaikan sejumlah 42 kes.

"Mahkamah Rayuan pula yang bersidang dua kali setahun membicarakan sebanyak 15 kes rayuan jenayah dan 13 kes rayuan sivil didaftarkan pada tahun lalu. Terdapat 281 kes notis kebangkrutan yang difailkan pada tahun berkenaan, 161 kes perintah penerimaan dan sebanyak 41 pembatalan telah dibuat dan tiga perintah pengumuman telah juga dikeluarkan," jelas Dato Seri Paduka.

Di majlis itu Dato Seri Paduka juga turut menyenut mengenai kutipan hasil, di mana, jelasnya, pada

oleh Haji Ahmad Haji Salim
Gambar-gambar oleh
Masri Osman

tahun lalu jumlah di tiga buah pusat utama iaitu di Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Temburong masing-masing telah mencatatkan hasil kutipan sebanyak \$3,278,546.91; \$411,227.93 dan \$16,607.00 yang membawa jumlah kepada \$3,706,381.84.

Dato Seri Paduka dalam ucapannya juga turut menggariskan kemajuan perundangan, di mana katanya, sebuah bangunan baru sedang dalam pembinaan yang berkedudukan di antara Bangunan Mahkamah dan Bangunan Undang-undang dengan menempatkan beberapa buah jabatan kerajaan dan Jabatan Kehakiman.

Menurutnya, peruntukan tambahan tersebut adalah sangat dialu-alukan dan ia wujud bertepatan waktu ketika meningkatnya beban kerja Bahagian Mahkamah-mahkamah Majistret dan Mahkamah Tinggi.

Selain itu beliau juga menyatakan mengenai pengkomputeran mahkamah di mana perkara itu telah mencapai satu peringkat menawarkan projek berkenaan oleh sebuah badan yang bertanggungjawab dengan harapan usaha itu akan dapat bermula sedikit masa lagi.

Dalam ucapannya, beliau juga menyentuh mengenai jurubahasa, di mana katanya, Jabatan Kehakiman dan Ketua Pendaftar sedang menimbangkan bagi rancangan latihan terbaik di luar negara bagi jurubahasa dengan harapan akan dapat membuahkan hasil tidak lama lagi.

Sementara Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi yang juga turut memberikan ucapan me-

nyentuh mengenai keadilan yang mana jelasnya, keadilan tidak boleh ditangguh-tangguh sama ada dalam hal penyiasatan, penabitian dan percabaran kes-kes.

Keutamaan, tegas Yang Berhormat, hendaklah diberikan kepada penyiasatan dan penabitian kes-kes jenayah yang serius dengan memberikan perhatian yang lebih khusus kepada kes yang melibatkan defendan dan saksi yang terdiri dari orang luar.

Sehubungan dengan itu, kata YB, untuk menangani keterlambatan yang tidak munasabah, maka latihan adalah amat diperlukan dalam segala aspek.

Dalam ucapannya YB juga turut menggariskan beberapa perkara bagi meningkatkan dan memperbaiki sistem keadilan di negara ini iaitu bantuan perundangan bagi kes-kes jenayah non-capital bagi kes-kes sivil tertentu Mahkamah Tuntutan Kecil dan Mahkamah Juvana yang akan mengendalikan kesalahan-kesalahan muda.

Sementara wakil Pengamal Perundangan, Awang David Teo berkata, keperluan untuk mengadakan majlis seperti Tahun Undang-Undang adalah amat penting kerana ia menjadi tradisi unik dan penghargaan kepada sistem perundangan negara yang menjaga dan memastikan keselamatan dan perdamaian.

Dalam ucapannya, beliau juga mengusulkan agar sistem bantuan guaman yang ada ketika ini yang hanya terhad kepada jenayah serius yang membawa hukuman mandatori mati hendaklah dikaji semula dengan melarikannya kepada semua jenayah-jenayah serius yang lain.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa ketika hadir di Majlis Pelancaran Tahun Undang-Undang 2005.

Perkara kedua, katanya ialah mengenai pesalah muda juvana, di mana mereka hendaklah dilayan secara berasingan dari pesalah dewasa dan tidak dibicarakan dalam Mahkamah Biasa.

Mereka sepatutnya dibicarakan dalam Mahkamah Juvana yang selalunya diakhimkan oleh Majistret. Ini adalah untuk memastikan mereka merasa dihakimi dalam persekitaran yang non-judicial, jelas YB.

Di samping itu beliau mencadangkan untuk memperkenalkan perkhidmatan masyarakat sebagai sebahagian dari dasar penabitian kesalahan dalam beberapa kes-kes tertentu.

Pada acara tahun ini, Perbarisan Kehormatan Pasukan Polis Diraja Brunei dalam Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2005 yang sering menjadi salah satu acara tradisi tidak dapat dilaksanakan kerana masalah cuaca yang tidak mengizinkan.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



KETUA Hakim Negara, Dato Seri Paduka Mohammed Saied ketika berucap di Majlis Pelancaran Tahun Undang-Undang 2005.

Pencemaran makanan oleh bahan pewarna 'Sudan 1'

BERAKAS, 2 Mac. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa berikutan laporan produk-produk makanan yang dicemari oleh bahan pewarna yang tidak diizinkan iaitu 'Sudan 1' yang ditarik balik di United Kingdom baru-baru ini, maka penyiasatan telah pun dikendalikan bagi memastikan sama ada terdapatnya bahan makanan berkenaan di pasaran negara ini.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar telah mendapati hanya terdapat sejenis makanan yang terlibat iaitu 'Colman's Seafood Source' 150 ml. Pihak pengimport telah pun menarik balik produk berkenaan melalui pasaran berbanding dari pemberitahuan yang mereka

terima dari pihak sumber/pengeksport.

Kementerian Kesihatan dalam siaran akhbarnya menjelaskan, pemantauan akan dibuat secara berterusan berpandukan senarai makanan yang terlibat dan mana-mana jenis produk lain yang diketahui terjejas. Selain dari itu, contoh bagi pemeriksaan makmal dan tindakan susulan juga akan diambil bagi mana-mana produk yang disyaki tercemar oleh bahan berkenaan.

Bahan pewarna 'Sudan 1' dengan tahap yang rendah terdapat dalam makanan pada masa kini, mempunyai risiko yang rendah bagi penyakit kanser. Walau bagaimanapun adalah lebih baik dielakkan untuk dimakan.

Business Class RBA Ke-5 terbaik di Asia

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Mac. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) terus berkembang pesat dan maju sejajar dengan penerbangan lain di dunia. Baru-baru ini RBA telah pun diisytiharkan dalam kedudukan kelima kelas penerbangan bisnisnya.

Menurut siaran akhbar RBA, Skytrax, iaitu badan penilai bebas yang terkenal dan diiktiraf telah menempatkan RBA dalam kedudukan kelima dalam Kelas Penerbangan Business melalui penyelidikan syarikat syarikat penerbangannya di Asia. Kedudukan kelima tersebut adalah pencapaian yang cemerlang bagi RBA setelah menduduki tempat ke-16 dalam penyelidikan yang sama pada

Oleh
Hj. Dayang
Hj. Kasim

tahun 2003.

Siaran akhbar RBA juga menyatakan, penyelidikan yang telah dijalankan terhadap 66 buah syarikat penerbangan di seluruh dunia, RBA telah ditempatkan pada kedudukan yang kesembilan, meninggalkan syarikat penerbangan yang ternama seperti Penerbangan Emirat, Lufthansa, Penerbangan Antarabangsa Swiss dan Air France.

Siaran akhbar itu juga memetik bahawa jurucakap RBA sebagai berkata, pihak RBA telah pun berusaha dengan gigih untuk memperbaiki pro-

duk penerbangan kelas bisnis yang telah diiktiraf kesesuaiannya.

Jurucakap itu menambak, pencapaian cemerlang bukan sahaja disebabkan oleh pengenalan Sky Lounge, tempat duduk SkyDreamer, Tayangan Penerbangan SkyShow, rancangan Royal Skies Frequent Flyer, menu baru dan pesawat baru tetapi juga disebabkan oleh krew penerbangan dan kakitangan yang bekerja keras untuk memberikan layanan dan perkhidmatan yang semakin meningkat.

Kedudukan setiap syarikat penerbangan dinilai oleh Skytrax dari semua aspek perkhidmatan penerbangan, termasuk perkhidmatan di lapangan terbang,

kelengkapan lounge, keselamatan dalam penerbangan dan perkhidmatan pembersihan, rancangan Frequent Flyer dan perkhidmatan krew dalam penerbangan.

PENILAIAN MENENGAH BAWAH (PMB) 2005

JABATAN Peperiksaan, Kementerian Pendidikan kini sedang membuat persediaan bagi pendaftaran Penilaian Menengah Bawah (PMB) 2005.

Pendaftaran peperiksaan adalah dibukakan kepada:

1. Calon-calun sekolah bagi penuntut-penuntut Menengah Tiga pada tahun ini dan mestilah melalui sekolah masing-masing.

2. Calon-calun persendirian yang pernah menduduki Menengah Tiga dengan menunjukkan bukti-bukti pengajian mereka atau disokong oleh Penyelidik-penyelidik Kelas Pelajaran Lanjutan di pusat-pusat yang berkenaan.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi melalui Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan

semasa waktu pejabat dibuka mulai 8 Mac hingga 19 April 2005 bagi calon-calun persendirian dan 8 Mac hingga 10 Mei 2005 bagi calon-calun sekolah-sekolah kerajaan dan swasta.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima bayaran pendaftaran peperiksaan pada setiap hari Isnin hingga Khamis di sebelah pagi mulai jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan di sebelah petang mulai jam 1.30 hingga 3.00 petang dan hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Borang pendaftaran peperiksaan yang telah dilengkapi berserta dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan tidak lewat dari 19 April 2005 bagi calon persendirian dan 10 Mei 2005 bagi calon-calun sekolah-sekolah kerajaan dan swasta.

Lawatan Rasmi DYTm dan YTM ke Republik Singapura



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ketika berkenan melawat Botanic Gardens, sambil disebarkan penerangan ringkas mengenai taman itu oleh Pengurusnya.

Berangkat lawat Taman Botani Singapura

SINGAPURA, 10 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah memulakan atur cara lawatan rasmi hari kedua dengan berangkat melawat Taman Botani Singapura (Botanic Gardens) di sini.

Sebelum meneruskan lawatan, DYTm dan YTM berkenan menghadiri santap pagi yang disebarkan oleh Menteri Pertahanan Republik Singapura dan Puan Teo Chee Hean di Burkhill Hall, Taman Botani Singapura.

Dalam keberangkatan tersebut, DYTm dan YTM berkenan menyaksikan secara lebih dekat lagi keindahan tumbuh-tumbuhan di VIP Garden, Orchidarium, Tan Hoon Siang Mist House dan Cool House sambil disebarkan penerangan mengenai profil dan perkembangan semasa taman tersebut.

Turut berangkat ialah YAM Pengiran Muda Abdul Qawi.

Antara yang menarik dan unik mengenai taman ini ialah terdapatnya taman yang diberi nama Taman Orkid VIP, di sini kita berpeluang menyaksikan pelbagai jenis spesies orkid yang diberi nama pembesar-pembesar negara dan juga orang-orang kenamaan dari luar negara. Di taman ini juga terdapat lebih 1,000 spesies dan 2,000 hybrid.

Taman Botani Singapura mula dibangunkan dalam tahun 1822 di atas sebuah bukit di Ford Canning oleh Sir Stamford Raffles bagi tujuan pertanian yang mempunyai potensi ekonomi ketika itu.

Taman tersebut ditutup dalam tahun 1829 dan hanya 30 tahun selepas itu barulah Taman Botani Singapura yang ada sekarang dibangunkan semula oleh Persatuan Agri-Hortikultur yang kemudiannya diserahkan kepada kerajaan dan sekarang di bawah pengendalian Majlis Taman Negara.

Selain itu, beraneka jenis orkid, bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan hutan tropika yang bukan sahaja indah dan mendapat tarikan serta pujian pengunjung dalam dan luar negara, malahan taman ini juga berfungsi sebagai pusat penyelidikan.

Selain itu, beraneka jenis orkid, bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan hutan tropika yang bukan sahaja indah dan mendapat tarikan serta pujian pengunjung dalam dan luar negara, malahan taman ini juga berfungsi sebagai pusat penyelidikan.

Selain itu, beraneka jenis orkid, bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan hutan tropika yang bukan sahaja indah dan mendapat tarikan serta pujian pengunjung dalam dan luar negara, malahan taman ini juga berfungsi sebagai pusat penyelidikan.

Selain itu, beraneka jenis orkid, bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan hutan tropika yang bukan sahaja indah dan mendapat tarikan serta pujian pengunjung dalam dan luar negara, malahan taman ini juga berfungsi sebagai pusat penyelidikan.

Selain itu, beraneka jenis orkid, bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan hutan tropika yang bukan sahaja indah dan mendapat tarikan serta pujian pengunjung dalam dan luar negara, malahan taman ini juga berfungsi sebagai pusat penyelidikan.

Selain itu, beraneka jenis orkid, bunga-bunga dan tumbuh-tumbuhan hutan tropika yang bukan sahaja indah dan mendapat tarikan serta pujian pengunjung dalam dan luar negara, malahan taman ini juga berfungsi sebagai pusat penyelidikan.

Liputan
Sahari Akim dan
Ak. Jefferi Pg. Durahman
Gambar-gambar oleh
Harun Haji Rashid dan
Masri Osman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan mengadakan kunjungan muhibah kepada Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura (kiri). Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Goh Chock Tong, Menteri Kanan Republik Singapura (atas).

Berangkat ke Majlis Santap Malam

SINGAPURA, 10 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat ke Majlis Santap Malam di hari kedua lawatan rasmi ke Republik Singapura disebarkan oleh Menteri Pertahanan Republik Singapura dan Puan Teo Chee Hean.

Keberangkatan tiba DYTm dan YTM dijunjung oleh Menteri Pertahanan Republik Singapura, Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean dan isteri yang diadakan di Hotel Grand Hyatt.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura mempunyai hubungan kerjasama yang erat dan luas dalam

bidang ketenteraan sejak ianya terjalin lebih 20 tahun yang lalu.

Kedua-dua angkatan tentera terlibat dalam mengendalikan enam latihan dua hala setiap tahun yang mana empat kali latihan diadakan bersama Tentera Darat dan sekali latihan masing-masing bersama Tentera Laut dan Tentera Udara.

Di samping itu, Negara Brunei Darussalam juga memberikan kemudahan latihan kepada Angkatan Bersenjata Republik Singapura yang berpangkalan di Daerah Temburong.

Tentera Darat dari kedua-dua buah negara telah menjalani latihan bersama sejak 1983, bersama Tentera Laut berjalan sejak 1978, sementara

latihan bersama Tentera Udara beroperasi sejak 1994.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ketika berangkat ke Majlis Santap Malam yang disebarkan oleh Menteri Pertahanan Republik Singapura, Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean dan Puan Teo Chee Hean.

Berkenan mengadakan kunjungan muhibah

SINGAPURA, 10 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengadakan kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong berlandung di Istana Negara di sini.

Selepas itu, DYTm juga berkenan menerima mengadap Menteri Kanan Republik Singapura, TYT Goh Chok Tong di ruang lain Istana.

Selesai sahaja majlis tersebut, DYTm bersama YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah kemudiannya berkenan menghadiri Majlis Santap Tengahari di sebuah hotel terkemuka yang disebarkan oleh Menteri Kanan Republik Singapura dan isteri.

Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menyampaikan secara dekat kenderaan 'Light Strike' di Markas Komando Singapura.

DYTM berkenan melawat Markas Komando Singapura

SINGAPURA, 10 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat melawat Markas Komando Singapura di sini.

Mengalu-alukan keberangkatan tiba DYTM ialah Menteri Pertahanan Republik Singapura, Rear Admiral (NS) Teo Chee

Hean; Ketua Pertahanan, Letnan Jeneral Ng Yat Chung; Ketua Angkatan Tentera, Mejar Jeneral Desmond Kwek dan Ketua Pegawai Komando, Kolonel Yeo See Peng.

Sejurus berangkat tiba, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima hormat diraja dan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan terdiri dari anggota Komando Republik Singapura.

dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang sedang mengikuti kursus dan latihan di cawangan-cawangan Angkatan Tentera Republik Singapura.

Mereka terdiri dari beberapa orang pegawai bertaauliah, tujuh pegawai kadet lelaki dan dua kadet wanita, tujuh anggota Tentera Udara Diraja Brunei dan enam lagi anggota Tentera Laut Diraja Brunei.

Dalam lawatan tersebut, DYTM juga berkenan menerima cenderamata berupa 'Ultimax 100 Section Assault Weapons' yang disumbangkan oleh Menteri Pertahanan, cenderamata yang disumbangkan oleh Pemerintah Angkatan Tentera Republik Singapura dan cenderamata yang disumbangkan oleh Ketua Pegawai Komando Republik Singapura.

Sementara itu, DYTM juga berkenan menyampaikan cenderamata kepada Menteri Pertahanan, Ketua Pemerintah Tentera dan Ketua Pegawai Komando Republik Singapura.

Turut berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Sepanjang lawatan, DYTM berkenan menghadiri sembah taklimat di Auditorium Markas, menyaksikan demonstrasi dan persembahan kelengkapan Angkatan Operasi Khas, melihat secara dekat kecanggihan serta kehebatan 'Very Slender Vessel', kenderaan kereta kebal 'Bionix' dan kenderaan ringan 'Light Strike', kedua-duanya buatan Singapura.

Semasa lawatan itu, DYTM juga berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama pegawai-pegawai



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menaiki kereta kebal 'Bionix' buatan Singapura (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan beramah mesra bersama pegawai-pegawai dan anggota ABDB yang berkursus di Republik Singapura (bawah kiri).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menyampaikan cenderamata kepada Menteri Pertahanan Republik Singapura, Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean (bawah kanan).



Berangkat pulang dari Singapura

SINGAPURA, 12 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak

Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat meninggalkan Republik Singapura setelah menamatkan lawatan rasmi lima hari ke republik tersebut.

Sebelum berangkat ke lapangan terbang, doa

selamat dibacakan oleh Mudim Awang Haji Amran bin Haji Salleh.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi untuk menyampaikan ucapan selamat berangkat ke hadapan majlis DYTM dan YTM ialah Menteri Pertahanan, Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean dan isteri.

Juga berangkat di lapangan terbang ialah Menteri Negara Bagi Pertahanan, selaku Menteri Pengiring Tuan Cedric Foo dan isteri; TYT Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Kula, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei

Darussalam ke Republik Singapura dan Datin dan TYT V. P. Hirubalan, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam dan isteri.

Lawatan rasmi DYTM dan YTM ke republik itu adalah atas jemputan Menteri Pertahanan Republik Singapura yang menunjukkan keakraban dan kemestrian hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Berangkat mengiringi DYTM dan YTM sepanjang lawatan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

LAGI berita dan gambar-gambar sepanjang lawatan rasmi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ke Republik Singapura akan dimuatkan dalam keluaran 'PELITA BRUNEI' 23 Mac 2005.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia sejurus sebelum berangkat meninggalkan Republik Singapura, berbual mesra bersama Menteri Pertahanan Republik Singapura, Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean dan Puan Teo Chee Hean.

Anggapan negatif terhadap MPMK merugikan dan perlu dikikis

BERAKAS, 7 Mac.- Terdapat Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang tidak aktif, tidak bergerak dan tidak diperbaharui apabila tempoh perantikkannya telah berakhir.

Punca yang dikenal pasti adalah disebabkan kurangnya komitmen di kalangan ahli-ahli yang dilantik dan juga sikap sesetengah Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang beranggapan bahawa kewujudan majlis perundingan itu cuma menyusahkan, tidak penting dan tidak perlu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan menjelaskan perkara tersebut di Majlis Perjumpaan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bersama Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba di sini.

Menurut Yang Dimuliakan, anggapan negatif sedemikian adalah sangat merugikan dan perlu dikikis segera kerana ianya terkeluar daripada hasrat penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Majlis perundingan, katanya, diwujudkan adalah semata-mata bertujuan untuk membantu, memper-

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

mudahkan dan mengesan lagi pentadbiran, pemedulian dan pengelilingan ke atas anak-anak buah yang mana tugas-tugas dan tanggungjawab tersebut sangatlah berat untuk dilaksanakan dengan efektif, apatahlagi jika ianya dibuat secara sendiri.

Dalam hubungan itu, jelasnya, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung haruslah bersikap positif dengan menggunakan sepenuhnya kewujudan majlis perundingan itu sebagai tulang belakang untuk menggerakkan dan mengesan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.

Di majlis itu Yang Dimuliakan turut menekankan peri mustahaknya untuk sentiasa mewujudkan dan mengekalkan kerja berpasukan yang menunjukkan teguhnya kerjasama, perpaduan, persahabatan dan permuafakatan di kalangan Penghulu dan Ketua Kampung, anak-anak buah dan badan-badan yang terdapat di dalam mukim masing-masing.

"Dalam merangka program kerja ini banyak kegiatan-kegiatan yang boleh difikirkan, dirangka dan dilaksanakan oleh majlis-majlis perundingan seperti aktiviti-aktiviti yang ber-

bentuk perekonomian yang dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup anak-anak buah kampung," ujarnya.

Terdahulu dari itu Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga menggariskan tujuan penubuhan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung iaitu untuk mengukuhkan keberkesanan institusi Penghulu dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi, memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merancang serta mengusahakan rancangan-rancangan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Di majlis perjumpaan itu Yang Dimuliakan turut menyentuh mengenai keselamatan dan keamanan negara di mana, katanya, Penghulu dan Ketua Kampung serta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Jawatan-kuasa Kejurangan Kampung selaku yang lebih arif dan mengetahui mengenai keadaan kampung serta persekitaran hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dan bantuan kepada pihak-pihak keselamatan serta agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dalam mengawasi dan memata-matai apa jua

kegiatan yang mencurigakan yang berlaku dalam mukim dan kampung masing-masing.

Majlis perjumpaan tersebut adalah bertujuan untuk mendengar pandangan-pandangan yang lebih memperlihatkan tatacara berusaha dan bertindak dalam menyelesaikan sesuatu perkara dan isu yang berkaitan dengan peranan, tugas dan juga apa yang telah diusahakan dalam mukim dan kampung masing-masing.

Di samping itu ia juga bertujuan memberikan laporan-laporan mengenai kegiatan-kegiatan dan kemajuan mukim serta kampung yang telah dan akan diusahakan yang boleh ditonjolkan untuk dikongsi bersama supaya menjadi contoh kepada mukim dan kampung yang lain.

Ianya juga bertujuan untuk mengetahui setakat mana mengadakan permuazakaran dan perundingan bersama anak-anak buah melalui Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung dapat menambak fikiran serta mendengar pandangan khususnya yang berkaitan dengan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung serta yang berkaitan dengan tugas dan peranan seperti yang digariskan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan ketika berucap di Majlis Perjumpaan bersama Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

MAJLIS PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KG. SG. AKAR

BERAKAS, 5 Mac. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Sungai Akar, Mukim Berakas 'B' bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi calon Ketua Kampung Sungai Akar, Mukim Berakas 'B' akan diadakan pada hari Ahad, 27 Mac 2005 bertempat di Dewan Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (Menengah) Kampung Sungai Akar, Mukim Berakas 'B' bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Oleh yang demikian, jabatan berkenaan memohon kerjasama daripada semua penduduk kampung tersebut yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas dan tinggal bermastautin di kampung berkenaan dan nama-nama mereka yang terdapat dalam senarai daftar penduduk adalah diminta hadir di hari pemilihan dan pengundian dengan membawa Kad Pengenal masing-masing.

Bagi penduduk-penduduk kampung yang belum didaftarkan nama mereka di dalam daftar penduduk kampung berkenaan hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan nama-nama mereka kepada Ketua Kampung Sungai Akar, Mukim Berakas 'B', Awang Haji Abdul Malik bin Haji Aliahmed seminggu (7 hari) atau ke Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Bahagian Unit Pentadbiran Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebelum Majlis Pengundian dijalankan.

Penduduk-penduduk kampung yang tidak tersenarai nama-nama mereka dalam senarai daftar pengundi tidak akan dibenarkan untuk mengundi pada hari pengundian tersebut.

Kehadiran penduduk-penduduk Kampung Sungai Akar, Mukim Berakas 'B' adalah sangat-sangat diharapkan dan diucapkan terima kasih.

Fahami tugas sebagai Penghulu dan Ketua Kampung

LIMAU MANIS, 18 Februari. - Para Penghulu dan Ketua Kampung disarankan agar memahami dan menghayati peranan, tugas dan tanggungjawab yang digariskan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 dan yang paling penting ialah untuk melaksanakan tugas-tugas serta tanggungjawab yang dituntut.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman membuat saranan itu di Majlis Penyerahan Sijil Perlantikan Ketua Kampung Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu yang berlangsung di rumah kediaman Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari di sini.

Selain itu, katanya, Ketua Kampung hendaklah memberikan sepenuh perhatian dan kesediaan dalam memeduli, mengelilingi kebajikan dan hal-ehwal penduduk kampung tanpa memperkirakan masa dan tenaga.

Di samping itu, tambah-

nya, Kampung mengadakan perundingan, perjumpaan dan permuazakaran bersama penduduk kampung mengenai dengan apa jua perkara yang berkaitan dengan permasalahan anak-anak buah kampung dan seterusnya mengatur rancangan yang berjadual bagi membuat tinjauan di persekitaran kampung bagi mengetahui serta melihat secara lebih dekat lagi akan hal-ehwal atau perkara yang berlaku di dalam kampung, di samping jika perlu membuat laporan dan mengemukakan kepada Penghulu Mukim atau Pegawai Daerah atau agensi-agensi dalam kerajaan dari masa ke semasa, khususnya mengenai peristiwa atau keadaan-keadaan yang luar biasa, sama ada yang telah berlaku atau dijangka akan berlaku di dalam kampung yang boleh menjejaskan suasana hidup berkampung.

Para Penghulu dan Ketua Kampung, katanya, orang yang lebih arif mengetahui keadaan persekitaran mukim dan kampung hendaklah sentiasa siap siaga dalam memberikan kerjasama dan bantuan ke-

pada pihak-pihak keselamatan bagi agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dalam mengawasi dalam memata-matai apa jua kegiatan yang mencurigakan yang berlaku di dalam mukim dan kampung seperti penyalahgunaan dadah, penyeludupan barang-barang yang ditekak, kehadiran pendatang-pendatang asing tanpa izin dan lain-lain kegiatan antisosial.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman ketika menyerahkan Sijil Perlantikan Ketua Kampung Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu kepada Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari (kiri), sementara gambar kanan, Dato Paduka merasmikan papan tanda bagi kediaman Ketua Kampung Limau Manis yang baru. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Beliau menambah, sebarang perkara atau kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini hendaklah dilaporkan segera kepada pihak yang berwajib.

"Dengan adanya kesadaran, rasa tanggungjawab dan kerjasama yang diberikan itu adalah sangat-

sangat diharapkan dan dialukan bagi sama-sama memelihara serta mengekalkan keselamatan, keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan kampung-kampung dan mukim khususnya dan negara pada umumnya," ujar beliau.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kemudiannya menyerahkan Sijil Perlantikan Ketua Kampung Limau

Manis yang baru kepada Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari yang berusia 40 tahun.

Awang Haji Mohaimin melafazkan ikrar di hadapan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Adnan yang antara lain dalam ikrarnya, beliau berjanji akan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan komitmen yang di-

amanahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Awang Haji Mohaimin sebelum dilantik sebagai Ketua Kampung Limau Manis adalah seorang ahli perniagaan.

Kampung Limau Manis mempunyai penduduk lebih 1,800 orang.



ARENA SUKAN

Le Tour De Brunei (LTDB) 2005

Mohd. Fauzan menangi uji masa perseorangan

TERNYATA pengalaman menyertai Jelajah Langkawi dan Jelajah Malaysia memberikan kelebihan banyak kepada pelumba asuhan Majlis Sukan Negara (MSN), Mohd. Fauzan Ahmad Lufti untuk memenangi uji masa perseorangan Jelajah Brunei atau Le Tour De Brunei (LTDB) 2005 dengan masa 39 minit 11.41 saat.

Beliau meninggalkan pencabarnya dari pasukan Benteng Muda Tangerang, Iman Suparman 57.20 saat di belakang tempat kedua dan rakan sepasukannya dari MSN, Mohd. Jasmin Ruslan tempat ketiga perbezaan 1 minit 29.08 saat.

Mohd. Fauzan menerima \$500.00 sebagai pemenang acara itu yang disampaikan oleh Presiden Persekutuan Basikal ASEAN (ACC), Dato Haji Abu Samah Wahab. Perlumbaan itu bermula dan berakhir di Taman Rekreasi Bukit Shahbandar sejauh 28 kilometer dijanjurkan oleh Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam (PBNBD) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan dan dibantu oleh Unit Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Peserta harapan negara dari pasukan Brunei 'A', Mohd. Arbe Shahadatul Farrani hanya mampu berada di tangga ke-12 dari 42 pelumba yang mengambil bahagian, manakala rakan sepasukannya Mohd. Raihan Abd. Aziz di kedudukan ke-18.

Walaupun kenyataan itu pahit untuk ditelan bagi PBNBD kerana kurangnya pendedahan dan latihan yang terlalu singkat bagi pelumba-pelumbanya, namun itulah yang hanya dapat dilakukan oleh Mohd. Arbe yang tertinggal lebih tiga minit dari pemenang perlumbaan.

Kekecewaan pelumba-pelumba Brunei 'A' dan 'B' berlarutan hingga ke peringkat kedua sejauh 167 kilometer yang berakhir di Taman Jubli, Kuala Belait bilamana pelumba dari Pasukan

Persekutuan Berbasikal Le Tour Malaysia, Anuar Manan meraih tempat pertama dengan catatan masa 4 jam 51 minit 19.00 saat.

Pada peringkat itu, hanya Mohd. Azbe Hidayatullah peserta Brunei 'A' berada di kedudukan ke-20, namun masih ke belakang lebih satu minit dari pemenang perlumbaan.

Yang lebih mengham-pakan lagi ialah pencapaian pasukan Brunei 'B' yang kesemuanya gagal menamatkan perlumbaan termasuk dua pelumba Brunei 'A'.

Hadiah disampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop.

Manakala di peringkat ketiga dari Kuala Belait - Tutong sejauh 142 kilometer, Mohd. Raihan berjaya bangkit dengan berada di kedudukan 14 tetapi tertinggal lebih lima minit oleh Anuar Manan yang memenangi peringkat ketiga.

Sementara dua rakan sepasukannya juga berjaya memperbaiki kedudukan masing-masing pada peringkat itu namun secara berpasukan kedudukan mereka masih di tangga paling bawah.

Hadiah disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mawardi.

Ketika perlumbaan memasuki peringkat keempat pelumba pasukan MSN, Mohd. Jasmin Ruslan pula muncul juara dengan mencatat masa 3 jam 14 minit 57.15 saat jarak sejauh 126 kilometer dari Pekan Tutong ke Bandar Seri Begawan.

Pencapaian terbaik negara di peringkat ini hanyalah melalui Mohd. Rafiuddin Zakaria dan Mohd. Arbe yang berada di tempat ke-19 dan ke-22 namun tertinggal hampir tiga minit juara.

Hadiah bagi acara ini disampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Adnan.

Ketika berlangsungnya acara Kriterium 90 kilometer di ibu negara, Edi Purnomo dari pasukan CCCCI menang dengan

Oleh
Abdullah Asgar



SEORANG peserta LTDB 2005 sedia untuk berlepas di perlumbaan LTDB 2005 yang berlangsung di Taman Rekreasi Bukit Shahbandar. - Gambar oleh Pengiran Rafie Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

memperolehi kutipan 15 mata meninggalkan pesaingnya dari Malaysia, Md. Firdaus Daud dengan 13 mata, manakala Amir Mustafa Rusli dari MSN tempat ketiga dengan 10 mata.

Bagi acara ini, hanya Mohd. Raihan yang berjaya menamatkan perlumbaan dengan berada di kedudukan ke-11 melalui 40 pelumba yang menyertainya.

Perlumbaan tersebut memerlukan kekuatan fizikal dan mental kerana setiap pelumba berusaha menamatkan pelumba yang lain bagi mengutip masa terbanyak untuk menjadi johan. Di sinilah

terjadi kejar-mengejar di kalangan mereka, manakala yang tidak bermaya pasti tertinggal dan terkeluar dari perlumbaan.

Acara yang berjalan 60 pusingan itu memerlukan tiga kali pecutan di mana pelumba pertama yang melimpasi garis penamat diberikan lima mata, tiga mata untuk kedua, dua mata bagi ketiga dan satu mata untuk keempat.

Hadiah bagi acara tersebut disampaikan oleh Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani.

Bagi kategori berpasukan pula dijuarai oleh MSN dengan keseluruhan masa 40 jam 55 minit 14.44 saat membawa pulang \$5,000.00, manakala PBLTM naib juara dengan catatan masa 41 jam 12.79 saat dan Pasukan Benteng Muda Tangerang di tempat ketiga dengan mencatat masa 41 jam 2 minit 14.91 saat.

Bagi dua pasukan mewakili Negara Brunei Darussalam 'A' dan 'B' berada di tangga tercorot dalam semua kategori namun hanya Mohd. Raihan Abd. Aziz harus diberi pujian kerana beliau hanya seorang pelumba yang dapat menamatkan

perlumbaan. Kategori berpasukan pula dijuarai oleh MSN dengan keseluruhan masa 40 jam 55 minit 14.44 saat membawa pulang \$5,000.00, manakala PBLTM naib juara dengan catatan masa 41 jam 12.79 saat dan Pasukan Benteng Muda Tangerang di tempat ketiga dengan mencatat masa 41 jam 2 minit 14.91 saat.

Mohd. Fauzan dinobatkan sebagai pemegang jersi kuning

JELAJAH Brunei 2005 atau Le Tour De Brunei (LTDB) 2005 melabuhkan tirainya dengan Mohd. Fauzan Ahmad Lufti dari Majlis Sukan Negara (MSN) dari Malaysia dinobatkan sebagai pemegang jersi kuning yang menjadi rebutan sepanjang lima peringkat perlumbaan basikal itu.

Beliau mencatat keseluruhan masa perlumbaan 13 jam 37 minit 52.51 saat menerima \$3,000.00 selaku juara dengan meninggalkan pencabar terdekatnya Aang Zuanda 19 minit di belakang dari pasukan Kelab Berbasikal Custom Indonesia (CCCI), manakala Iman Suparman dari pasukan Benteng Muda Tangerang, Republik Indonesia ketinggalan 57 minit di tempat ketiga.

Sementara dalam kutipan mata Anuar Manan dari pasukan Persatuan Berbasikal Le Tour Malaysia (PBLTM) memegang jersi biru dengan 51 mata menerima \$2,000.00. Jersi itu juga menjadi rebutan setiap diadakan jelajah. Bagi acara ini Mohd. Jasmin Ruslan dari MSN mengutip 49 mata untuk tempat kedua dan Edi Purnomo dari CCCCI tempat ketiga dengan 48 mata.

Kategori berpasukan pula dijuarai oleh MSN dengan keseluruhan masa 40 jam 55 minit 14.44 saat membawa pulang \$5,000.00, manakala PBLTM naib juara dengan catatan masa 41 jam 12.79 saat dan Pasukan Benteng Muda Tangerang di tempat ketiga dengan mencatat masa 41 jam 2 minit 14.91 saat.

Bagi dua pasukan mewakili Negara Brunei Darussalam 'A' dan 'B' berada di tangga tercorot dalam semua kategori namun hanya Mohd. Raihan Abd. Aziz harus diberi pujian kerana beliau hanya seorang pelumba yang dapat menamatkan

perlumbaan. Kategori berpasukan pula dijuarai oleh MSN dengan keseluruhan masa 40 jam 55 minit 14.44 saat membawa pulang \$5,000.00, manakala PBLTM naib juara dengan catatan masa 41 jam 12.79 saat dan Pasukan Benteng Muda Tangerang di tempat ketiga dengan mencatat masa 41 jam 2 minit 14.91 saat.

Hadiah disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain pada 6 Mac lalu.

Yang Berhormat antara lain berkata dengan berharap Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam (PBNBD) dapat menjadikan perlumbaan Basikal Jelajah Brunei 2005 sebagai acara tahunan dengan penyertaan lebih meriah dari kalangan negara-negara ASEAN dan dari luar rantau ini.

Oleh itu, Yang Berhormat mengimbau pihak persekutuan supaya lebih bersedia dalam menyediakan programnya dengan tujuan meningkatkan sukan lumba basikal di kalangan pelumba tempatan di tahun akan datang.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama Presiden PBNBD, Awang Haji Rosli Mohidin menyatakan rasa puas hati dengan kejayaan pihak persekutuan menganjurkan julung kalinya perlumbaan secara jelajah dengan tidak menghadapi masalah besar, namun terdapat sedikit kesilapan kecil yang perlu diperbaiki.

Katanya, pihak persekutuan juga mendapat kepujian oleh kalangan negara-negara peserta kerana persediaan yang lengkap di setiap lokasi permulaan dan penamat di sepanjang jelajah lima hari itu.

Namun, jelasnya, merasa kecewa dengan pencapaian pelumba-pelumba tempatan yang tidak dapat memberi saingan terutama melalui pasukan Brunei 'A' kecuali Mohd. Raihan Abdul Aziz yang dapat menamatkan acara Kriterium.

Menyedari kurangnya

Oleh
Abdullah Asgar

persiapan yang mantap di kalangan dua pasukan negara yang hanya sempat menjalani latihan hampir sebulan di bawah jagaan Haji Wahad jelas menampakkan kepincangan, tetapi Sukan Arafura yang akan diadakan pada bulan Mei nanti merupakan target seterusnya bagi kedua-dua pasukan untuk memperbaiki pencapaian dan jika jabatan yang berkaitan dapat mendatangkan seorang jurulatih sebelum itu adalah lebih bermakna, katanya.

Manakala penyiaran jersi kuning LTDB 2005, Mohd. Fauzan Ahmad Lufti melahirkan rasa gembira kerana bergelar juara pertama peribadinya walaupun telah sering menyertai banyak jelajah seperti Jelajah Langkawi, Jelajah Malaysia dan Jelajah Perlis serta beberapa perlumbaan serantau.

Beliau berjanji akan mempertahankan kejuaraan tahun depan jika perlumbaan itu diteruskan lagi dan berharap akan lebih banyak pasukan akan menyertai termasuk pasukan-pasukan tempatan kerana lebih ramai saingan perlumbaan semakin seronok.

Katanya, peringkat kedua dari ibu negara ke Kuala Belait dianggapnya sangat mencabar kerana jarak yang paling jauh ditambah lagi dengan cabaran dari pelumba Republik Indonesia, Thailand dan Brunei Darussalam.

Beliau yang mula meminati sukan berbasikal sejak berusia 10 tahun merupakan peserta Skim MSN yang diasuh bagi menyertai kejohanan lumba basikal bagi dalam dan luar negara termasuk Sukan SEA dan Sukan Asia yang akan datang.

Persatuan Amatir Bola Keranjang mempunyai bangunan kekal

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

GADONG, 9 Mac. - Persatuan Amatir Bola Keranjang Bandar Seri Begawan (BSBABA) akan mempunyai sebuah bangunan kekal bagi permainan bola keranjang yang dijangka siap sepenuhnya lapan bulan akan datang.

Sehubungan dengan itu Majlis Meletakkan Batu Asas bangunan tersebut telah diadakan hari ini. Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal mendahului upacara dengan menuang simen bagi bangunan baru tersebut, diikuti oleh para jemputan termasuk ahli-ahli Persatuan BSBABA

yang diketuai oleh Yang Dipertuanya, Awang Goh King Thiam.

Bangunan yang bernilai B\$300,000.00 itu dibina di atas tapak seluas setengah ekar yang terletak di Jalan Batu Bersurat di sini.

Apabila siap nanti bangunan tersebut boleh memuatkan seramai 500 hingga 800 orang penonton dan akan di buatkan bagi kegunaan orang awam dan juga kepada ahli-ahli persatuan. Antara kemudahan yang disediakan termasuklah kantin, pentas, pejabat dan bilik mesyuarat.

Sebelum ini aktiviti permainan bola keranjang dijalankan bagi kegiatan riadah di kawasan terbuka iaitu tempat pembinaan bangunan baru bagi sukan tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watah perantikan Duta Besar Libya, Tuan Yang Terutama Dr. Ahmed Ali Hanesh (kiri), Duta Besar Republik Turki, Tuan Yang Terutama M. Barlas Ozener (tengah) dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Persekutuan Nigeria, Tuan Yang Terutama Dr. Wahab Olaseinde Dosunmu (kanan). - Gambar-gambar oleh Harun Haji Rashid dan Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Dari muka 1

Baginda seterusnya berkenaan mengurniakan watah kepada bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof.

TYT berusia 55 tahun mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Sains (Akultur) memulakan ker-

jayanya dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 1977.

Baginda kemudian berkenan menerima tauliah perantikan tiga orang duta besar negara sahabat yang tidak menetap yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Mula-mula baginda berkenan menerima tauliah perantikan dari Duta Besar Libya, Tuan Yang Terutama Dr. Ahmed Ali Hanesh. TYT berusia 63 tahun menjadi Duta Besar Libya ke

Malaysia sejak tahun 2002.

Seterusnya baginda berkenan menerima tauliah perantikan dari Duta Besar Republik Turki, Tuan Yang Terutama M. Barlas Ozener. TYT berusia 60 tahun merupakan bekas seorang Ahli Kumpulan Penasihat Politik Kementerian Hal Ehwal Luar sejak tahun 2002.

Juga menyebarkan tauliah perantikan ke hadapan majlis baginda Pesuruhjaya Tinggi Re-

publik Persekutuan Nigeria, Tuan Yang Terutama Dr. Wahab Olaseinde Dosunmu. TYT berusia 66 tahun dan bekas seorang Senator mulai tahun 1999 hingga 2003.

Sejurus selepas itu baginda berkenan menerima mengadap kedua-dua orang perwakilan Negara Brunei Darussalam ke negara-negara sahabat yang menerima watah perantikan mereka. Setelah itu baginda juga berkenan menerima mengadap secara berasingan ketiga-tiga perwakilan negara-negara sahabat ke negara ini.

Hadir di Majlis Mengadap, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.



Mengadakan kunjungan muhibah

SINGAPURA, 10 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengadakan kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong yang berlangsung di Istana di sini (gambar atas).

Duli Yang Teramat Mulia berada di republik berkenaan dalam rangka lawatan selama lima hari.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terletak di rantau Asia Tenggara dan merupakan anggota Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan sama-sama menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) dan Komanwel.

Dalam hubungan diplomatik dan ker-

jasama dua hala, kedua-dua negara telah menubuhkan hubungan diplomatiknya pada Januari 1984 sebaik sahaja Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan sepenuhnya. Hubungan tersebut dipererat lagi dengan kewujudan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan, pertahanan, pendidikan, penyiaran, kebudayaan dan teknologi.

Sejak setengah abad lalu, kedua-dua negara terus berusaha untuk membangun kehidupan sehingga menjadikan negara masing-masing sebagai sebuah negara moden yang baru, yang berkongsi matlamat dan saling membantu untuk merealisasikan pembangunan negara. (Lagi berita dan gambar-gambar muka 4, 5, 12 dan 13).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada Awang Mohidin bin Haji Daud, Pengarah Percetakan.

540 dikurniakan Pingat Kehormatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-58.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat mewakili Kebawah Duli Yang Maha

Oleh
Haji Ahmad
Haji Salim

Mulia di Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan kepada 540 orang yang berlangsung di Dewan Persantapan Lapau di sini.

Mendahului pengurniaan pingat ialah oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Wahab bin Haji Mohd. Said yang dikurniakan Pingat Bakti Laila Ikhlas (PBLI).

Duli Yang Teramat Mulia kemudian mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada 38 orang yang berkhidmat di kementerian dan jabatan kerajaan serta anggota-anggota pasukan beruniform.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) kepada 254 orang dan Pingat Kerja Lama (PKL) kepada seramai 247 orang.

Antara kriteria-kriteria untuk dianugerahkan Pingat Kehormatan ialah kesetiaan yang tidak berbe-

lah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, agama dan negara.

Di samping itu para penerima juga hendaklah mempunyai rekod yang baik dalam semua perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mengekalkan rekod yang bersih dalam aspek-aspek keselamatan negara di samping berkelakuan baik.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Dari muka 1

Menteri Pendidikan menegaskan, ini membuktikan masih terdapat kelemahan dalam kemahiran jawi di negara ini, malah perkara ini terbukti dari papan tanda di persekitaran kita yang bertulis dengan huruf-huruf jawi dari pelbagai khat yang mempunyai huruf-hurufnya yang tidak betul bentuknya, tidak cukup dan sebahagiannya salah ejaannya.

Melihat keadaan ini, jelas Yang Berhormat, kita sebagai orang Melayu tidak patut hanya berdiam diri dan berpeluk tubuh menyaksikan kekurangan ini berlaku secara berlarutan, malah perlu berani mempertahankan dan memperjuangkan agar tulisan jawi tidak dipinggir dan dipupuskan, malah akan dapat membantu mengukuhkan kedudukan dan kedaulatan Bahasa Melayu seperti mana tulisan rumi.

Ke arah itu, jelas Yang Berhormat lagi, adalah wajar bagi kementeriannya bukan mustahak untuk menguatkan

asas-asas jawi di peringkat pengajian rendah persekolahan hingga mengatur pelbagai langkah dan strategi untuk menyemarakkan semula, memartabat dan mengekalkan tulisan jawi ini melalui penerapan-penerapan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Manakala langkah-langkah atau strategi yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dalam mengembangkan kemahiran jawi ialah memfokuskan kepada tiga aspek iaitu melalui kurikulum sekolah, tenaga pengajar dan pentadbir sekolah serta penyebaran kepada orang ramai.

Menurut Yang Berhormat lagi setelah pelajaran jawi dalam kurikulum sekolah tersusun, fokus kementeriannya akan beralih kepada memajukan penguasaan jawi sebagai ejen sebagai penting dalam mengembangkan ilmu iaitu tenaga pengajar dan pentadbir sekolah melalui kursus dan bengkel latihan yang terancang.

Matlamat jangka panjang kursus ini diharap akan dapat

memeduli tulisan jawi di tempat awam akan terus meningkat sehingga bahan-bahan bertulis tidak lagi akan mengandungi kesalahan sama ada pada huruf atau ejaan.

Kursus yang diadakan selama 10 hari bermula 31 Januari hingga 15 Februari lalu disertai 877 orang guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu dan guru-guru agama di sekolah rendah, menengah kerajaan dan pendidikan swasta dan seramai 38 orang tenaga pengajar dari keempat-empat daerah.

Sepanjang kursus dilaksanakan telah dipantau dan dinilai oleh kumpulan pakar dan pegawai rujuk serta pegawai-pegawai dari Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Jabatan Sekolah-sekolah dan Jabatan Kenaziran.

Sementara analisa secara keseluruhan menunjukkan kira-kira 99 peratus guru-guru berpendapat kursus dilaksanakan dengan berkesan.

كجوهنن فيالا حسن البلقية منجادي واده قرقادوان بليا اسيان

KEJOHANAN PIALA HASSANAL BOLKIAH MENJADI WADAH PERPADUAN BELIA ASEAN

دتریتکن اوله جباتن فترائن، جباتن فردان منتري دان دجيتن اوله جباتن فرجيتقن كراچان، جباتن فردان منتري، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

Rakyat dan penduduk Mukim Amo menjunjung keberangkatan DPMM

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Mac. - Rakyat dan penduduk di Mukim Amo melahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi dan berbilang menjunjung kasih di atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan pelbagai aspek kemudahan asas kehidupan dan prasarana yang disediakan untuk kemajuan mukim.

Lebih dari itu, keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di mukim berkenaan merupakan sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh segenap lapisan penduduk Mukim Amo khususnya.

"Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke mukim ini sangat besar ertinya kepada kami, ia sangat ditunggu-tunggu sekali gus menunjukkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia yang meninjau sendiri perkembangan dan kemudahan yang tersedia," jelas Penghulu Mukim Amo, Awang Haji Badas kepada Pemberita PELITA BRUNEI.

Menurutnya, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia juga merupakan peluang keemasan dan kenangan manis kepada penduduk di daerah ini amnya dan penduduk di Mukim Amo khususnya untuk beramah mesra dan berinteraksi secara langsung ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia.

Pelbagai lapisan rakyat dan penduduk mukim tersebut berduyun-duyun berbaris menanti dengan penuh ceria di setiap lokasi keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat

Oleh
Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh Harun Haji Rashid dan Ramli Tengah

Mulia untuk mengambil kesempatan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia.

Ketua Rumah Panjang Kampong Sibut, Awang Jamat Malong turut melahirkan rasa berbesar hati di atas keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia ke rumah panjang berkenaan.

Katanya, kesemua kelamin yang mendiami rumah panjang di situ menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia yang merupakan suatu yang sangat istimewa sejak rumah berkenaan dibina pada tahun 1995.

Mukim Amo merupakan mukim terbesar di Daerah Temburong dengan keluasan 541 kilometer persegi dan mempunyai 15 buah kampung di dalamnya dengan keramaian penduduk 1,849 orang.

Dari jumlah tersebut seramai 976 orang beragama Islam dan 873 orang menganut lain-lain agama. Sebanyak 65 peratus daripada penduduk mukim ini adalah berbangsa Melayu asli, 30 peratus berbangsa Murut dan Iban dan lima peratus lagi terdiri dari bangsa-bangsa lain.

Kira-kira 80 peratus penduduk Mukim Amo adalah terdiri daripada kakitangan yang berkhidmat dengan kerajaan, 10 peratus lagi berkhidmat dengan swasta, tiga peratus peniaga, tiga peratus petani dan empat peratus lagi lain-lain pekerjaan.

Mukim Amo mengandungi 281 buah rumah persendirian keseluruhan termasuk lima buah rumah panjang dengan bilangan 65 pintu.

Penduduk Kampong Amo juga menikmati arus



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah beramah mesra bersama Penghulu Mukim Amo, Awang Haji Badas bin Haji Kamaruddin di kediamannya.

pembangunan yang pesat termasuk bekalan air bersih yang dibekalkan pada tahap 95 peratus, bekalan elektrik 95 peratus dan talian telefon 80 peratus.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menekankan kepentingan pelajaran dengan membina dua buah sekolah rendah di mana hampir 300 murid menuntut di sekolah berkenaan.

Sementara itu, masya-

rakat Islam di mukim itu juga dapat mengerjakan kewajipan beribadat dengan terbinanya sebuah masjid terletak di Kampong Selangan dan sebuah surau yang terletak di Kampong Sibut.

Sebuah klinik kesihatan juga terdapat di Mukim Amo sebagai kemudahan asas dalam bidang kesihatan.

Mukim Amo ditadbir oleh empat orang Ketua Kampung dan dua orang Ketua Rumah Panjang yang bertindak sebagai

mata, telinga dan lidah kerajaan dan menjadi penghubung dua hala di antara kerajaan dan penduduk penduduk di mukim berkenaan.

Penduduk-penduduk di mukim dan kampung lebih mudah mengeratkan lagi tali silaturahmi dengan mengadakan perjumpaan dan perkumpulan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan melalui kemudahan sebuah dewan dan sebuah balai raya yang baru siap pembinaannya pada penghujung tahun lepas.



PENGUDUK Mukim Amo tidak melepaskan peluang beramah mesra ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia sempena lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia.



DULI Yang Teramat Mulia mendengar sembah taklimat mengenai aktiviti yang dijalankan di Balai Raya Mukim Amo yang baru.

KEHIDUPAN berbangsa dan bernegara sangat luas skop dan ruang lingkupnya. Ia merangkumi berbagai aspek termasuk politik, ekonomi, agama, pendidikan, kebudayaan, keselamatan, sosiobudaya sehingga kepada kehidupan 'sambat malamari' setiap warga dalam sesebuah negara itu.

Apa pun isu-isu nasional yang berhubung kait dengannya akan menentukan wujudnya keamanan, kesejahteraan, keharmonian serta kemajuan bangsa dan negara. Jika semua isu nasional dapat ditangani sebaiknya maka kestabilan dan kemakmuran akan dapat ditingkatkan manakala kemajuan di berbagai bidang akan lebih progresif.

FOKUS kali ini akan menumpukan mengenai isu-isu nasional, membincang, menyelaras dan mengambil langkah-langkah perlu untuk menanganinya. Perkara ini dirasakan penting kerana ia menjurus kepada kesejahteraan dan survival bangsa dan negara.

PRASARANA DAN PENDIDIKAN

Seperti yang disebutkan di atas, isu nasional itu pelbagai dari isu-isu besar membawa kepada isu-isu biasa dalam kehidupan harian. Isu-isu nasional termasuklah bagaimana kita dapat meningkatkan martabat bangsa dan negara untuk lebih maju, dinamik dan progresif.

Dalam hal ini kita harus memiliki sikap mandiri, berdaya saing dan berdaya maju. Apa yang penting kita dapat mengekalkan dan meningkatkan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dimiliki selama ini.

Ke arah ini kita harus lebih bijaksana dalam menggarap dan melaksanakan dasar serta perancangan selaras dengan hasrat dan cita-cita negara. Perancangan dan pelaksanaan yang baik tentunya akan menghasilkan kejayaan yang diharapkan yang dapat memenuhi keperluan semasa dan menghadapi cabaran masa hadapan yang panjang.

Dalam hal ini kita bukan sahaja perlu menyediakan prasarana dan infrastruktur fizikal yang baik malah memantapkan pembangunan kerohanian dan ilmu pengetahuan selaras dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB). Keseimbangan tuntutan rohani dan jasmani akan memandu kita mencapai kejayaan dan kebaikan di dunia dan di akhirat.

Perkara ini sangat berkait rapat dengan dasar

pendidikan yang menekankan kepentingan ilmu pengetahuan di berbagai bidang dan dalam masa yang sama memberikan penekanan kepada pendidikan dan pengetahuan agama sebaiknya.

Sementara itu prasarana fizikal pula berupa pembangunan infrastruktur asas bagi rakyat dan penduduk untuk menikmati kesejahteraan dan kesejahteraan hidup. Pada masa yang sama selain sebagai keperluan negara ia juga harus dapat merangsang kemajuan dan pertumbuhan di berbagai bidang yang lain.

ANTARABANGSA

Selain dari itu hubungan antarabangsa juga merupakan isu penting untuk kita terus dapat berinteraksi dan bersaing di peringkat serantau dan global. Diplomasi antarabangsa kita yang mantap dapat meningkatkan kerjasama dan hubungan baik sehalu dan berbagai hala dengan negara-negara jiran, serantau dan antarabangsa.

Pada masa yang sama kita juga terus dapat berperan dan menyumbang kepada keamanan dan kestabilan di peringkat serantau dan antarabangsa. Penyertaan negara dalam badan-badan, pertubuhan-pertubuhan dan forum-forum yang lain dapat mengangkat kita setaraf dengan negara-negara yang lain.

Bersama negara-negara serantau dan antarabangsa yang lain kita terus berusaha menjalin persefahaman untuk mewujudkan keamanan kerana tanpanya kesejahteraan dan usaha kerjasama pembangunan dalam berbagai bidang tidak akan dapat dilaksanakan dengan lancar.

Di peringkat yang lebih besar, bersama negara-negara dunia kita juga berperanan dalam mewe-

ISU KEPENTINGAN NASIONAL

'kenal pasti, bincang, selaras dan tangani'



Oleh Sahari Akim

judkan kestabilan antara-bangsa. Kita dengan tegas mengutuk keganasan, penindasan, pencerobohan dan ketidakadilan.

Dasar kita ialah menjalin hubungan yang baik dengan semua negara berasaskan persefahaman, kerjasama, hormat-menghormati hak dan tidak mencampuri urusan dalam negara masing-masing.

EKONOMI

Ekonomi merupakan agenda utama negara-negara dunia tidak terkecuali negara kita. Kemajuan dan pembangunan akan banyak bergantung kepada kemantapan ekonomi sesebuah negara. Jika diperhatikan kemajuan yang dicapai oleh negara-negara membangun dan maju, hampir kesemua mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang mantap.

Sebab itulah usaha menjaga pertumbuhan ekonomi dalam berbagai bidang perlu digembelng secara bersepadu. Usaha mempelbagaikan sumber ekonomi untuk tidak terus bergantung sumber minyak dan gas perlu terus diigiatkan.

Penerokaan kepada sumber-sumber industri baru dalam berbagai sektor seperti perniagaan, perusahaan, pertanian, perikanan, perkilangan, perkhidmatan dan seumpamanya harus diperkembangkan.

Perhatian kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana juga harus dimantapkan dengan meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan bantuan kewangan dan penyediaan infrastruktur kemudahan asas yang lain-

nya. Juga harus ditingkatkan ialah usaha menarik pelabur asing melalui pelaburan langsung asing (FDI). Segala sumber alam yang ada akan dapat dipelbagaikan dan memberikan hasil ekonomi yang baik melalui kepakaran pelabur asing.

Usaha sama antara peniaga tempatan dan pelabur asing bukan sahaja dapat membantu dari segi mendapatkan kepakaran malah penyediaan dana yang diperlukan untuk menubuhkan sesebuah peniagaan, perusahaan dan industri.

Selain kepakaran teknikal, tidak kurang pentingnya ialah daya saing dalam bidang perniagaan. Sekarang kita tidak hanya bercakap mengenai persaingan di dalam negeri tetapi persaingan di peringkat serantau dan antarabangsa. Bersaing yang dimaksudkan ialah dari segi kualiti dan pemasaran barangan.

Perlu diingat bahawa mahu tidak mahu kita terpaksa menghadapi persaingan di peringkat serantau dan antarabangsa. Melalui liberalisasi dan perdagangan bebas dunia, kawasan bebas perdagangan ASEAN, peniaga tempatan perlu lebih berdaya saing.

KEMAHIRAN

Kemahiran dalam berbagai bidang perlu dimiliki untuk kita terus berdaya maju. Alaf baru menghidangkan berbagai kepesatan teknologi canggih. Kini kita berada di era digital atau era teknologi mak-

lumat dan komunikasi (ICT). Bermacam kerja dan urusan berbentuk kreatif dan inovatif dapat dilakukan dengan mudah melalui kemudahan ICT.

Pengurusan dan perkhidmatan di pejabat-pejabat awam, sektor-sektor perniagaan dan perindustrian sebahagian besarnya dapat dilaksanakan 'tanpa kertas'. Perhubungan dan interaksi di dalam pejabat atau dengan agensi lain dapat dibuat dengan cepat dan mudah.

Lebih dari itu interaksi pengurusan dan transaksi kewangan juga dapat dibuat dengan mudah, cepat dan berkesan waima dengan pihak-pihak berkenaan atau rakan niaga di luar negara.

Begitu juga halnya dengan kemajuan-kemajuan di bidang lain seperti kejuruteraan, penyelidikan dan seumpamanya. Ke arah ini kita perlu meningkatkan usaha bagi pembangunan sumber tenaga manusia (HRD). Tidak kurang pentingnya ditingkatkan ialah bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

KEBAJIKAN

Dari segi pemberian bantuan kebajikan kepada rakyat dan penduduk, kita merupakan antara yang terbaik. Berbagai bantuan disediakan seperti pencen bulanan bagi warga tua, bantuan kewangan bulanan bagi balu, orang cacat anggota dan mereka yang tidak berkemampuan dan banyak lagi.

Kemudahan-kemudahan kewangan lain termasuklah berbentuk pinjaman sama ada dari pihak kerajaan dan institusi-institusi kewangan berkenaan yang lain. Semua ini dapat membantu rakyat dan penduduk bagi memenuhi keperluan kehidupan dan urusan perniagaan mereka.

Bantuan memiliki tanah dan rumah melalui Skim Rancangan Perumahan Negara, Skim Tanah Kuria Rakyat Jati, Penggeran Lot-lot Tanah membolehkan rakyat yang tidak bertanah untuk memiliki

tanah dan rumah. Bantuan seperti ini jarang-jarang berlaku di negara luar.

Cuma yang perlu diberikan penekanan ialah mekanisme pelaksanaan supaya ia dapat dilaksanakan secara lebih cepat dan sempurna. Kajian perlu terus dibuat bukan sahaja untuk menentukan mekanisme berjalan lancar malah perancangan secara komprehensif dapat memenuhi keperluan semasa dan jangka masa panjang.

PERKHIDMATAN AWAM

Melihat kepada keperluan-keperluan di atas maka agensi-agensi dalam Perkhidmatan Awam sememangnya memainkan peranan penting dari segi pelaksanaan dasar dan penyediaan prasarana pembangunan. Agensi-agensi Perkhidmatan Awam bertindak selaku penyedia perkhidmatan kepada orang ramai dan juga selaku fasilitator kepada sektor swasta.

Dalam hal ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sentiasa berusaha untuk mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti, efisien, cepat dan berkesan. Usaha menghindarkan kerana birokrasi, kurang disiplin dan tidak bertanggungjawab sentiasa dititikberatkan. Usaha tersebut ditekankan melalui Etika Kerja, Piagam Pelanggan, Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan banyak lagi.

Pada masa yang sama JPA juga menekankan bahawa setiap warganya memiliki kemahiran-kemahiran tertentu. Ini dilakukan melalui kursus-kursus, bengkel-bengkel, seminar-seminar, motivasi dan berbagai program yang lain.

Satu lagi usaha besar ialah inisiatif e-kerajaan yang sedang giat dilaksanakan di semua Kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Usaha ini akan dapat memudahkan dan memberkesakan lagi pembe-

rian perkhidmatan kepada orang ramai.

ISU NASIONAL

Perkara-perkara di atas merupakan sebahagian dari isu-isu nasional yang perlu diurus dan ditangani sebaiknya. Semuanya mempunyai 'signifikan' dan sensitiviti tersendiri. Unsur-unsur tersebut juga merupakan kelengkapan dan keperluan dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Jika kita dapat mengurus dan menangani sebaiknya maka negara akan terus aman, makmur dan sejahtera. Pada masa yang sama negara dan bangsa akan terus maju, membangun, berdaya saing dan mandiri bagi masa depan yang lebih gemilang.

Sebelum mengakhiri ruangan FOKUS ada baiknya kita tumpukan perhatian kepada petikan titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21.

Baginda antara lain bertitah menekankan:

"Semua Kementerian dan jabatan kerajaan dikehendaki mengenal pasti isu-isu yang mempunyai kepentingan nasional bagi dibincang dan seterusnya dilaksanakan bersama-sama."

Baginda juga bertitah:

"Menyentuh mengenai pembangunan negara yang mantap, ia adalah sangat bergantung kepada jentera Perkhidmatan Awam yang dapat memenuhi keperluan dan harapan masyarakat. Lalu untuk itu kerajaan beta telah mewujudkan satu Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21."

Setiap agensi kerajaan hendaklah memastikan diri masing-masing dapat mencapai matalamat wawasan tersebut."

Akhir kata: 'Kepentingan nasional mengatasi kepentingan diri'.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN KASTAM DAN EKSASIS,

KEMENTERIAN KEWANGAN

Bahagian I

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Pemprosesan AP (Approval Permit) * Kereta Baru * Kereta Terpakai	1 hari 2 hari
2.	Pemprosesan Tarikan Balik Cukai (Drawback) Pulangan Balik (Refund)	60 hari



TABIAT membuang sampah merata-rata semacam menjadi budaya di negara ini. Perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu bukan sahaja mengotorkan alam sekitar tetapi juga menimbulkan bau yang kurang menyenangkan dan menjijikkan serta menyakitkan mata memandang.

Janganlah kita mengambil mudah dengan mencampakkan sampah di tepi-tepi jalan, tempat-tempat awam dan di bangunan-bangunan kerajaan. Kerajaan telah pun menyediakan tempat-tempat membuang sampah yang lebih sistematik dan teratur di seluruh negara. Sama-samalah kita menjaga persekitaran negara kita agar sentiasa bersih.

Gambar yang dirakamkan oleh LENS A PELITA kali ini ialah sampah sarap yang terapung-apung di Sungai Brunei. Perbuatan seperti ini juga mengundang pelbagai penyakit dan mengancam spesies ikan dan lain-lain hidupan air. Untuk mewujudkan persekitaran yang bersih marilah bersamasama kita menjaga kebersihan sungai kita.



MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Alhamdulillah, sudah sebulan kita berada di dalam Tahun Baru Hijrah 1426 di mana pada petang 29 Zulhijjah 1425 yang lalu kita telah mengucapkan selamat tinggal kepada Tahun 1425 dengan membaca Doa Akhir Tahun. Di dalam doa itu kita memohon ampun kepada Allah disebabkan kesalahan-kesalahan dan dosa serta keterlanjuran kita dalam masa setahun yang lalu itu. Kita mengaku dengan insaf bahawa kita memang banyak melakukan kesalahan sama ada yang disengaja atau tidak.

Setelah itu apabila masuk waktu Maghrib 1 Muharram 1426 dan selepas Sembahyang Fardu Maghrib kita berdoa lagi Doa Awal Tahun memohon supaya Allah memberi peluang kepada kita setahun lagi bagi memperbaiki diri dan memohon Allah menolong kita dapat menjauhi iblis dan godaan-godaan syaitan yang telah menyebabkan kita selalu lupa kepada Allah pada tahun lalu itu. Kita berjanji dalam doa kita untuk menambah dan mempertingkatkan amal ibadah supaya dapat hampir kepada Allah dan mendapat keredaan Allah.

Demikianlah cara umat Islam di seluruh dunia menyambut Awal Tahun Hijrah, kita berterima kasih dan syukur kepada Allah kerana Allah telah menambahkan usia kita setahun lagi. Mudah-mudahan dengan pertambahan umur itu kita boleh memperbaiki diri, menambah kekurangan dalam beramal ibadah, mengerjakan suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya, dengan demikian kita akan menjadi hamba-Nya yang baik dan terpuji.

Perkataan hijrah erti-nya peralihan, perpindahan dari satu tempat ke satu tempat atau dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lain untuk mencari hidup atau suasana yang lebih baik, iaitu seperti hijrah yang berlaku kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana tidak lagi terjadi kepada kita pada masa ini. Tetapi hijrah masih tetap berlaku dengan makna yang lain, iaitu sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bererti:

"Dari Abdullah bin Anrur Radiallahuanhumu dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda: Orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah." Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Kalau hendak dibuat contoh, umpamanya seseorang itu pada masa yang lalu dia kurang sempurna dalam amal ibadatnya seperti sembahyangnya tidak penuh, berpuasa sekali-sekala, berzakat tidak begitu mengambil berat,

atau malah ada perangainya tidak begitu berseesuaian dengan kehendak agama, maka hendaklah ia bangun berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjadikan amal ibadatnya dan perangainya itu sempurna, tidak ada tinggal, hendaklah ia sentiasa ingat amal ibadah itu adalah suruhan Allah yang mesti ditunaikan tidak boleh tinggal, ia mesti diutamakan lebih daripada yang lain-lain. Kemudian hendaklah ia sentiasa ingat bahawa nik-

mat Allah yang dikurniakan kepadanya itu sangat banyak, sedangkan Allah meminta dia berbuat sesuatu sedikit sahaja. Bagi perkara yang lain iaitu umpamanya seorang pekerja di sektor kerajaan atau di sektor swasta hendaklah ia ingat sewaktu ia menandatangani perjanjian untuk bekerja menurut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan hendaklah dia menjalankan peraturan-peraturan dan syarat-syarat perjawatan-

nya itu. Jikalau pada masa yang lalu pekerjaannya itu tidak seberapa, acuh tak acuh, dengan falsafah 'cukup bulan terima gaji' dan kalau menurut prestasi pekerjaannya, ia pada masa yang lalu dapat 'C' atau hanya sekadar 'memuaskan' sahaja maka hendaklah dia berusaha supaya ia dapat penilaian B atau A.

Dengan peningkatan kerja itu bukan sahaja ia dipandang tinggi oleh rakan sekerja, malah lebih

dari itu, banyak rancangan-rancangan yang dirancang akan dapat diselesaikan menurut waktunya. Kalau dia bekerja di syarikat perniagaan pula maka sikap yang bersungguh-sungguh itu boleh menambahkan kemajuan dan keuntungan syarikat tempat kerjanya itu. Dan sebagai balasan tentu dia akan berpeluang naik pangkat ataupun mendapat bonus prestasi yang lebih daripada dahulu.

Walau bagaimanapun juga perubahan sikap itu hanyalah datang dari dalam diri sendiri, bukan dari orang lain walaupun mungkin ada peraturan dan undang-undang berkuasa tetapi kalau seseorang itu tidak ada hatinya untuk mempertingkatkan kualiti hidupnya, maka tidak akan ada sebarang kemajuan, seseorang itu perlulah memperingati dirinya, dengan mengkaji dan mempelajari apa yang dahulunya itu salah atau kurang. Maka tanpa mengkaji dan mempelajari, sebarang apa jua usaha untuk memperbaiki perkara yang salah atau menambah perkara yang kurang atau tidak sempurna tidaklah akan dapat dibuat. Cubalah kita perhatikan ayat Al-Quran ini dalam Surah Ar-Ra'd ayat 11 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehinggalah mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan bencana disebabkan kesalahan mereka sendiri maka tiadalah siapa pula yang dapat menolak atau menahan apa yang telah ditetapkan itu. Dan tidak ada siapa

pun yang dapat menolak dan melindungi mereka selain daripada-Nya."

Mudah-mudahan Allah mengurniakan rahmat kepada kita.

Dalam menyambut awal tahun contohnya, agama Islam tidak mengamalkan budaya bersukaria, bercampur gaul lelaki dan perempuan dengan tiada batasan seperti mengadakan pesta tari-menari, menyanyi dan berbagai-bagai lagi sehingga ada yang lupa diri lalu melakukan perbuatan sumbang, tidak cukup dengan itu, dipanggil lagi orang-orang dari luar negeri dan dibayar dengan harga yang mahal untuk lebih memeriahkan sambutan itu. Ada ramai orang kita Islam pergi dengan membayar harga yang mahal itu, tidak ada lain tujuan hanyalah untuk bersukaria sahaja. Perkara ini telah diimport dari budaya luar negeri dan dibawa ke negeri kita ditaja oleh orang-orang Islam dan mula semakin rancak pada awal Tahun 2005 ini. Kita melalui mimbar ini telah pernah memperingati umat Islam tentang kesan-kesan yang tidak baik daripada perkara ini. Tetapi nampaknya perkara itu tidak lagi didengar kerana orang lebih mengutamakan perkara bersukaria semata-mata.

Walau bagaimanapun kejadian Tsunami itu membawa hikmah yang sangat bererti kerana apabila berlakunya sahaja Tsunami sebelum awal tahun pada masa orang masih bersukaria ria menyambut Krismas, maka dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seorang raja yang berpandangan jauh dan bijaksana serta prihatin terhadap nasib malang yang menimpa orang-orang yang terkena musibah itu, maka acara-acara bersukaria itu telah ditiadakan. Kita alhamdulillah, telah dapat menghindari satu kemungkinan bencana akibat daripada sebahagian anggota masyarakat Islam di negara ini. Sebaliknya dengan menurut tatacara Islam maka kita telah mengadakan Sembahyang Ghaib untuk semua orang Islam yang terkorban. Memohonkan kepada Allah rahmat dan kurnia-Nya mengampunkan orang itu dan memohonkan kepada Allah keselamatan dan kesentosaan negara kita dan negara lain yang terlibat, amin.

Demikian saudara-saudara, maka sebagai bahan peringatan jua kepada kita sekalian, apabila kita membaca kisah-kisah sejarah manusia dari sejak Nabi Adam, bala bencana itu selalunya terjadi di waktu orang sedang leka, seperti leka bersuka-suka, terlalu berbuat aniaya, melampau berbuat maksiat kepada Allah, maka dalam hal yang demikian itulah terjadinya malapetaka yang menimpa bukan sahaja kepada orang yang melakukan kejahatan tetapi terkena juga orang yang tidak ada hubungan dengan perbuatan orang itu. Ini diterangkan oleh Allah sebagaimana yang disebut di dalam Surah Al-Anfaal ayat 25 yang tafsirannya:


"Dan hendaklah kamu menjaga diri kamu dari-pada berlakunya dosa yang membawa kepada bala bencana yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim yang berbuat kejahatan di antara kamu secara khusus tetapi akan menimpa kamu semua secara umum dan ketahuilah bahawa Allah Maha Berat azab seksa-Nya."

Maka sesuai dengan doa yang kita pohonkan semasa menyambut Awal Tahun Hijrah 1426 yang lalu dan bagi terus menjunjung titah perintah raja kita sempena kejadian gempa Tsunami itu, maka umat Islam hendaklah berhenti bersukaria mengikut kehendak nafsu yang akan melupakan diri daripada ingat kepada Allah dan kepada larangan Allah. Jangan lagi kita leka mengikut budaya liar orang-orang lain seperti mengadakan pesta-pesta hiburan yang hanya bertujuan untuk menyukakan hati dengan kepuasan dunia. Ingatlah kepada Allah, berusahalah bersungguh-sungguh jangan kita berani menghampiri batas-batas larangan itu, kerana kita tidak tahu apa yang akan berlaku dalam masa kelupaan itu yang terjadi dengan kehendak kudrat iradat Allah Subhanahu Wataala.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-An'am ayat 17 yang tafsirannya:

"Dan jika Allah menegenakan (menimpakan) engkau dengan bala bencana maka tiada ada siapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia dan jika Ia menegenakan (melimpahkan) engkau dengan kebaikan maka Ia adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

PERBAIKI DIRI, TINGKATKAN KUALITI HIDUP



SERUAN SUCI

وقت سمبهيڭ، امساک، شوروک دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڭ، امساک، شوروک دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 5 صفر، 1426 برسمان دغن

16 مرج، 2005 هيڭت كهاري ثلاث، 11 صفر، 1426 برسمان دغن 22 مرج، 2005 اداله سفرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروک	ضحی	مسيحي
5 صفر	12.31	3.41	6.32	7.41	5.00	5.10	6.26	6.49	مرج
6	12.30	3.40	6.32	7.41	5.00	5.10	6.26	6.49	16
7	12.30	3.39	6.32	7.41	5.09	5.09	6.25	6.48	17
8	12.30	3.38	6.32	7.41	5.09	5.09	6.25	6.48	18
9	12.30	3.38	6.32	7.41	5.08	5.08	6.24	6.48	19
10	12.29	3.37	6.31	7.40	5.08	5.08	6.24	6.47	20
11	12.29	3.36	6.31	7.40	5.08	5.08	6.24	6.47	21
									22

وقت ۲ سمبهيڭ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڭ فرض جمعة دسلورو نڱارا بروني

دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تڦهاري.

SAF SEMBAHYANG Elakkan 10 kerugian

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

GANJARAN SEMBAHYANG BERJEMAAH

MEMBETULKAN saf itu mempunyai kaitan langsung dengan sembahyang berjemaah, kerana maksud membuat saf atau barisan itu adalah untuk tujuan sembahyang secara berjemaah.

Kelebihan mendirikan sembahyang secara berjemaah itu adalah dua puluh tujuh kali ganda berbanding dengan mendirikan secara bersendirian. Ini adalah berdasarkan hadis sahih di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sembahyang berjemaah itu melebihi sembahyang bersendirian dengan dua puluh tujuh darjat." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Di dalam riwayat yang lain, juga riwayat yang sahih, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan bahawa kelebihan mendirikan sembahyang secara berjemaah itu adalah dua puluh lima kali ganda berbanding dengan mendirikan secara bersendirian sebagaimana sabda Baginda yang maksudnya:

"Sembahyang berjemaah itu melebihi sembahyang bersendirian dengan dua puluh lima darjat." (Hadis riwayat

Al-Bukhari dan Muslim).

Al-Imam Ibnu Hajr Al-'Asqalaani Rahimahullahu Taala di dalam kitabnya Fath Al-Bari menjelaskan bahawa ganjaran dua puluh tujuh darjat itu adalah ganjaran khusus bagi sembahyang jemaah di mana imam membaca Surah Al-Faatihah dan surah atau ayat-ayat tertentu dengan nada suara yang nyaring (jahr), seperti Sembahyang Fardu Subuh, Maghrib dan Isyak. Sementara ganjaran dua puluh lima itu pula adalah ganjaran khusus bagi sembahyang jemaah di mana imam membaca Surah Al-Faatihah dan surah atau ayat-ayat tertentu dengan nada suara perlahan (sir), seperti Sembahyang Fardu Zuhur dan Asar.

Al-Imam Ibnu Hajr juga membuat analisa sebab-sebab kenapa orang yang melakukan sembahyang secara berjemaah itu dikurniakan ganjaran dengan jumlah sebegitu. Al-Imam merumuskan bahawa orang yang sembahyang berjemaah itu:

1) Menjawab seruan azan dengan niat untuk mendirikan sembahyang secara berjemaah.

2) Bersegera datang untuk berjemaah pada awal waktu.

3) Berjalan pergi ke masjid dengan tenang.

4) Masuk ke dalam masjid sambil berdoa.

5) Mendirikan Sembahyang Sunat Tahiyatul Masjid setelah masuk ke dalam masjid.

Kelima-lima perkara ini dilakukan dengan niat untuk mendirikan sembahyang secara berjemaah.

6) Menunggu-nunggu sembahyang berjemaah.

7) Para Malaikat menaikkannya dan memohonkan keampunan baginya.

8) Disaksikan oleh para Malaikat.

9) Menjawab iqamah.

10) Terselamat daripada gangguan syaitan, di mana syaitan akan cabut lari apabila mendengar iqamah.

11) Berdiri kerana menunggu imam mengangkat takbiratul ikrām atau masuk mengikut imam menunaikan sembahyang pada mana-mana bahagian dia mendapati imam.

12) Menyempati takbiratul ikrām imam.

13) Mengelakkan saf dan memenuhi ruang-ruang saf yang kosong.

14) Menjawab perkataan imam ketika dia

berkata: 'Samiallahuli-manhamidah' dengan berkata: 'Rabbanalakal-hamd'.

15) Terhindar daripada lupa pada kebiasaannya, di samping dapat mengingatkan imam jika dia terlupa dengan mengucapkan tasbeeh (Subhanallah) dan membetulkan bacaan imam jika dia tersalah baca.

16) Pada kebiasaannya dia memperoleh khusyuk ketika sembahyang dan terselamat daripada perkara yang boleh melalainya.

17) Pada kebiasaannya dia mengelakkan dan menghisir dirinya dan pakaiannya.

18) Dikelilingi oleh para Malaikat.

19) Terbiasa atau terlatih dengan bacaan secara bertajwid dan dapat mempelajari rukun-rukun sembahyang dan sunat-sunat ab'adnya.

20) Menzahirkan syiar-syiar Islam.

21) Menyebabkan syaitan menjadi benci kerana terdapat perkumpulan untuk mengerjakan ibadat, bertolong-tolongan membuat perkara ketaatan dan orang yang malas menjadi rajin.

22) Terjauh daripada sifat kemunafikan dan secara langsung terhindar daripada prasangka buruk orang lain bahawa dia tidak menunaikan sembahyang.

23) Menjawab salam imam.

24) Mendapat manfaat kerana berkumpul beramai-ramai memohon doa dan berzikir serta orang yang mempunyai kekurangan akan mendapat berkat daripada orang yang sempurna ibadatnya daripada kalangan mereka.

25) Dapat membangun organisasi persahabatan di antara jiran tetangga dan persefahaman terhasil pada waktu-waktu sembahyang.

Sebagai nilai tambah, berikut adalah dua ganjaran khusus bagi sembahyang jemaah di mana imam membaca Surah Al-Faatihah dan surah atau ayat-ayat tertentu dengan nada suara yang nyaring (jahr):

26) Diam ketika Imam membaca Surah Al-Faatihah dan surah atau ayat-ayat tertentu serta mende-ngarkannya.

27) Mengaminkan ketika imam mengaminkan Surah Al-Faatihah yang dibacanya.

BAGAIMANA JIKA SEMBAHYANG JEMAAH YANG TIDAK DILAKUKAN DI MASJID?

Al-Imam Ibnu Hajr Al-'Asqalaani Rahimahullahu Taala menjelaskan lagi bahawa ganjaran yang berlipat ganda sehingga menjadi dua puluh tujuh atau dua puluh lima yang disebutkan itu adalah khusus



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 201 Bahagian Kedua

bagi sembahyang jemaah yang dilakukan di masjid. Jika berjemaah itu pula tidak dilakukan di masjid, maka akan terluputlah tiga perkara kebajikan iaitu:

1) Berjalan pergi ke masjid dengan tenang.

2) Masuk ke dalam masjid sambil berdoa.

3) Mendirikan Sembahyang Sunat Tahiyatul Masjid setelah masuk ke dalam masjid.

Namun begitu, tiga perkara yang terluput itu akan diganti dan diliputi oleh tiga perkara yang lain yang mengandungi dua jenis kebajikan di dalamnya, umpamanya perkara-perkara yang tersebut di dalam bilangan 15, 24 dan 25. Ketiga-tiga perkara ini sebenarnya mengandungi enam perkara kebajikan, kerana setiap satu daripada tiga perkara tersebut mengandungi dua jenis perkara kebajikan iaitu orang yang berjemaah itu:

- Mendapat manfaat kerana berkumpul beramai-ramai memohon doa dan berzikir.

- Mendapat berkat daripada orang yang sempurna ibadatnya daripada kalangan mereka.

- Dapat membangun organisasi persahabatan di antara jiran tetangga.

- Dapat mewujudkan persefahaman pada waktu-waktu sembahyang.

- Terhindar daripada lupa.

- Dapat mengingatkan imam jika dia terlupa dengan mengucapkan tasbeeh (Subhanallah) dan membetulkan bacaan imam jika dia tersalah baca.

Maka dengan itu, jumlah ganjaran dua puluh tujuh masih kekal dengan pemecahan tiga perkara menjadi enam perkara.

BERSAMBUNG

منوجوكر يرضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

ANAK derhaka bermaksud anak yang tidak mahu berbakti atau anak yang tidak mahu berbuat ihsan (baik) kepada kedua-dua ibu bapa atau anak yang menentang dan tidak mahu menurut perintah serta nasihat orang tuanya dalam hal kebaikan atau anak yang menyakitkan dan melukakan hati orang tuanya baik lahir mahupun batin. Sesungguhnya derhaka kepada kedua-dua ibu bapa adalah sebesar-besar dosa seperti mana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Bukhari dari Anas bin Malik Radiallahuanhu yang bermaksud:

"Sebesar-besar (dari) dosa besar ialah menyekutukan Allah, membunuh manusia, derhaka kepada kedua-dua ibu bapa dan menjadi saksi bohong (palsu)."

Derhaka kepada kedua-dua ibu bapa menyebabkan amalannya tidak bermanfaat sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lagi yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Thabarani dari Tsauban yang bermaksud:

"Tiga golongan manusia yang tidak bermanfaat amalannya (amal ibadahnya tidak diterima oleh Allah), iaitu menyekutukan Allah dengan sesuatu, menderhaka

BALASAN ANAK YANG MENDERHAKA KEPADA KEDUA-DUA IBU BAPA

kepada kedua ibu bapa dan mereka yang lari dari medan perang (pertempuran)."

Anak-anak yang telah melakukan perbuatan, percakapan dan tindak-tanduk yang boleh diistilahkan derhaka kepada kedua-dua ibu bapa akan ditimpa ke atasnya bala bencana sama ada di dunia mahupun di akhirat, antaranya:

1. Menderhaka kepada kedua-dua ibu bapa dihukumkan ke atasnya sebagai maksiat dan berdosa besar.

2. Menderhaka kepada kedua-dua ibu bapa menyebabkan terhindar dari memperoleh nikmat Syurga.

3. Anak-anak derhaka dianggap sebagai penentang Allah dan Rasul-Nya.

4. Amal ibadah anak-anak yang derhaka itu ditolak dan tidak diterima oleh Allah Subhanahu Wataala.

5. Anak-anak yang derhaka akan menerima atau menanggung balasan yang buruk di dunia sebelum menerimanya di akhirat kelak

6. Anak-anak yang derhaka akan menghadapi dan mengalami kejahatan serta keburukan di saat akhir hayatnya iaitu mati dalam maksiat dan dosa.

7. Anak-anak yang derhaka akan menerima balasan seksa di Hari Kiamat dari Allah Subhanahu Wataala dan akan dicampakkan ke dalam api Neraka.

Dari keterangan dan huraian tersebut dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa sesungguhnya keredaan Allah itu ada hubung kait yang begitu rapat dengan keredaan kedua-dua ibu bapa, dengan erti kata yang lain keredaan Allah bagi seseorang hamba tergantung kepada keredaan ibu bapa sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Thabarani dari Ibnu Umar Radiallahuanhuma yang bermaksud:

"Keredaan Allah itu tergantung kepada keredaan kedua ibu bapa dan kemurkaan Allah itu pula tergantung kepada kemurkaan kedua ibu bapa."

Oleh kerana itu marilah kita tingkatkan dan terus-menerus berbuat baik dan berbakti terhadap kedua-dua ibu bapa, baik dalam segi akhlak atau tuntutan hidup di dalam dunia ini sesuai dengan ajaran Islam. Hak kedua ibu bapa terhadap anak-anak amatlah besar, bukan sahaja wajib dibalas dengan berbuat baik kepada mereka semasa mereka masih hidup bahkan juga semasa mereka telah kembali ke rahmatullah iaitu dengan berdoa dan meminta ampun baginya, menunaikan amanat dan pesannya, menghubungkan silaturahim, di samping berbuat baik kepada kaum kerabat dan sahabat handainya. Mudah-mudahan dengan kita melakukan perkara sedemikian, hidup kita di dunia ini akan mendapat keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wataala.

"SEBESAR-BESAR (dari) dosa besar ialah menyekutukan Allah, membunuh manusia, derhaka kepada kedua-dua ibu bapa dan menjadi saksi bohong (palsu)."

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

PERJANJIAN tahun 1992 untuk mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) adalah menjadi satu pencapaian pertama Pertubuhan ASEAN ke arah mewujudkan rantau Ekonomi ASEAN yang bersepadu. Mekanisme perlaksanaannya yang pertama bagi AFTA ialah Skim Common Preferential Tariff atau Tarif Keutamaan Bersama (CEPT) yang juga diluluskan pada tahun 1992.

Di bawah Skim CEPT, tarif terhadap pelbagai jenis produk yang didagangkan dalam rantau ini sama ada dikurangkan atau dicans secara maksimal sebanyak lima peratus. Halangan kuantitatif iaitu had bagi isi produk tertentu yang diimport oleh sesebuah negara dan halangan non tarif yang lainnya seperti pencegahan lengkap dan keperluan teknikal yang tidak munasabah adalah juga dimansuhkan.

Sasaran utama AFTA ialah untuk menghapuskan semua duti import ke atas semua produk dan untuk mewujudkan perdagangan bebas yang sebenar atau rantau yang kurang tarif. Sidang Kemuncak ASEAN tidak formal yang ketiga pada tahun 1999 di Manila, mempercepatkan jadal bagi sasaran berkenaan kepada tahun 2010, jauh ke depan dari sasaran awal iaitu pada tahun 2015, enam buah negara asal yang menandatangani skim CEPT iaitu Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Anggota ASEAN yang lainnya Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam juga telah berikrar untuk menghapuskan semua duti import menjelang 2015, dengan perkara yang sama akan dikenakan terhadap produk sensitif bagi negara-negara berkenaan pada tahun sasaran mereka 2018.

Tahun 2001, sejajar dengan Langkah Berani, sebanyak 90 peratus dari senarai penghapusan duti import dari enam buah negara anggota ASEAN yang menandatangani telah pun dalam tahap zon 0 peratus hingga lima peratus.

Pengelasan Produk bagi tujuan pengurangan dan akhirnya penghapusan tarif secara bertahap, CEPT telah mengelaskan produk kepada tiga senarai iaitu Senarai Masukan, Senarai Pengeluaran Sementara dan Senarai Sensitif, dengan menentukan jadal pengurangan tarif bagi setiap satu senarai.

Produk yang termasuk dalam Senarai Masukan terdiri daripada sebahagian besar produk ASEAN. Menjelang tahun 2002 yang lalu, penghadan semua kuantitatif dan 'non tarif' akan ditamatkan dan tarif berkenaan sama ada dihapuskan atau dihadkan kepada lima peratus sahaja. Kadar pada sekurang-kurangnya 90 peratus Senarai Masukan enam negara anggota ASEAN yang menandatangani CEPT akan dikenakan tidak melebihi lima peratus pada 1 Januari tahun 2001. Objektif ini telah pun dicapai. Menjelang tahun 2002 yang lalu, 100 peratus tarif terhadap Senarai Masukan telah mempunyai kadar sekitar 0 hingga lima peratus dengan beberapa pengecualian. Negara anggota ASEAN yang lainnya telah diberikan masa yang lebih lama bagi tujuan ini iaitu tahun 2006 bagi Viet Nam, 2008 bagi Laos dan Myanmar dan 2010 bagi Kemboja. Apa yang terkandung dalam Senarai Masukan terdiri 85 peratus daripada had tarif kesemua 10 negara anggota ASEAN.



Produk dalam Senarai Pengeluaran Sementara adalah dikecualikan daripada pengurangan tarif bagi tempoh sementara. Bagaimanapun, ia akan dimasukkan secara berperingkat ke dalam Senarai Masukan dan tarifnya akan dikurangkan dalam kadar sekitar 0 hingga lima peratus. Pada tahun 2001, sejumlah 8,725 senarai tarif akan disenaraikan yang mewakili hanya 13 peratus dari jumlah keseluruhan had tarif negara-negara anggota ASEAN.

Pada bulan Oktober 2000 Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah meluluskan protokol yang membenarkan negara-negara anggota yang menghadapi kepayahan dalam memenuhi kehendak CEPT untuk melambatkan pengurangan produk dari Senarai Pengeluaran Sementara kepada Senarai Masukan atau menggantungkan konsesi terhadap produk yang sudah dipindahkan.

Protokol tersebut bagaimanapun, menghadkan permohonan pengubahsuaian produk buatan yang terakhir dalam Senarai Pengeluaran seperti yang ada pada 31 Disember 1999 atau tarikh yang sesuai bagi negara-negara anggota Viet Nam, Kemboja, Laos dan Myanmar.

Produk dalam Senarai Sensitif adalah seperti produk pertanian yang belum diproses. Ini tidak dimasukkan dalam senarai tarif AFTA ASEAN. Yang telah dikelaskan dalam Senarai Pengecualian adalah produk ASEAN yang dikecualikan dari rancangan perdagangan bebas disebabkan oleh keselamatan, kesihatan, moral awam, kesihatan awam atau perlindungan alam sekitar.

Perjanjian CEPT telah pun menurunkan kadar tarif di kalangan negara anggota ASEAN kepada 3.96 peratus pada tahun 2001 dan daripada 12.76 peratus dari tahun 1993 ketika AFTA dilancarkan. Kadar purata antara rantau

tarif dijangka turun kepada 3.57 peratus pada tahun 2002 dan kepada 2.9 peratus pada tahun berikutnya.

Sebagai satu langkah untuk memastikan pelaksanaan lancar perjanjian CEPT, ASEAN pada bulan November 1996 telah meluluskan mekanisme penyelesaian pertelingkahan untuk meliputi bukan saja perjanjian CEPT tetapi juga semua perjanjian ekonomi ASEAN keseluruhannya.

Untuk menjadikan perdagangan mudah dan membantu menyatukan pasaran ASEAN, ASEAN telah bertindak mudah dan mengharmoniskan penamaan tarif kebangsaan atau perincian produk teknikal yang didagangkan oleh negara-negara anggota. ASEAN telah pun menentukan tarikh 1 Januari 2002 sebagai tarikh akhir bagi luluskan ASEAN Harmonised Tariff Nomenclatures atau Pengharmonisan Penamaan Tarif ASEAN. Sejumlah besar negara-negara anggota juga telah menggunakan Perjanjian Penilaian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada tahun 2001.

ASEAN telah pun membentuk usaha ke arah pengiktirafan penspesifikasi produk bersama supaya piawaian dan peraturan berhubung dengan produk tidak akan menghalang perdagangan. Beberapa sektor telah pun dikenal pasti untuk dimasukkan dalam usaha tersebut seperti kosmetik, perubatan, kelengkapan telekomunikasi dan produk elektronik dan elektronik.

ASEAN juga berusaha untuk mengharmoniskan piawaian produk negara-negara anggotanya dengan piawaian antarabangsa seperti yang ada pada Pertubuhan Piawaian Antarabangsa, Suruhanjaya Antarabangsa Elektroteknikal dan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa bagi 20 kumpulan keutamaan produk tersebut termasuklah produk yang paling banyak didagangkan di Asia Tenggara,

antaranya ialah radio, peti televisyen, peti sejuk, pendingin hawa dan telefon.

ASEAN telah mula meluluskan konsep kawasan perdagangan bebasnya untuk memasukkan perkhidmatan. Langkah Berani yang disyorkan di Sidang Kemuncak ASEAN Keenam menyeru bagi ASEAN untuk meluluskan satu pusingan perdagangan baru dari tahun 1999 sehingga tahun 2001 bagi membuka perdagangan dalam perkhidmatan dalam semua cara pembekalan. ASEAN juga telah meluluskan satu panduan bagi perundingan. Bagi jangka pendek dari tahun 1999 hingga 2001, ASEAN telah bersetuju untuk komited dalam subsektor di mana empat atau lebih banyak negara anggota telah pun berikrar untuk ikut serta sama ada di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Dalam Perkhidmatan atau Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan. Sektor ini termasuklah pengangkutan udara, perkhidmatan perniagaan, pembinaan, perkhidmatan kewangan, pengangkutan maritim, telekomunikasi dan pelancongan.

ASEAN juga sedang bersama bekerja dan berusaha untuk mempertingkatkan hubungan di kalangan perkhidmatan pembekalan dalam rantau melalui perundingan bersama Jawatankuasa Penyelaras Mengenai Perkhidmatan. Ia menggalakkan pertemuan antara persatuan-persatuan pembekal perkhidmatan untuk mewujudkan kefahaman mengenai sifat-sifat unik dan keperluan setiap sektor dan isu-isu yang perlu diselesaikan dalam pembebasan perdagangan perkhidmatan antara ASEAN dalam setiap sektor.

Kemajuan juga telah pun ditunjukkan bahawa Rancangan AFTA terhadap Perdagangan Antara ASEAN yang telah berkembang pesat daripada US\$43.26 bilion dalam tahun 1993 kepada US\$85.4 bilion pada tahun 1997. Walaupun krisis kewangan Asia Timur telah mengecilkan Perdagangan Antara ASEAN kepada US\$68.8 bilion dalam tahun 1998, perdagangan berkenaan melambung naik kepada US\$74.4 bilion pada tahun 1999. Sebelum krisis berkenaan, eksport ASEAN telah meningkat pada kadar yang cukup tinggi dari kadar pertumbuhan semua eksport ASEAN.

MENGUBAH 'RED TAPES' KEPADA 'RED CARPET'

Oleh Haji Timbang Bakar



KITA baru saja memasuki era merdeka ke-21 tahun. Dilihat dari segi usia kemerdekaan negara kita itu, kita sedang menuju ke tahap kematangan kalau berlandaskan kepada sukat-sukat umur manusia. Tetapi untuk menentukan adakah kita memang baru menuju kematangan atau kita benar-benar matang sebagai bangsa yang merdeka perlulah mengambil kira sukat-sukat yang lain.

Raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam titah baginda menyambut ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-21 telah menggariskan: Ciri-ciri kematangan dalam bernegara yang ditunjukkan melalui gaya hidup lebih maju dan berdikari merupakan sikap bangsa yang diperlukan oleh sesebuah negara merdeka.

Inilah sukat-sukat kematangan itu iaitu mempunyai gaya hidup yang lebih maju dan berdikari.

Seterusnya perkara ini baginda tegaskan lagi dengan menekankan bahawa sikap bangsa yang demikian inilah yang diperlukan oleh sesebuah negara merdeka kerana tanpa sikap maju dan prihatin, negara hanya akan kekal di takuk yang lama atau ia mesti bersedia untuk menerima celahan.

Sudah adakah pada kita ciri-ciri atau sukat-sukat tersebut? Atau di manakah kedudukan kita?

Untuk mudah menjawabnya kita perhatikan sekali lagi ciri-ciri yang dimaksudkan itu, iaitu gaya hidup lebih maju dan berdikari serta prihatin. Kalau kita adaptasikan ciri-ciri ini ke dalam cara kita bekerja, cara kita memberikan perkhidmatan dan layanan serta sejauh mana usaha kita untuk menunjukkan bangsa yang mandiri itu ia akan semakin jelas dan dekat dengan kita.

Contoh yang paling mudah kita ambil bidang Perkhidmatan Awam yang merupakan tulang belakang kemajuan negara. Kerajaan kita memang telah membuktikan kesungguhan dan kecekapannya untuk mengangkat bidang ini ke arah gaya lebih maju. Contohnya projek e-kerajaan yang telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit. Dengan terlaksananya projek ini nanti hampir semua urusan dilakukan secara 'on-line' yang akan menjimatkan banyak masa, tenaga dan perbelanjaan - segala-galanya akan berjalan dengan cepat dan lebih efisien.

Tentang berdikari pula, alhamdulillah, kita memang telah membuktikan keupayaan kita berdiri sendiri tanpa banyak bergantung kepada orang lain. Kita telah urus negara ini dengan cara dan kehendak kita sendiri. Kita membangun mengikut acuan dan sukat-sukat kita sendiri.

Sikap prihatin juga memang ada pada kita. Keprihatinan kita bukan setakat di dalam negara bahkan juga terhadap negara-negara jiran dan sahabat antarabangsa.

Cukupkah semua itu? Ini terlalu mudah untuk dijawab: "Belum".

Mengenai perkara ini kita imbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan baru-baru ini:

"Menyentuh mengenai pembangunan negara yang mantap, ia adalah bergantung kepada jentera Perkhidmatan Awam yang dapat memenuhi keperluan dan harapan masyarakat. Lalu untuk itu kerajaan beta telah mewujudkan satu Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21. Setiap agensi kerajaan hendaklah memastikan diri masing-masing dapat mencapai matlamat wawasan tersebut. Semua Kementerian dan jabatan kerajaan dikehendaki mengenal pasti isu-isu yang mempunyai kepentingan nasional bagi dibincang dan seterusnya diselarasakan bersama-sama."

Titah baginda itu adalah jelas sebagai satu amanat yang membawa gagasan besar dan penting kepada negara, harapan dan petunjuk kepada kita semua yang terlibat sebagai penggerak dan pelaksana Perkhidmatan Awam di setiap peringkat. Secara tidak langsung titah baginda ini menggambarkan bahawa masih banyak yang perlu diusah, diadun dan dilutusi sehingga memberikan keupayaan kepada para pelanggan yang terdiri daripada orang ramai dan sektor swasta.

Dengan kata lain kita masih dituntut supaya memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang kepada pelanggan berasaskan kepada gaya hidup maju dan prihatin yang disebutkan di atas tadi. Kalau para pelanggan kita terus-terusan bersungut, mengeluh, marah-marah dan kecewa, bererti mereka belum puas hati terhadap mutu perkhidmatan yang kita berikan. Itu tandanya kita belum mencapai standard lebih maju dan keprihatinan kita masih di takah yang lama. Dalam masa yang sama kita mesti mengenal pasti punca dan penyelesaiannya, seterusnya berusaha memperbaiki serta mengatasinya.

Perkara ini turut menarik perhatian Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap di Majlis Pelancaran Seminar Innovation and Creativity In The Civil Service di Institut Perkhidmatan Awam baru-baru ini.

Yang Berhormat telah menggariskan cabaran yang kita perlu hadapi dan tangani bersama di dalam Perkhidmatan Awam ialah bagaimana kita merubah tanggapan, keluh, ketidakpuasan dan kekecewaan pelanggan-pelanggan kita atas terdapatnya 'red tapes' di dalam birokrasi kerajaan yang menyebabkan kelambatan, kurang peka ke atas permintaan dan ekspedisi dan melemahkan semangat usaha niaga kepada 'red carpet' atau hamparan permaidani merah yang memberikan layanan baik dan keupayaan serta memudahkan segala urusan peribadi dan niaga kepada pelanggan.

Sekarang sudah jelas apa yang perlu kita lakukan, iaitu membunuh virus 'red tapes' yang menjadi penghalang supaya kita boleh mengorak permaidani merah untuk memudahkan pelanggan-pelanggan kita berjalan di atasnya dengan senang dan puas. Sekali gus 'red carpet' itu akan menjadi jambatan penghubung di antara Perkhidmatan Awam dan pelanggan-pelanggannya sehingga terjalin hubungan yang akrab dan mesra di antara kedua-duanya. Jika ini yang dicapai, kecemerlangan Perkhidmatan Awam akan menjadi jenama yang termahal yang akan menjadi pakaian kita untuk menunjukkan gaya hidup yang lebih maju.

Jika kita gagal atau ingkar melaksanakan wawasan ini yang akan menerima padahnya bukan saja pelanggan-pelanggan kita yang ada hari ini, malah juga kita sendiri. Kerana perlu kita ingat, kata Yang Berhormat, suatu hari nanti setelah kita menamatkan perkhidmatan, kita juga akan menjadi pelanggan kepada Perkhidmatan Awam, di mana kita sendiri juga akan datang berurusan dengan agensi-agensi berkenaan di dalam Perkhidmatan Awam.

Maka jika sekiranya masih terdapat kelambatan, kurang efisien, kurang pemedulian dan masih tidak 'up-to-date' di dalam Perkhidmatan Awam, jangan salahkan orang lain, tudinglah telunjuk ke muka sendiri, kerana kita sendiri yang pernah menjadi anggota Perkhidmatan Awam dan diberikan peluang, kesempatan dan tanggungjawab untuk merubah, memartabatkan dan memperbaikinya.

Justeru itu, Yang Berhormat menggesa: Bertindaklah dari sekarang menurut yang selayaknya, pergunakan kesempatan yang ada, baik secara individu atau kolektif bagi mencapai matlamat Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 dengan seberapa segera. Lebih-lebih lagi apabila kita menyedari dan melihat di dalam organisasi kita terdapat unsur-unsur yang bertentangan dengan wawasan tersebut.



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Produk industri kampung boleh kuasai pasaran domestik

DI NEGARA Brunei Darussalam selain daripada hasil pengeluaran minyak dan gas, industri kampung juga merupakan salah satu sektor yang memainkan peranan penting dalam memperkembangkan ekonomi di negara ini kerana industri kampung berpotensi untuk dimajukan.

Dalam erti kata lain industri kampung ialah hasil pengeluaran atau kerja tangan yang dibuat oleh masyarakat kampung dengan menggunakan teknik-teknik tradisi tempatan. Adapun ciri-ciri industri kampung itu adalah industri tradisi yang diwarisi daripada orang-orang terdahulu iaitu nenek moyang kita.

Namun pada hari ini, permintaan dan pengeluaran hasil daripada industri kampung semakin berkurangan disebabkan perubahan zaman yang sangat ketara sekali iaitu peralihan kepada kemajuan teknologi. Justeru itu menyebabkan industri kampung kurang menonjol, apa lagi untuk bersaing dengan industri-industri moden.

Di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama juga tidak

kendur-kendur membantu masyarakat perniagaan terutama sekali dari segi kewangan, teknikal dan penghasilan produk sehingga kepada peringkat pasaran.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sektor perusahaan dan pemakanan telah memperlihatkan perkembangan yang amat sangat menggalakkan. Produk keluaran industri kampung sudah semakin berjaya bertapak dan sebahagian besarnya menguasai pasaran domestik. Ini menunjukkan satu petanda yang baik kepada industri-industri berkenaan untuk melangkah lebih maju ke hadapan khususnya menerokai peluang-peluang import eksport.

Oleh yang demikian, industri kampung sudah tidak boleh dipinggirkan lagi kerana mempunyai potensi yang begitu besar dan penghasilannya juga boleh membantu menjayakan peningkatan perekonomian penduduk dan negara ini.

Adalah tidak dinafikan industri di negara ini mempunyai banyak peluang-peluang perusahaan dan industri yang boleh dimajukan bukan hanya tertumpu kepada industri-industri yang berteknologi tinggi tetapi juga kepada industri sederhana seperti sektor perikanan, pertanian, ternakan, kraf tangan,

buah-buahan dan pokok-pokok hiasan.

Antara industri kampung yang boleh dikembangkan dan seterusnya dipasarkan ialah produk makanan seperti 'belacan' merupakan bahan perisa dan perasa yang sangat digemari, pembuatan 'kuih kering' merupakan snek yang paling popular di Brunei sementara 'belutak' yang diperap menjadi soses daging antara produk-produk yang berpotensi untuk dimajukan.

Dari segi penghasilan kraf tangan pula, orang-orang kampung di negara ini memang terkenal dengan hasil kerja tangan yang unik, bermutu dan sering mendapat perhatian dari masyarakat luar. Ini terbukti dari penyertaan negara melalui pameran-pameran produk tempatan sama ada di dalam negeri, serantau dan antarabangsa.

Manakala penghasilan cenderamata kenangan keluaran tempatan juga menjadi tarikan para pelancong untuk dibawa pulang. Justeru itu, peluang seperti ini hendaklah digunakan sepenuhnya dengan menghasilkan lagi lebih banyak jenama dengan reka bentuk yang menarik.

Begitu juga dengan hasil pertanian umpamanya akan meningkatkan penglibatan sektor swasta yang lebih pesat. Penambahan

kawasan-kawasan yang sesuai adalah diperlukan untuk dimajukan dengan menyediakan infrastruktur yang bersesuaian dengan bantuan teknologi.

Selain daripada itu, industri perabot juga mempunyai potensi yang tinggi jika dimajukan dan diberikan galakan oleh pihak-pihak tertentu. Di negara ini kilang-kilang perabot tempatan kurang diberikan perhatian walaupun pada hakikatnya ia mempunyai peluang yang baik jika dimajukan khususnya oleh para penduduk kampung umpamanya dalam penghasilan perabot dari rotan dan kayu-kayan tempatan.

Industri-industri seperti

ini, sebahagian contoh yang dinyatakan adalah sangat berpotensi untuk dikembangkan oleh sesebuah kampung dengan serius di samping membuka peluang yang banyak bagi memenuhi keperluan tempatan di samping ianya boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan seterusnya menyumbang ke arah pemelbagaian hasil ekonomi.

Kemajuan industri kampung itu sudah tentu boleh membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak kampung itu sendiri malah boleh membantu menarik lebih banyak pelancong asing datang ke negara kita sekali gus mereka mahu menyaksikan lebih dekat hasil industri yang popular

di kampung-kampung berkenaan. Malahan kita juga akan rasa bangga kerana sesebuah kampung itu mempunyai identiti hasil pengeluaran produknya sendiri dan ini akan menjadi batu loncatan menuju kepada hasrat negara.

Bagaimanapun kejayaan industri kampung perlu berkeupayaan untuk menghasilkan produk-produk yang berdaya saing dan bermutu. Untuk mencapai hasrat memajukan industri-industri kampung seperti ini, ianya memerlukan pengalaman dan antaranya boleh dilakukan dengan menimba ilmu dan kemahiran dari negara-negara jiran terdekat yang banyak menghasilkan produk-produk tempatan. Setiap pencapaian tidak akan terlaksana tanpa adanya pengalaman dan ilmu yang diperolehi dari pengalaman negara-negara yang berjaya memajukan industri-industri kampung seperti itu.

Lebih dari itu, keupayaan untuk mencipta ruang pasaran sama ada secara individu atau berkumpulan, industri kampung yang dihasilkan mampu ditransformasikan kepada pelbagai perusahaan dari berbentuk tradisi kepada jenis penghasilan produk-produk yang kreatif dan membuahkan ke-

jayaan dalam kita menghadapi persaingan perdagangan yang serba kompetitif.

Apa yang diharapkan para penduduk kampung di mana juga mereka berada akan dapat menerokai peluang-peluang yang luas dalam menubuhkan industri kampung dengan menggunakan tenaga kerja sendiri dari para penduduk kampung masing-masing. Kita yakin jika ada kemahuan pasti akan mendapat kejayaan bak kata pepatah 'jika ada kemahuan di situ ada jalan'.

Kita juga patut bangga di atas penglibatan pihak kerajaan yang memberikan galakan dan dorongan serta memberikan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang sewajarnya sebagai matlamat menjadikan industri kampung sebagai antara teras penggerak perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang mantap dan berterusan.

Masazlinnah Haji Abdul Majid,
Blok HA No. 2 Simpang 135, Flat Jabatan Ukur, Jalan Bengkurong Masin/Sinarubai, BF 2120.
No. k/p: 00-126730

Memajukan industri kampung

SEBAGAI sebuah negara yang kecil di kalangan negara-negara ASEAN, Negara Brunei Darussalam juga turut bergiat cergas memajukan perindustriannya. Tidak hanya bergantung kepada sumber asli minyak dan gas, kini kita telah berusaha mempelbagaikan industri kita dalam semua bahagian.

Salah satu usaha kerajaan ialah berusaha mempelbagaikan ekonomi negara demi kesejahteraan negara. Negara kita mempunyai empat daerah yang mempunyai mukim-mukim dan kampung-kampung yang mengamalkan sifat bermuafakat. Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung berperanan memajukan industri kampung. Dalam hal ini Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama perlu memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap mana-mana kampung yang mempunyai potensi untuk dikembangkan.

Apabila kita memperkatakan industri kampung ia mencakupi semua aspek penghasilan ekonomi baik dalam pertanian, perikanan, pemakanan mahupun produk alat perabot. Apa yang jelas di sini dalam usaha memajukan industri kampung, pengeluaran makanan halal mula tumbuh seperti cendawan. Terdapat banyak syarikat-syarikat berpotensi besar dalam pembuatan makanan. Kerajaan telah mengalu-alukan rancangan memajukan industri kampung dalam pengeluaran makanan. Kerajaan perlu memastikan strategi teknologi dan kualiti yang dibenarkan untuk menghasilkan makanan halal oleh industri kampung supaya dapat bersaing dengan negara luar.

Kaedah dan teknologi moden perlu disediakan oleh kerajaan untuk meningkatkan kapasiti dan kualiti pengeluaran industri kampung. Kita perlu berusaha membanyakkan industri dengan daya pengeluaran yang tinggi bagi meningkatkan daya saing eko-

nomi negara dan menggalakkan eksport yang bernilai tinggi. Kerajaan juga perlu memberi inisiatif serta sokongan yang lebih untuk industri kecil dan sederhana. Di samping itu kerajaan perlu menyokong usahawan tempatan dan menggalakkan perkembangan kemahiran serta kemampuan sumber manusia tempatan tanpa menolak kemahiran luar.

Para pengusaha juga memerlukan bantuan dan khidmat nasihat dari agensi kerajaan seperti Pusat Sumber dan Piawaian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Apabila pengusaha-pengusaha kita bergiat aktif dan cergas dalam memajukan industri kampung mereka tidak perlu lagi menggunakan teknologi lama bahkan mereka perlukan teknologi yang paling canggih dalam mempercepatkan pengeluaran. Syarikat-syarikat perlu menumpukan dan mampu mengeluarkan produk mereka dengan 'packaging' yang diterima luar negara. Melalui bantuan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama maka hasil mereka itu akan dieksport ke luar negara. 'target market' produk juga perlu dalam memastikan tumpuan pasaran yang bakal ditembusi.

Ada banyak cara untuk memajukan industri kampung. Penekanan berasaskan sumber tempatan iaitu industri berasaskan kayu-kayan, makanan dan pakaian juga memainkan peranan penting di negara kita. Penekanan juga perlu diperluaskan kepada kawasan yang kurang maju. Ini adalah untuk menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana yang akan menjadi pemangkin kepada kemajuan industri negara.

Haji Azreem bin Haji Ramli,
No. 6, Simpang 74-41-31,
Kampung Mata-Mata Gadong,
BE 1718.
No. k/p : 00-124710

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Manfaatkan Cuti Pesekolahan Dengan Aktiviti Berfaedah'. Tarikh tutup 23 Mac 2005.
2. 'Contohi Akhlak dan Keperibadian Rasulullah'. Tarikh tutup 30 Mac 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
emel: pelita@brunet.bn

Para usahawan perlu perubahan

DI NEGARA ini industri minyak dan gas asli masih memainkan peranan penting sebagai sumber ekonomi negara yang utama. Akan tetapi, perlu diingat bahawa dalam jangka masa panjang sumber-sumber bahan mentah bagi industri ini belum tentu menjamin penghasilan yang berterusan. Oleh itu, persediaan menghadapi keadaan yang sedemikian itu memerlukan inisiatif lain dengan menggiatkan kepelbagaian hasil ekonomi negara. Industri kampung yang juga dikenali sebagai industri luar bandar merupakan di antara industri yang boleh memainkan peranan ke arah menjana pertumbuhan ekonomi negara dan berpotensi tinggi untuk dimajukan.

Seperti yang kita dapat lihat dan dengar pada masa kini, pihak kerajaan melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama terus memberi perhatian dan tidak kendur-kendur terus menyokong dan mendorong para pengusaha atau para

peniaga di negara ini dengan membantu mereka terutama dari segi aspek teknikal, material, kewangan dan penghasilan produk sehingga kepada pemasaran. Sebagai contohnya, ke arah memajukan industri selain minyak dan gas asli Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menubuhkan Pusat Sumber dan Piawaian yang berperanan menyediakan kemudahan dan kepakaran untuk menggalakkan pertumbuhan dan kemajuan keusahawanan di negara ini.

Walaupun demikian, dalam kuasa ekonomi di era globalisasi dan teknologi maklumat menguasai abad ini, para usahawan di negara ini perlu berusaha dan berikhtiar bagi membebaskan diri dari terus bergantung sepenuhnya kepada pihak lain seperti kerajaan untuk berdaya maju dan berdaya saing di dalam apa jua bidang perusahaan dan perniagaan yang diceburi. Men-

supaya dipastikan setiap perubahan tidak mengeneipkan soal agama, adat resam, tata-susila, bahasa, budaya dan budi pekerti kita yang selama ini melambangkan identiti kebruneian yang sejati.

Dari itu, dalam mengangkat dan memajukan industri kampung, terlebih dahulu para pengusaha perlu mengubah cara berfikir secara positif. Tidak mengharap pertolongan atau bantuan pihak lain terutama pihak kerajaan dalam menggerakkan apa-apa jua bidang perusahaan dan perniagaan. Mundur, ketinggalan, pasif, tidak bermaya dan terlalu mudah merendahkan diri dan berputus asa wajar dihilangkan mulai sekarang demi mencapai hasrat ke arah memajukan industri kampung sebagai sumber ekonomi penting negara.

Hirmani Haji Sallehuddin,
No. 7, Simpang 393, Jalan Kerakas Payau,
Kampung Kupang,
TB 5190.
No. k/p: 01-263104

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Memajukan Industri Kampung'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

REMAJA

Hati-hati bila bergaul

OLEH H. A. MANAP

DALAM meneruskan kemajuan dan perkembangan kehidupan masyarakat dan negara, perhatian tidak pernah kendur-kendurnya dihalakan kepada generasi muda yang bakal menjadi pewaris dalam pelbagai corak dan kepimpinan hidup. Tidak akan pernah lekang dan jemu tumpuan kepada golongan muda akan terus diberikan perhatian bagi memastikan semai pelaburan yang diharapkan untuk menjadi aset dan penerus kesinambungan kemajuan yang dilaksanakan dapat dibentuk dengan cara dan calak yang baik dan sempurna. Kerana itu pergaulan yang baik menjadi harapan dan minat yang akan mencetuskan rasa kasih sayang antara sesama masyarakat remaja. Manakala pergaulan yang kurang baik akan menimbulkan kebencian dan prasangka yang kurang baik antara satu sama lain. Justeru pergaulan yang baik dan sempurna sekali gus akan menghasilkan generasi yang dinamik dan proaktif dalam menangani kehidupan seharian. Mereka juga akan lebih kelihatan berkemampuan dalam mengharungi sebarang cabaran yang cuba mempengaruhi gerak langkah mereka yang menjurus ke arah kecemerlangan diri.

Kajian menunjukkan pergaulan yang baik di kalangan remaja akan membentuk sahsiah remaja ke arah kecemerlangan, sementara corak pergaulan yang kurang sihat boleh sahaja akan menjadi perosak malah akan menjerumuskan kalangan remaja ke lembah hina. Pergaulan yang baik itu boleh dilahirkan sama ada dalam bentuk terjemahan peribadi atau gaya kehidupan yang ditonjolkan. Semudah-mudahnya bermuka manis dan ceria ketika berjumpa serta sentiasa bersedia melakukan sesuatu kebaikan terhadap orang lain, iaitu tidak

cuba menyakiti hati orang lain malahan mudah menghulurkan bantuan merupakan ciri-ciri yang boleh dianggap sebagai unsur kebaikan yang dihasilkan dari corak pergaulan yang baik.

Melalui pergaulan yang baik di kalangan para remaja akan mewujudkan remaja negara kita yang berwibawa, ceria dan mantap pendirian dan akan kuat menghadapi sebarang pengaruh negatif yang cuba merosakkan kehidupan mereka. Pergaulan baik yang dicipta juga akan melahirkan generasi remaja yang berilmu, berakhlak, berbudi luhur dan berketrampilan yang seimbang dalam semua bidang kehidupan, di samping memiliki semangat patriotisme dan budaya kerja yang cemerlang demi kepentingan agama, bangsa, negara dan masyarakat keseluruhannya. Kalangan para remaja juga akan dapat memperbaharui azam dan iltizam sebagai pewaris dan pengisi pembangunan serta hala tuju negara melalui pergaulan yang baik di kalangan mereka. Melalui ini juga akan mempergiat usaha membentuk generasi muda yang dinamik, kreatif, berwawasan, keusahawanan dan berbudaya tinggi berasaskan penguasaan ilmu, kemahiran dan berkembangan dengan keadaan semasa yang berlaku di sekeliling kita.

Pergaulan yang baik dan terancang dapat juga menyemarakkan aktiviti remaja terutama melalui latihan tidak formal dan menekankan kesedaran pendidikan sepanjang hayat sejajar dengan tuntutan kehidupan untuk menuju ke arah masyarakat yang maju bertunjangkan kekuatan agama dan moral dengan ciri dan calak kebruneian yang tinggi. Justeru pergaulan yang baik

lagi terpuji mestilah mengikut peraturan yang digariskan oleh agama Islam serta tidak melanggar batas-batas tatasusila kehidupan yang terbaik. Selain dari betapa perlunya pergaulan yang baik itu terus disemai dan dijadikan sebagai pakaian kehidupan, pergaulan yang kurang baik dan tidak beretika juga mempunyai pengaruh dan nilai-nilainya yang tersendiri yang bukan sahaja dianggap sebagai perosak masyarakat malahan ia menjadi satu dari unsur-unsur yang mencipta ketidakseimbangan masyarakat. Gejala-gejala sosial akan mudah berlaku, susunan strata kehidupan dan pertumbuhan masyarakat akan terganggu dan banyak lagi mungkin sahaja akan menjadi mangsa kepada pergaulan remaja yang tidak sihat dan tidak berfaedah ini.

Generasi muda remaja berperanan dalam menentukan pergaulan bagaimana yang akan mereka bentuk dan semai, kerana apa pun yang akan mereka wujudkan ia tidak dapat lari dari implikasi pembinaan masyarakat yang berkelompok besar. Kerana jika negatif yang dibentuk maka hasilnya juga akan mewarnakan ketidaksempurnaan pembinaan masyarakat. Pergaulan yang tidak baik juga mengukir kesan negatif yang mempunyai pengaruh yang tidak kurangnya mengheret masyarakat kepada satu keadaan yang melembapkan proses penciptaan kecemerlangan dan pembentukan kelompok pewaris yang berkualiti tinggi. Di antara contoh yang tercipta dari pergaulan yang tidak baik dan tanpa batasnya ialah lahirnya perangai dan sifat yang tidak sesuai dengan kepentingan kehidupan beragama dan bernegara. Justeru berhati-hatilah jika bergaul dengan kawan dan taulan.

Perlantikan MP dan PRS Sesi 2005/2006 bagi MSPSBS

GADONG, 5 Mac, - Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) telah mengadakan Majlis Penyerahan Tugas dan Perlantikan Ahli Majlis Pelajar (MP) dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) Sesi 2005/2006 bertempat di Dewan Serbaguna maktab tersebut. Tetamu kehormat majlis ialah Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud, Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Berhad (IBB).

Juga hadir memeriahkan majlis ialah para ibu bapa, guru-guru dan pelajar-pelajar maktab.

Majlis itu merupakan acara tahunan maktab dan antara objektif majlis ini diadakan ialah untuk mengiktiraf perlantikan mereka sebagai seorang pemimpin pelajar secara rasmi oleh pihak maktab, menghargai kebolehan dan kesungguhan mereka yang menunjukkan komitmen untuk menggilap bakat kepimpinan, meningkatkan 'self-esteem' dalam diri pelajar, melahirkan pelajar yang berkebolehan bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang kepimpinan dan akhir sekali dapat menggilap bakat kepimpinan

pelajar dan melahirkan pemimpin muda yang berkebolehan serta berwawasan.

Seramai 36 orang ahli MP dan 25 orang ahli PRS Sesi 2005/2006 telah dilantik dan yang menerima sijil penghargaan PRS Sesi 2003/2004 seramai 18 orang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan ucapan alu-aluan Pengerusi majlis, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin, Pengetua MSPSBS, diikuti ucapan tetamu kehormat majlis.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian Sijil dan Lencana kepada ahli-ahli Majlis Pelajar dan PRS Sesi 2005/2006 seterusnya penyampaian sijil penghargaan kepada ahli PRS Sesi 2003/2004 oleh tetamu kehormat majlis.

Ikrar Majlis Pelajar juga turut dibacakan oleh ketua pelajar yang baru dilantik, Dayang Nurul Syazana binti Hassan daripada Pra-Universiti Satu, sementara ikrar PRS dibacakan oleh ahli PRS baru iaitu Pengiran Abdul Kahar bin Pengiran Jamal El-Fiarra dari Menengah Empat.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 2 Mac 2005

Masjid Kampong Kertam, Tutong.

ALAI PINTAR



Apakah nama masjid ini?

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 662

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 662,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 662

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 2 Mac 2005

Aiman Shahrol Nizam bin Haji Narif,
 Sekolah Rendah Sungai Si Amas,
 Umur : 8 tahun

Abdul Wazif bin Jaaperuddin,
 Sekolah St. Margeret, Seria,
 Umur : 7 tahun

Suzleena binti Haji Abdul Lakim,
 Sekolah Rendah Dato Othman,
 Umur : 8 tahun

BELIA

Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah :

LAHIRKAN PEMAIN
BELIA BERWIBAWA

EDISI kedua Kejujutan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah bagi belia-belia ASEAN bermula dengan rasminya dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kejujutan kali ini hanya disertai oleh sembilan anggota Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dengan dibahagi kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan 'A' Republik Filipina, Viet Nam, Thailand, Malaysia dan Republik Indonesia selaku juara bertahan, manakala Kumpulan 'B' Laos, Republik Singapura, Myanmar dan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.

Hanya Kemboja saja tidak dapat menghantar skuad mereka kali ini. Bagaimanapun kemahiran temasya ini tetap menjanjikan mutu dan corak permainan bola sepak yang terbaik dari kalangan pemain-pemain belia dan dalam masa yang sama pula mengutamakan semangat perpaduan ASEAN.

Kejujutan dwitahunan ini adalah lahir dari cetusan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda mengurniakan titah di Institut Hubu-



Oleh Haji Ahat
Haji Ismail

ngan Diplomatik dan Luar Negeri, Malaysia di Kuala Lumpur pada 27 Ogos 1997 bahawa sukan dapat menjangkau ke segenap lapisan masyarakat.

Baginda bertitah menjelaskan dari semua sukan tontonan, bola sepak mempunyai pengikut terbesar di Asia Tenggara.

"Dengan mempunyai sebuah liga bola sepak ASEAN atau Asia Tenggara akan memperluaskan lagi kesedaran orang-orang biasa di negara-negara ASEAN," titah baginda.

"Sebaik-baiknya kesemua pasukan terbaik di rantau kita bertanding di dalam liga ini," titah baginda.

"Jika Eropah mempunyai sebuah Liga Eropah, Amerika Latin mempunyai Liga Amerika Latin dan Afrika dengan Liga Afrikanya, mengapa tidak sebuah Liga Asia Tenggara?" titah baginda.

Titah tersebut menjadi pendorong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam dalam mengembangkannya sukan bola sepak di negara ini untuk meningkatkan kejohanan peringkat belia ASEAN

bawah 21 tahun merebut Piala Hassanal Bolkiah.

Melalui kejujutan inilah menjadi titik permulaan belia-belia dari rantau Asia Tenggara mendapat pendedahan dan mengasuh bakat serta kebolehan dengan mewakili negara masing-masing. Penyertaan di kejujutan ini menjadi asas pendedahan penting bagi mereka menimba pengalaman.

Para pemain setentunya akan menjadikan kejujutan ini sebagai landasan meningkatkan keupayaan dan kebolehan skil permainan yang ada di mana nanti akan dapat melahirkan ramai pemain belia berpotensi diketengahkan.

Matlamat tersebut juga diharapkan sama oleh negara ini khususnya Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (BAFA), untuk menggilap pemain-pemain belia se-

bagai perancangan jangka panjang ke arah melahirkan ramai pemain-pemain belia negara yang berpotensi untuk dijadikan pelapis skuad kebangsaan.

Kalau selama ini pemain belia negara hanya beraksi setakat Liga Peringkat Daerah, Liga Brunei (B-League) atau paling jauh Liga Perdana Malaysia (M-League), tetapi kini impian tersebut menjangkau ke peringkat serantau dan pendedahan lebih luas ke peringkat ASIA dan antarabangsa.

Thailand dan Republik Indonesia umpamanya dua negara anggota ASEAN telah mara jauh memasuki Kelayakan Piala Asia dan saringan Piala Dunia Zon Asia. Lebih membanggakan Benua Asia lagi ialah pencapaian Jepun dan Republik Korea yang bersaing mewakili Asia di Piala Dunia. Kejayaan



JUARA ... Republik Indonesia merupakan negara yang pertama menjuarai Piala Hassanal Bolkiah bagi pemain belia bawah umur 21 ASEAN 2002.

negara-negara ini bertitik tolak kepada banyaknya pendedahan para pemain mereka dalam liga kebangsaan hinggalah ke kejujutan-kejujutan bertaraf antarabangsa.

Pemain-pemain baru yang mereka ketengahkan muncul silih berganti di setiap kejujutan dan perkembangan ini memudahkan persatuan-persatuan

bola sepak kebangsaan negara berkenaan membentuk skuad terbaik.

Justeru, jika kejujutan Piala Hassanal Bolkiah ini dapat dimanfaatkan oleh para pemain negara, sekurang-kurangnya selangkah pengalaman sudah dapat diperolehi untuk dijadikan pendedahan berguna.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain dalam kenyataan edisi pertama menjelaskan, kejujutan dua tahun lalu menjadi asas penting terhadap perkembangan dan pembangunan bola sepak negara dan dalam masa yang sama membuka ruang pendedahan pemain muda beraksi di peringkat serantau.

Dari penyertaan kejujutan peringkat serantau, kata Yang Berhormat, akan berkembang ke tahap Asia dan antarabangsa secara berperingkat di mana pendedahan

dan pengalaman penyeretaan yang dilalui itu dapat meningkatkan mutu permainan.

Pendedahan dari penyertaan inilah, menurutnya, menjadi faktor pendorong kepada banyak negara-negara di rantau ini melahirkan pemain yang berbakat dan berpotensi, sekali gus membantu skuad kebangsaan yang berwibawa.

Dengan demikian melalui kejujutan ini para pemain belia negara akan dapat memanfaatkan kesempatan ini dengan mempelajari dan mencontohi corak permainan serta kejurulatihan negara peserta sebagai input meningkatkan prestasi pemain-pemain.

Pendedahan begini amat berguna dalam meningkatkan ilmu pemain tempatan sejajar dengan matlamat untuk mendedahkan pemain muda di samping mengasuh dan mengembangkan bakat yang sedia ada dalam kejujutan ini.



KEJUJUTAN Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah menjadi asas penting kepada pemain belia untuk mendapatkan pendedahan bermain di peringkat antarabangsa.



SOKONGAN PADU ... Meskipun tewas pada perlawanan akhir kepada Republik Indonesia, penyokong Thailand tetap memberikan sokongan padu kepada barisan pemain mereka.

Sekilas Fakta

* Piala Hassanal Bolkiah pertama kali dipertandingkan pada tahun 2002 dengan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

* Republik Indonesia negara pertama menjuarainya selepas menewaskan Thailand 2 - 0 di perlawanan akhir.

* Republik Indonesia tidak pernah mengalami sebarang kekalahan pada kejujutan kali pertama itu.

* Penjaga gol Republik Indonesia, Samsidar dipilih sebagai pemain terbaik kejujutan.

* Kejujutan kali pertama disertai oleh kesemua sepuluh negara anggota ASEAN.

Kemantapan beragama penting untuk capai kesejahteraan

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Mac. - Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada mempunyai motif iaitu supaya terus berpegang dengan agama Islam dan kepada Allah, kerana orang Mekah ketika itu disakiti, diseksa dan dianiaya oleh kaum musyrikin Mekah.

Melihat kepada penderitaan orang-orang Islam maka Baginda telah memerintahkan pengikutnya supaya berhijrah ke Madinah setelah Baginda mendengar perkhbarannya bahawa di Madinah adalah selamat untuk mengamalkan agama dengan aman dan orang-orang di Madinah bersedia untuk menyambut kedatangan rombongan Baginda.

Berdasarkan arahan ini mereka mengikut Baginda terus sahaja berhijrah ke Madinah meninggalkan kampung halaman, saudara mara, pangkat dan sebagainya, di mana di Ma-

dinah orang-orang Islam dapat hidup tenteram, bahkan mereka mendapat kawan-kawan baru daripada pertambahan orang-orang yang memeluk agama Islam.

Pegawai Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Jafar bin Haji Maidin menyentuh peristiwa tersebut mengenai kisah ringkas hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Majlis Forum Sambutan Awal Tahun Hijrah 1426 anjuran Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Maktab Perguruan Guru Uagama Seri Begawan, Jalan Tutong di sini.

Beliau yang merupakan ahli panel pertama yang diberikan peluang untuk membuka tirai forum menambah, supaya kita boleh mengambil iktibar atau mencari isu yang boleh menjadi inspirasi untuk dilaksanakan ke arah mendapat kesejahteraan insan. Kita sedia maklum

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

untuk mendapat kesejahteraan beberapa faktor mesti ada iaitu faktor keamanan, keselamatan, keilmuan, kepakaran, kekayaan dan sebagainya.

Katanya, dalam semua faktor yang menyumbang kesejahteraan itu, yang penting bagi orang Islam ialah faktor nilai keperibadian.

Menurut dari penelitian beliau terdapat dua perkara penting yang terkandung dalam cerita tersebut yang perlu diambil perhatian untuk mencapai kesejahteraan untuk memantapkan pegangan beragama itu perlu ada tindakan dan sanggup berkorban dengan mengharapkan keredaan Allah. Misalnya dalam soal akidah, Islam melarang kita membuat sesuatu yang menyekutukan Allah Subhanahu Wataala.

Sementara itu Pegawai

Jabatan Hal Ehwal Syariah, Dayang Hajah Nor yang merupakan ahli panel kedua antara lain berkata, dalam peristiwa hijrah itu boleh kita ambil ialah adat tradisi. Perkara kedua untuk diambil ialah mesti ada pendirian yang tetap, iman yang teguh dengan bertindak oleh tekanan-tekanan seperti mana yang berlaku dalam kisah-kisah sejarah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri dan orang-orang Islam.

Beliau seterusnya menambah untuk mewujudkan insan sejahtera dalam rumah tangga dahulu perlu kita betulkan, seperti mana hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Ada empat perkara yang mendatangkan kebahagiaan kepada seseorang itu iaitu tempat yang luas, jiran yang baik, kenderaan yang

baik serta anak-anak dan isteri yang salihah."

Jadi, tambahnya, kita lihat kepada pendidikan, bila kita mengatakan kesejahteraan berpunca dari rumah adalah pendidikan kepada anak-anak dan yang paling penting sekali sejak mereka kecil lagi dengan mendidik akhlak mereka dan bila sudah ke sekolah akan menyambung didikan tersebut.

Dalam forum berkenaan juga turut mencadangkan agar pendidikan kefahaman keluarga Islam patut dimasukkan dalam kurikulum sekolah, sebab kalau kita melihat berdasarkan isu-isu keluarga ramai yang tidak faham bagaimana menjadi suami dan isteri yang baik. Asasnya disebabkan mereka kurang ilmu, kadang-kadang hanya mengharapkan kursus-kursus yang diberikan yang sebenarnya tidak mencukupi, sepatutnya mereka diberikan pendidikan lebih

awal selain daripada menerima akademik dari keluarga yang juga patut diberikan di sekolah.

Manakala ahli panel ketiga, Timbalan Dekan Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah, Awang Haji Adnan bin Haji Besar menyentuh mengenai tema forum 'Hijrah Menjana Kesejahteraan Insan,' di mana, katanya barang siapa mahu mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat, mestilah menguasai ilmu pengetahuan. Manakala menguasai kedua-duanya mula memerlukan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan adalah faktor utama mencapai kesejahteraan insan di dunia dan diakhirat.

Untuk mencapai kesejahteraan akhirat ini kita mestilah juga mempunyai ilmu iaitu ilmu fardu ain seperti Rukun Iman, percayakan kepada Malaikat, Hari Kiamat dan Rukun Islam.

Katanya, selain dari itu untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat kita juga dituntut untuk menuntut ilmu pengetahuan dari aspek akhlak, di mana akhlak itu yang menyebabkan nanti kita masuk Syurga, tegasnya.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Sambutan Awal Tahun Hijrah 1426 bagi Kementerian Pendidikan pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet dengan tujuan untuk sama-sama memeriahkan dan membebankan kalender Islam serta untuk mengambil iktibar daripada hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Forum Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1426 anjuran Kementerian Pendidikan (kiri), sementara gambar kanan para ahli panel forum sambutan tersebut. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.



MAJLIS Menandatangani Perjanjian bagi Projek Sistem Maklumat Islam (SisMI) Fasa Pertama antara Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diwakili oleh Pengarah Hal Ehwal Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Zaimi bin Haji Talip dengan Hakba Skali Sendirian Berhad yang diwakili oleh Mejar (B) Haji Adnan. - Gambar oleh Masri Osman.

Projek SisMI bernilai \$1.38 juta

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 21 Februari.- Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hari ini menandatangani perjanjian B\$1.38 juta bagi projek Sistem Maklumat Islam (SisMI) Fasa Pertama, dengan Hakba Skali Sendirian Berhad.

Perjanjian kontrak itu akan meliputi pembekalan, penyediaan, pemasangan, pembangunan, pengujian, penerimaan dan penyelenggaraan untuk SisMI bagi fasa pertama yang juga termasuk perisian, perkakas, operasi dan perkhidmatan yang berkaitan

bagi kementerian berkenaan.

SisMI adalah salah satu daripada 12 projek e-kerajaan yang akan dilaksanakan oleh KHEU lapan dari projek itu menghubungkan kementerian berkenaan dengan rakyat adalah termasuk Kiosk Maklumat e-Islam, Sistem Pengurusan Zakat, i-Dirasah, i-Masjid dan SisMI fasa kedua. Kesemua projek tersebut diperuntukkan lebih B\$40.46 juta.

Majlis menandatangani perjanjian itu berlangsung di bangunan KHEU antara Pengarah Hal Ehwal Syariah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Zaimi bin Haji Talip selaku Penasihat Bersama projek SisMI fasa Pertama, manakala Pengerusi Eksekutif Hakba Skali Sendirian Berhad, Mejar (B) Haji Adnan bagi pihak syarikatnya.

Hadir bagi menyaksikan penandatanganan perjanjian itu ialah Pemangku Setiausaha Tetap kementerian tersebut, Awang Haji Abdullah bin Haji

Metassim bersama wakil Hakba Skali.

Apabila siap nanti SisMI fasa pertama akan menjadi pintu gerbang 'online' bagi pengetahuan dan perkhidmatan yang berkaitan Islam.

Ia juga akan meningkatkan lagi keberkesanan hasil dan pengurusan aktiviti seperti Kursus Pratinikah, Aduan Kes Mal, kes jenayah, pengislahan dan kawalan akidah.

SisMI fasa pertama juga akan membangunkan laman web rasmi KHEU tersebut dan menjadi portal maklumat agama Islam dan perkhidmatan daripada kementerian berkenaan kepada orang ramai.

Di samping itu ia akan menjadi sebagai pemangkin matlamat strategik KHEU dengan menyediakan perkhidmatan secara online sejajar dengan perkembangan komprehensif e-kerajaan di negara ini.

Lengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan

BERAKAS, 18 Februari.- Kaum wanita di negara diseru supaya melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan terutama yang berhubung kait dengan era teknologi bagi menghadapi cabaran masa kini.

Datin Hajah Ramlah membuat seruan tersebut selaku Pengerusi Majlis Sambutan Maal Hijrah 1426 bagi Persatuan PERTIWI yang diselenggarakan dengan meraihan ahli-ahlinya yang menunaikan fardu haji 1425

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman

Hijrah yang lalu di Dewan Pahlawan di sini.

Selain dari itu beliau juga menasihati agar ahli persatuan berkenaan

supaya mengambil iktibar dari peristiwa dan pengalaman tahun lalu sempena Tahun Baru Hijrah.

Awal sebelumnya beliau

menjelaskan majlis yang diadakan petang itu antara lain bertujuan untuk menjalin dan merapatkan lagi kemesraan hubungan antara ahli.

Juga hadir di majlis itu ialah Penasihat 1 persatuan tersebut, Datin Paduka

Dayang Hajah Zaharah.

Mencerikan bagi majlis itu ialah Ceramah Khas Hijrah yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Ismuhadi yang disusuli dengan Dikir Marhaban.

GERPEN

BUNGA - BUNGA API

OLEH HAJI JAMALUDDIN ASPAR

KALAU cuma bunyi letupan yang sebegini tidak akan tergerak hati seorang kanak-anak yang berumur tiga tahun lebih untuk lari ketakutan kerana mendengarnya. Malah letupan itu malah merangsang dan memujuk ayah mereka untuk pergi melihatnya. Kerana setiap tahun apabila menyambut Hari Kemerdekaan atau hari-hari kebesaran yang lain, letupan bunga api tidak akan tinggal. Rasanya tidak sah upacara itu jika bunga api tidak diletupkan.

Bukan seperti enam puluh tahun dulu. Setiap letupan bererti ada nyawa yang terkorban, mayat-mayat bergelimpangan seperti batang-batang pisang yang ditebang. Itu bagi kanak-kanak yang lahir di zaman kedamaian, tiada perkelahian, tiada peperangan dan tiada persengketaan. Betapa berharganya sebuah kedamaian yang harus diganti dengan darah dan air mata.

Tapi bagi orang-orang yang hidup sebelum 1945, semua itu adalah satu kegerian dan menghantui diri mereka, rasanya tidak akan terulang bagi kedua kalinya dalam sejarah hidup mereka. Cukuplah sekali seumur hidup.

Walau pada ketika ini dan saat ini negeri tumpah darahnya tiada lagi sekecoh enam puluh tahun yang silam, tapi Mak Timah masih merasa ngilu apabila mendengar apa-apa saja letupan yang seumpama itu. Mak Timah masih ingat semasa Perang Dunia Kedua dulu, semasa Jepun bermaharajalela di merata dunia sebelah sini.

Mak Timah merasakan diri mereka bukan orang. Betapa tidaknya mereka sering diburu ... dicari ... diselongkar. Hatta di dalam lubang sekalipun pasti akan dikorek. Entah apa lagi nama atau istilahnya. Jika disyaki apa-apa yang akan menimbulkan sesuatu yang boleh membahayakan mereka, tanpa rasa segan-silu, apa lagi awar galat ... langsung tidak ada. Mereka terus saja menyeksa terutama kaum lelaki yang pada akhirnya mati tidak lebih dari seekor tikus yang hina.

Itu kisah zaman Jepun yang mabuk kuasa, walaupun pada akhirnya kuasa yang digila-gilakan itu memakan diri sendiri. Mudah-mudahan kita yang sudah merdeka ini, tambah lagi kuat dalam didikan agama Islam sudah tentu tidak ada lagi orang-orang yang mabuk atau orang yang mabuk-mabuk. Kalau orang yang mabuk itu tahu bahawa mabuk itu tidak elok, tentu tidak ada orang-orang yang mabuk. Namanya mabuk mana ada bisainya.

Mak Timah juga ingin berhibur di samping cucu-cucunya yang menjampurit keliling pinggang itu. Ia mahu melihat serpihan bunga api yang berwarna-warni seperti hamparan rambat arwah suaminya dulu, ketika merambah di ujung jungkar dengan sinaran cahaya bulan muda, sungguh meny-



yukan hati. Ditambah lagi dengan bayangan bulan yang seakan-akan terapung-apung di permukaan air yang tenang ketika itu.

Mak Timah masih tidak dapat melupakan masam masin, pahit manis yang ditinggalkan si Jepun dulu. Ketika itu dia bersama suami dan anak-anaknya yang seramai enam orang itu terpaksa menyelam di sebuah anak sungai untuk menyelamatkan diri, apabila mendengar bunyi jet pejuang yang terbang rendah seolah-olah dapat dicapai dengan tangan. Jika tidak begitu ... imbalannya pasti mati. Ada juga kawan-kawan Mak Timah yang meraung kerana anak-anak yang dibawa menyelam tidak bernafas lagi. Ini adalah satu sejarah hitam dalam hidup Mak Timah dan seluruh manusia di zaman perang dulu.

Kenapa Mak Timah dan suami serta anak-anaknya dan juga orang-orang ketika itu harus terkejut-kejar ke sana ke mari mencari perlindungan? Kan halnya mereka berada di tanah air sendiri, bukan menumpang di ceruk rantau negeri orang. Di manakah pejuang-pejuang tanah airnya ketika itu!

Mengapa mereka tidak mempertahankan tanah air yang diceroboh!

"Sembunyi ...!" teriak Mak Timah dalam kebingungan malam itu. Untunglah tidak didengar oleh sesiapa. Mak Timah merasa malu sedikit.

Keseronokan pertunjukan bunga api pada malam itu sudah tidak dirasakan Mak Timah lagi. Kenangannya semakin liar menjalar mengembara ke masa-masa yang sudah lama berlalu. Siapa pun tidak akan mudah melupakan pahit-getir ketika zaman perang itu. Hidup

atau mati cuma itu yang dikejar ataupun ditinggalkan dalam pelarian yang entah ke mana tujuannya. Kenangan Mak Timah semakin berbunga sebagaimana bunga-bunga api yang berkerdipan di atas kepalanya.

"Jangantah khuatir indaku apa-apa ni, lapas mengantar si Jepun itu karang ... baliklah ku tu. Bukan jauh menyubang nganya," Liau Sapar cuba menenangkan isterinya.

"Minta antar ke manakan ia ... si Tapacul itu ... bunuh ia selajur ..."

"Nyangan kurapak inda betantu ani ... mendengar tungkat gelagar karang ..."

"Ingau atiku ..." rasa sayang Mak Timah kepada suaminya ketika itu tidak dapat dilukiskan dengan apa sekalipun. Maklum sajalah mahu berdepan dengan orang yang bila-bila masa saja boleh mencabut nyawa terutama kaum lelaki seperti suaminya itu. Apa yang dapat dilakukan oleh Mak Timah cuma bertawakal dan berdoa. Ajal dan maut cuma Allah yang menentukan.

Suaminya tidak dapat

berbuat apa-apa. Mahu tidak mahu terpaksa juga menyeberangkan dua orang Jepun ke kampung seberang. Dari Sigundang ke Puduk. Setibanya di tengah-tengah Sungai Brunei, perahu mereka pun karam. Dua ekor manusia kejam itu pun menjerit-jerit macam ambok kena belacan. Liau Sapar dan kawannya pura-pura menolong tapi sebaliknya melemaskan si kejam itu hingga mati dan terus tenggelam.

Itu cuma sedikit dari perjuangan arwah suaminya Liau Sapar yang Mak Timah tidak akan melupakannya hingga saat ini. Walaupun tidak ada siapa yang beminat untuk mengingat perjuangan diam-diam suaminya menentang Jepun itu, tapi dia amat kagum dan bangga kerana punya suami berjaya patriotik walau tidak ada dalam lipatan sejarah. Bagi Mak Timah itu tidak penting, kerana sejarah juga jarang memberitahu yang tepat dan betul. Biarlah perjuangan suaminya itu terpatat dalam hatinya hingga ke liang lahad.

Keriuhan malam itu cukup untuk melupakan sejenak kepenatan bertugas di siang hari atau keperitan hidup pada sesetengah orang. Siapa tidak gembira dan bersuka ria kerana malam itu Bandar Seri Begawan bermandikan kilauan cahaya lampu neon yang berwarna-warni. Cucul-mucul yang bermacam bentuk dan rupa serta beraneka warna cukup untuk menghilangkan kerisauan atau kehibaan seseorang yang sering diterima dengan pelbagai masalah.

Walau bagaimanapun memori Mak Timah memang susah untuk ditutup pada saat-saat begini. Setiap satu letupan kedengaran ... degupan jantungnya akan mulai kenang, begitu juga setiap kerlipan deraihan bunga api, darahnya terasa menyerap sejuk seluruh badannya. Bola matanya begitu liar memandang keliling, walau sudah puluhan tahun masa itu berlalu, tapi semua itu seperti sekarang berada di kelilingnya. Itulah ingatan orang tua bernama Mak Timah. Zaman perang, jangan dibuat main. Kata orang tua-tua 'rasakan masuk babalik ke dalam parut mama'.

Entah mengapa naluri Mak Timah malam itu seolah-olah menunggu atau menanti sesuatu yang akan berlaku. Seram sejuk badannya ketika itu menguatkan lagi seolah-olah ada sesuatu kejadian yang akan berlaku. Mulut Mak Timah kumat-kamit membaca ayat-ayat suci, minta hindarkan sesuatu yang buruk berlaku pada malam itu. 'Barang dijauhkan palis'.

Orang tua seperti Mak Timah bukan calang-calang, dia juga boleh dikatakan masih mewakili zamannya. Dia tidak teroda atau tergoa oleh larian pelbagai rentak dan warna-warni zaman internet gila ini. Apa yang dirasakannya adalah firasat.

Mak Timah semakin

gelisah, malah kegelisahannya itu tidak disedari oleh orang ramai, yang masing-masing sudah khayal dengan letupan dan hamparan bunga-bunga api yang berwarna-warni seolah-olah memukau manusia di malam itu.

Cuaca malam itu amat mengizinkan, tidak ada petanda hujan atau ribut akan berlaku. Langit putih cerah bersih, cuma sedikit dicemari dengan awan-awan hitam yang bertompok-tompok di sana sini. Bulan separuh bogel yang seolah-olah malu dan cepat hendak bersembunyi ataupun tidak ingin menyaksikan apa yang akan terjadi malam itu.

Tiba-tiba kecerahan dan kejernihan langit ketika itu cepat berubah warna. Tidak ada lagi putihnya langit, tidak nampak lagi cerahnya awan. Tompok-tompok kecil hitam yang mendakap di dada langit juga kini bertukar menjadi asap berwarna kelabu sekali gus bertukar menjadi tabir pelindung untuk menutup keindahan angkasa yang tadinya cerah dan bersih.

Riuh-rendah sudah tidak dapat dibendung. Dalam keseronokan dan kelekaan manusia menikmati keindahan maya ciptaan manusia itu, di satu tempat api tengah bermaharajalela, memamah dan menjilat dengan rakus dan ganas satu-satunya kampung yang terindah dan menjadi kebanggaan negara. Kampung Ayer telah diperkosa oleh kawan semasa kecilnya, tapi malangnya sudah besar menjadi perosak dan musuh nombor satu terhadap keindahan alam semula jadi. Apakah ini takdir atau kelalaian manusia itu sendiri ...?

Teka-teki yang bermain di kepala Mak Timah yang selama ini mengganggu gugat ketenangannya kini menjadi satu kenyataan. Dengan sekejap mata saja api menyapu bersih rumah-rumah yang berdekatan, andainya tidak terkawal maka akan lenyaplah rumah-rumah dan keindahan Kampung Ayer yang selama ini menjadi tarikan para pelancong.

Pagi yang selalu indah dimandi oleh sinaran matahari kini menjadi suram. Kepulan asap kelabu yang masih melekat pada tunggul-tunggul kayu yang sudah ranap, menari lembut ditiup bayu yang segar. Tapi bagi penghuni-penghuni yang malang cuma dapat menyungkil-nyungkil serpihan timbunan kayu-kayu yang sudah menjadi arang untuk mencari sesuatu. Apa yang mereka cari ...!

Perjalanan hidup mereka semestinya sudah kabur. Mereka cuma punya semangat untuk hidup dan bergerak. Kerana itu mereka tidak mengerti apa yang mereka cari. Cuma seolah-olah mereka mencari tempat untuk berteduh pagi itu hingga ke petang dan seterusnya ke hari-hari yang mendatang. Apa yang dikuis-kuis dan diselongkar mereka tidak siapa yang tahu dan mengerti, hanya Allah Yang Maha Mengetahui.

MAK Timah masih tidak dapat melupakan masam masin, pahit manis yang ditinggalkan si Jepun dulu. Ketika itu dia bersama suami dan anak-anaknya yang seramai enam orang itu terpaksa menyelam di sebuah anak sungai untuk menyelamatkan diri, apabila terdengar bunyi jet pejuang yang terbang rendah seolah-olah dapat dicapai dengan tangan. Jika tidak begitu ... imbalannya pasti mati. Ada juga kawan-kawan Mak Timah yang meraung kerana anak-anak yang dibawa menyelam tidak bernafas lagi. Ini adalah satu sejarah hitam dalam hidup Mak Timah dan seluruh manusia di zaman perang dulu.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop menyaksikan barangan yang dijual semasa Jualan Amal Tabung Mangsa Bencana Tsunami.

Jualan Amal Tabung Mangsa Bencana Tsunami

KUALA BELAIT, 26 Februari. - Pelbagai usaha positif dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi Tabung Mangsa Bencana Tsunami Peringkat Daerah Belait bagi mengutip lebih banyak pendapatan untuk tabung berkenaan.

Sehubungan itu Jualan Amal selama lebih dua minggu diadakan di Dewan Bandaran dengan majlis pelancarannya dilakukan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Hj. Omarali

Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar.

Kira-kira 27 petak gerai disewakan kepada pengusaha kecil dan sederhana (SME) dengan harga setiap petak \$50.00 dan \$200.00 yang menjual pelbagai jenis barangan termasuk alat perhiasan kanak-kanak dan wanita, perhiasan rumah, makanan kering

seperti biskut, keropok dan produk kesihatan dan kecantikan yang kebanyakannya didatangkan dari negara ASEAN dengan harga yang berpatutan. Juga dijual ialah barangan terpakai seperti pakaian kanak-kanak dan orang dewasa.

Sementara di luar ruang dewan menempatkan gerai

makan yang menjual beraneka jenis makanan dan minuman ringan serta makanan panggang dan salai untuk dibawa pulang. Juga ditempatkan di situ jualan bunga-bunga hidup seperti orkid, kaktus, bunga kertas dan lain-lain lagi. Jualan Amal dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam. Hasil bayaran sewa petak tersebut akan didermakan sepenuhnya kepada tabung berkenaan.

Muhammad Adli dan Madihah rangkul juara

KUALA BELAIT, 26 Februari. - Muhammad Adli bin Alias dan Madihah binti Haji Mohd. Naim masing-masing menyangkal juara di Peraduan Azan Subuh dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim Peringkat Akhir Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan dan Bukan Kerajaan Daerah Belait Ke-17.

Muhammad Adli dari Sekolah Rendah Kuala Belait menewaskan tujuh peserta lain dalam Peraduan Azan Subuh, manakala naib johan disandang oleh Md. Izzuddin bin Haji Ramlee dari Sekolah Saint Michael, Seria dan di tempat ketiga, Muhammad Abu Hurairah Ariffin dari Sekolah Rendah Merangkap. Peraduan itu diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya (PSJ) Pengiran Abdul Momin di sini.

Sementara itu Madihah dari Sekolah Rendah Sungai Liang juga menewaskan tujuh peserta lain dalam Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Lazim, manakala naib johan disandang oleh Siti Hafizah Al-Haziqah Ariffin dari Sekolah Rendah Merangkap dan di tempat ketiga, Siti Nurasyiqin Afendi dari Sekolah Rendah Sungai Tali.

Tetamu kehormat, Ketua Unit Rohani, Jabatan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ismail bin Haji Arshad menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Terdahulu sebelum itu beliau menyampaikan ucapan bahawa berkumandang azan di udara di antara syiar terpenting bagi masyarakat dan negara Islam sebagai bukti Islam mempunyai tempat yang tinggi lagi mulia dan agama yang diroddai Allah serta mempunyai peranan dalam kehidupan hamba-Nya.

Tambahnya lagi, azan merupakan ucapan yang mengumpul kesimpulannya iman dan melengkapi

semua bahagian termasuk urusan akal dan naqal. Dari itu beliau mengingatkan semua umat Islam supaya membudayakan menghafaz Al-Quran dan menjaga ketertibannya serta mengekalkan ayat-ayat suci Al-Quran yang telah dihafaz kerana menjaga hafalan agar berkekalan lebih berat daripada menghafaznya.

Katanya, salah satu keistimewaan Al-Quran diberi pahala bagi yang membacanya dan sebagai ibadah yang paling utama serta mendapat pahala berlipat kali ganda, di samping sebagai pengubat dan penawar hati.

Menurut Guru Besar Sekolah Rendah PSJ Pengiran Abdul Momin, Dayang Hajah Zahrah Abdullah yang juga pengerasi majlis, memandangkan penyertaan sangat menggalakkan, format peraduan dilaksanakan dalam dua peringkat, saringan dan akhir. Seramai 34 peserta bersaing di peringkat saringan tetapi hanya lapan peserta setiap kategori akan mewakili daerah ini ke peringkat negara yang akan diumumkan kemudian.

Dayang Hajah Zahrah menambah, melalui peng-

libatan pelajar dalam kegiatan bercorak keagamaan setentunya bakat dan kebolehan mereka akan dapat diasuh dengan baik dan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

"Ketika di dalam persekolahan inilah murid-murid mesti dididik dengan menanam semangat cintakan Al-Quran serta menjadikan membaca Al-Quran sebagai budaya yang wajib diutamakan," kata beliau.

Beliau menambah, kebolehan menghafaz ayat-ayat suci Al-Quran sesuatu yang perlu dalam kehidupan setiap individu Islam bagi memenuhi kehendak dan keperluan seharian serta juga dalam usaha beramal ibadah agar lebih sempurna.

Peraduan itu disertai 11 buah sekolah rendah kerajaan dan enam buah sekolah bukan kerajaan merupakan sebahagian kegiatan tahunan Jabatan Kokurikulum sejak tahun 1988 yang antara lain bertujuan bagi memupuk, meningkatkan kesedaran dan kefahaman beragama serta mengasuh bakat para peserta, di samping mendukung konsep Melayu Islam Beraja.



AZAN SUBUH BERGEMA ... Seorang peserta semasa mengumandangkan azan di peringkat akhir.



TETAMU kehormat, Ketua Unit Rohani, Jabatan Kokurikulum, Awang Haji Ismail bin Haji Arshad bersama para jemputan menyaksikan Peraduan Azan Subuh dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim Peringkat Akhir Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan dan Bukan Kerajaan Daerah Belait.

Tingkatkan kualiti kerja setiap masa

KUALA BELAIT, 24 Februari. - Penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Shahroni bin Haji Abdul Kahar berkata, hijrah bermakna berubah daripada yang tidak baik kepada yang baik termasuk perbuatan, kelakuan, pelajaran, pekerjaan dan juga beribadat kepada Allah.

Untuk itu sempena menyambut Maal Hijrah beliau meminta setiap pekerja meningkatkan kualiti pekerjaan mereka sebagaimana ajaran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umatnya

agar sentiasa menunjukkan pekerjaan yang berkualiti kerana Allah sangat suka yang sedemikian itu.

Beliau menambah, setiap pekerjaan hendaklah dilakukan dengan sebaiknya kerana ianya merupakan amanah dan ibadat yang dipertanggungjawabkan serta di dunia ini nilai setiap pekerjaan akan menerima ganjaran upah atau gaji setiap bulan, manakala di akhirat pula akan menerima ganjaran pahala mengikut niat dan ketulusan hati pekerja itu.

"Dari itu kita hendaklah

menunaikan tugas dan amanah dengan sebaiknya dengan niat yang ikhlas, itulah menunjukkan golongan orang yang beraamal salih," katanya ketika menyampaikan ceramah di Majlis Sempena Menyambut Maal Hijrah 1426 berlangsung di Rumah Persinggahan Kerajaan di sini.

Lebih 100 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria menghadiri majlis tersebut yang dianjurkan oleh Badan Kebajikan Sukan dan

Sosial jabatan berkenaan dan merupakan aktiviti tahunan meraikan kedatangan tahun baru Hijrah, di samping mengeratkan lagi hubungan antara pegawai dan kakitangannya.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ali bin Mohd. Yusof. Majlis didahului dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran disampaikan oleh seorang kakitangan jabatan itu, Dayang Aisah Timbang.

Jalankan tugas tanpa rasuah

KUALA BELAIT, 28 Februari. - Pegawai Kanan Biro Pencegah Rasuah (BMR), Awang Selamat bin Leman menasihatkan pegawai dan kakitangan kerajaan agar berhati-hati dan tidak terlibat dalam sebarang kegiatan rasuah.

Katanya, tugas mencegah rasuah bukan sahaja ditangani oleh pihak BMR tetapi para pegawai dan

kakitangan kerajaan juga memainkan peranan membasmu rasuah. Beliau berucap demikian ketika menyampaikan taklimat kepada para pegawai dan kakitangan Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria di Rumah Persinggahan Kerajaan di sini.

Menurutnya, pihak BMR telah menerima 14 aduan rasuah di Daerah

Belait tahun lalu berbanding tahun sebelumnya hampir dua kali ganda aduan diterima. Tambahnya, tindakan serius akan diambil terhadap para pegawai kerajaan yang didapati melakukan rasuah.

Juga hadir dalam taklimat itu Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ali bin Haji

Mohd. Yusof. Taklimat tersebut merupakan aktiviti tahunan Jabatan Bandaran sebagai salah satu usaha jabatan tersebut bagi memastikan integriti pegawai dan kakitangan jabatan melaksanakan tugas tanpa adanya unsur rasuah, di samping sebagai langkah untuk menjalankan tugas dengan cara yang lebih sihat.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

RENTETAN 2004 DAN 2005

Masih kurindu
kutangisi perjalanannya
perginya 2004
dengan ribuan kenangan terkumpul
inilah rentetan sejarah menghilang semalam
mewarnai duka dan ceria
menghasilkan ketrampilan anak-anak
manusia di dunia
mengukir corak-corak budaya dan
kejadian keajaiban mereka.

Datang pula 2005
untuk mencipta melodi cinta kasih dan damai
dengan sisipan nada suara-suara intelek
syahdu dengan coretan dan rumusan neraca
keadilan
di atas persada alam edan
menghakimi semua keburukan
penindasan-penindasan kuasa besar
yang belum serik dan muak
kesombongan keangkuhan lawan dan
perang serang menyerang.

Nyahlah
jangan lagi datang kecelakaan kesengsaraan.

Mampirlah, dan
hijrahlah burung merpati lambang membawa
perdamaian sejagat.

Apa guna nama menghancurkan dunia
apa guna kaya salah guna dan riyak
apa guna negara tanpa pembangunannya
apa guna 2005, carilah kemajuan dan
rahsianya
bangun negara
bangun budaya
sedarkan bangsa
bebaskan minda rakyat
jangan terperap, jangan tertinggal
timbang neraca duduk sama rata berdiri
sama tinggi
jangan makan seorang diri
perjuangan belum selesai masih berfungsi lagi
anak bangsa banyak lagi yang lapar.

Saya pejuang bangsa
kepingin membantu negara
jati diri yang berdiri di atas negara merdeka.

Haji Mat Noor Matussin

KEPASTIAN TAKKAN BERUBAH

Ombak menghempas pantai
tempatannya, arahnya tiada berubah
hanya pasir di tepi akan berubah
mengikut haluan air pantai.

Itulah realiti kehidupan
manusia tak akan berubah
dia tetap dia
aku tetap aku
engkau tetap engkau
tapi hati dan perasaannya yang
sering berubah.

Apa kau mahu?
apa kau inginkan
tiada siapa mengerti
tiada siapa tahu
hanya hatimu yang tahu ...

Tapi berubahlah
kasih, sayang, perasaan, cinta
kita terhadap-Nya
tidak ... tidak mungkin pudar
walau bumi ditenggalami air
walau jasad hancur berderai.

TERKAPAR DALAM KELEMASAN

Kurenung air di tasik
tenang tiada gelora
kujenguk awan yang tinggi
terukir ceritanya.

Tapi aku!
kugelisah entah mengapa
dipukul ombak di lautan sana
menitis mutiara jatuh ke pipi
menanti hujan di musim kemarau.

Sinar yang kau pancar kian pudar
hatiku sunyi, sepi tiada berteman
kau pergi menghadap Ilahi.

Mama ...
tika malam menjelang
jiwaku meratung sedih
tiada tempat mengadu kasih
dia leka dengan tugas
hanya aku terkapar dalam kelemahan.

AKU ANAK BRUNEI

Di pagi nan indah
tika embun membasahi bumi
tika lena diulit mimpi
ku tersedar dari mimpi semalam
mimpi yang tak pasti.

Hari ini 23 Februari 2005
hari kemenangan, hari kegembiraan
burung yang derita kehausan
kini terbang bebas di awangan
itu bakti perwira
itu jasa perwira
kini kau dikenang dalam doa.

Walau senyum terukir di bibir
hatiku dipukul sayu
tika ini ku di gunung salju
menambah ilmu dan pengalaman
walau bertutur gaya salju
walau ilmuku, ilmu salju
ku tak lupa tanah tumpah darahku
'aku bangsa Brunei'
'aku rakyat Brunei'
kubangga dan megah kerana aku anak Brunei.

SuRra

TSUNAMI, TAK SEINDAH NAMA

Nama yang menggerunkan
memakan korban
jadi pengajaran
jadi panduan
jadi teladan
jadi ristaan.

Tsunami yang menerkam
Tsunami yang mencengkam
Tsunami yang membungkam.

Pastinya ada hati yang berdarah
luka yang parah
menjadi ristaan sejarah.

Datangnya membawa pelbagai cerita
antara tangis dan senyum tak bermaya
ramai jadi janda dan duda
dan yatim piatu ramai tak terkira.

Tsunami
yang indah pada nama
tapi membawa berita duka
lara nestapa menusuk jiwa.

Apakah ia membawa peringatan kepada
semua?
mengambil iktibar daripadanya
dari masjid yang masih megah berdiri
dari runtuh bangunan
dan rumah-rumah
sampah sarap
dan timbunan manusia
yang tak bernyawa.

Adakah ia pembawa Syurga dan Neraka?
memakan korban yang tidak terkira
membawa khabar gembira kepada syuhada
melambai tangan menuju ke Syurga
atau membawa yang ingkar haluan ke Neraka!

Tsunami
tak seindah nama
makhluk yang menjalankan tugas
mendambakan diri kepada Pencipta.

Adakah ia pemusnah
atau jadi kawan yang memperingatkan
tentang kehebatan Tuhan
yang boleh menggulung apa saja
tak kira rupa dan apa bangsa.

Tsunami
pastinya kau akan dikenang
sampai bila-bila.

ANTARA KASIH DAN LARA TSUNAMI

Biarkan ia ranap
biarkan ia musnah
biarkan rakyat Aceh ditelan Tsunami
asalkan mereka tidak sengsara
mereka sudah cukup derita
biarkan dunia tahu
Aceh sentiasa gelora.

Kenapa kita harus kecewa
dengan Tsunami yang membawa rahmat?
Tsunami adalah sahabat
Tsunami adalah teman
Tsunami adalah utusan Tuhan
membawa berita gembira
membawa para syuhada ke Syurga
menghamban mungkarat ke Neraka.

Biarkan Tsunami menelan mangsa
biarkan Tsunami menggulung apa saja
biarkan Tsunami merata apa yang dia suka.

Tsunami adalah lambang cinta yang parah
Tsunami adalah pembawa obor berdarah.

Pasti akan terbongkar segala rahsia
orang Aceh selama ini derita
orang Aceh selama ini sengsara.

BALADA ANAK KECIL TSUNAMI

Seorang anak kecil
umurnya lima tahun
jalan mundur-mandir
pakaianya comot
tiga hari tidak makan
menunggu papa
supir teksi
tidak pulang-pulang.

Ditanya mamamu di mana?
pergi ke pasar
belum juga pulang
habis kamu mahu ke mana
'entah tak tahu ke mana'.

Matanya kuyu
muka pucat
kaki berkudis.

Rumah di mana?
'ranap pak'.

Besok mahu ke mana?
'entah'
renungannya jauh
dia tetap memandang ke laut
hatinya sepi
luka.

Helmi Halim

SMAS (SEKOLAH MENENGAH AWANG SEMAUN)

SMAS ...
jerih payahku meredah puncak
melawan segala dugaan dan keperitan hidup
kau pernah membimbingku
menyedarkan aku akan kepentingan ilmu
menjadikan aku segagah namamu.

Kini aku ke sini lagi
datang ke pangkuanmu
untuk mencurah bakti
kepada anak bangsa dan negaraku
lantas kutersenyum gembira kesyukuran
dan kau menyambutku dengan harapan.

Hadirku membawa erti kemenangan
kuteemui kembali guru-guru yang pernah
mendidiku
dan aku bersua mesra :
'kejayaanku adalah kejayaan cikgu jua ...'

Husainy

MENJEJAK KE JINJANG PELAMIN

Jodoh takkan ke mana-mana
semuanya ada ditentukan-Nya
meramal dan merancang
urusan harapan kita juangkan
tidak semudah apa diduga
dunia luas tempat bersandar.

Baru terbina istana indah
hidup bahagia terasa ria
setinggi gunung sekampung doa
rasa syukur rahmat Tuhan
turut melimpah kurnia nikmat
jiwa tenang merasa tenteram.

Sampai sudah ke jinjang pelamin
sama-sama menjajakan kaki
rasa berdebar bercampur suka
duduk berdiri sama sepadan
tanda ingatan sejiwa sehati
sampai akhirat kekal abadi.

Najla HB

DARI LEMBAH KE PUNCAK

Pertama kali ku melangkah
dengan tawakal Bismillah
ku tinggalkan bumiku yang indah
kehijauan yang saujana
kicauan burung di angkasa
sungai mengalir tenang
padi menguning emas
kejauhan gunung-ganang
pasir landai putih
pantai yang bersih
laut yang jernih
hati yang kasih.

Dalam benakku wajah ibu
yang lusuh terharu
betapa beratnya sebuah perpisahan
ia merayuku :
'Janganlah pergi, anak
siapa kelak meredah onak
belantara dan belukar hutan
sawah ladang dan bendang
pohonan yang rendah
kebunan yang subur
akan kehilangan wiranya
engkaulah wira itu, anak
wira alam nenek moyang'.

Dalam benakku wajah ayah
yang kental semangatnya
dibenamnya segala duka
diusirnya segala hiba
ia berzikir, berzikir dan berzikir
Lailahailallah
Lailahailallah
Lailahailallah
bersalat dan berdoa
lalu katanya :
'Pergilah anak
pergi harungi ombak
redah laut saujana
daki gunung puncaknya
engkau bakal merubah warna
tinggalkan teratak ini
tinggalkan desa peribumi
sekarang masanya kembara
demi sebuah obor
yang nanti menerangimu
menerangi pertiwimu'.

Maka dengan ghairah melangkah
melewati sempadan melewati daerah
lalu berlabuh di sebuah pulau
bernama temasuk di tasiknya
menghirup air jernih rabbani
di tangan mualim yang berkah
mengukir sahsiah indah
menyemai benih bertuah
membentuk generasi ummah
demikian rahsia penerokaan
bermula dari satu titik
dari satu keyakinan
kembanglah bunga impian
menghiasi sebuah watan
mengisi peradaban.

Ditiup sepoi bayu
terkembanglah layar sampanku
menyusur pesisir waktu
menyeberangi selat
sebuah keazaman terpegang
genggam bara
biar sampai jadi arang
tekad ke mercu memacu kudaku
ke tengah padang pasir
bumi para anbiya
ku temui butiran mutiara
yang sinarnya gemerlapan
wahyu Ilahi warisan Junjungan.

Seruling kafilah merdunya
mempesona kembara yang rindu
lalu kuteguk air
dari telaga Nabi Yusuf
dari bumi Nabi Musa
firasat yang menyelamatkan umat
tongkat yang menyelamatkan umat
sebenarnya bumi ini penyelamat
dari menaranya yang perkasa
menggamit umat di seluruh benua.

Maka aku pun pulang
di senja yang benderang
dengan secebis obor
menerangi jalan berliku
dengan sekuntum bunga
untuk bondaku :
Darussalam.

Pg. Mohammad Abd. Rahman

KEINSAFAN AZALI

Suatu ketika di ruang terbuka
kita sering terleka
asyik dengan tayangan dunia
penuh dengan warna menggoda.

Kita dikelilingi geliat maksiat
yang kekal menggugat nafsu
tanpa genggam insan beriman
tewas pula dengan genggam syaitan.

Sekarang
sebenarnya masih ada lagi sisa waktu
untuk memohon restu Ilahi
untuk membajai pohon diri
membuang keinsafan
mencantas rimbun penyesalan.

Kawan
renungilah dirimu
pakaian apakah terlekat di tubuhmu
dasar apakah terletak di tapak kakimu.

Nanti kalau semuanya telah mati
kita tidak lagi menatap esok hari
hanya menanti dihidupkan kembali
untuk dihitung amalan-amalan sendiri.

Akhirnya kita ditentukan tempatnya
menerima pahala ataupun dosa
dan sekaranglah masanya
mencermin peribadi
menghitung amal tangan kanan dan tangan kiri
masih ada waktu.

Hanirah



ستياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 16 MAC	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.35	INSIDE THE GRAND PRIX	5.45	SPORT	8.00	BERITA NASIONAL
			6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	12.00	SIARAN TAMAT	6.00	BERITA	8.50	DRAMA - 'Menadah Gerimis'
			6.02	TILAWAH AL-QURAN	PETANG	LAGU KEBANGSAAN	6.32	TELEMED	9.30	DI BRUNEI
			6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			6.45	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
			9.00	BERITA			7.00	SINAR	10.30	SUKAN ANTARABANGSA
					MALAM	RANCANGAN HARI INI	7.30	LIPUTAN SEMASA	11.00	COSBY SHOW
							7.41	ECA SR. 2	11.30	MUTANT X SR. 2 - 'Final Judgement'
								AZAN ISYAK	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 17 MAC	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	12.00	SIARAN TAMAT	5.35	THE MOST EXTREME 2	8.00	BERITA NASIONAL
			6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	PETANG	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
			6.02	TILAWAH AL-QURAN			6.32	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
			6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	MALAM	RANCANGAN HARI INI	6.45	FIQHUL MIRATS	10.30	DRAMA - 'Yang Tersohor'
			9.00	BERITA			7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00	WAYANG PILIHAN - 'In Dreams'
			9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan			7.30	WARTA ISLAM	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A - T 18 MAC	PAGI	10.00	RANCANGAN HARI INI	JUMAAT- Siaran Langsung	3.39	AZAN ASAR	MALAM
		10.15	THE LEGEND OF ZORRO	PETANG	3.46	TAYANGAN GAMBAR	7.00 LIPUTAN SEMASA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.50	BEING EVE		CHINA - Sambungan	7.30 SEIMBAS SR. 2
		KEBANGSAAN	11.15	APA INI APA ITU	1.30	SPORT PAGE	7.41 AZAN ISYAK
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.30	BERITA	2.00	STUART LITTLE	8.00 BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	JEJAK RASUL SR. 9 - Ulangan	2.30	THE SEVEN LITTLE MICE	9.00 TABIR SR. 3
	9.00	BERITA	12.15	RETURN OF THE	3.00	BERITA	9.30 HELLO BAKAT - Ulangan
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		EPIDEMIC DISEASE		THE MUSLIM WORLD	10.00 NEWS AT 10
			12.30	SEMBAHYANG FARDU		AZAN MAGHRIB	10.40 KHUTBAH JUMAAT
						CHINA - 'Fascination Amour'	10.55 TELEDRAWA - 'Mawar Suci Dimahligai Syahdu'
					6.45	MUTIARA	12.25 DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 19 MAC	PAGI		10.05	KIDS HOUR - <i>'The Silver Brumby/Li'l Elvis Jones and The Truckstoppers'</i>		<i>'Pencinta Burung'</i>	3.38	AZAN ASAR	MALAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN			12.30	AZAN ZUHUR	4.10	NATURAL HISTORY	7.00	DUNIA ASIA	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.55	MANAGING GLOBAL BUSINESS	PETANG			5.00	KIDS HOUR - <i>'Chucklewood'</i>	7.30	PAN ASIA
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung							<i>'Critters/Supermodel'</i>	7.41	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA	11.20	DRAMA - PICAYAKAH INDA - Ulangan		1.00	PANGGUNG PETANG			8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30	BERITA	2.25	SABTU - <i>'Rescue Me'</i>	5.45	BERITA	8.50	HIBURAN - Bakat	
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.05	DOKUMENTARI -	2.50	BELIA KITA - Ulangan	6.10	LATITUDES	10.00	NEWS AT 10	
				3.15	ODD SPORT	6.32	AZAN MAGHRIB	10.30	TAYANGAN GAMBAR - <i>'Final Run'</i>		
					ANDROMEDA	6.45	PEDOMAN AKIDAH	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT		

A H A D 20 MAC	PAGI										
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.00	'Rocket Kidz/Time Blazers'	1.45	Preview	4.55	KAUNSELING		MALAM	
		KEBANGSAAN	11.15	SUNDAY MATINEE -		ENGLISH PREMIER		MASYARAKAT	7.00	DOKUMENTARI	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		'Loser'		LEAGUE 2004/2005 -	5.05	ANIMATION -	7.41	AZAN ISYAK	
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.30	BERITA	2.40	Highlight		'Sleeping Beauty'	8.00	BERITA NASIONAL	
		Siaran Langsung	11.45	SUNDAY MATINEE -	3.15	JUARA - Siaran Langsung	5.35	WHAT DO YOU THINK	8.50	TIRAI KELUARGA -	
	9.00	BERITA		Sambungan		RIPLEY'S BELIEVE IT OR		ABOUT THAT?		'Puteri Gunung Banang'	
	9.15	RAMPAI PAGI -	12.32	AZAN ZUHUR	3.38	NOT	5.45	BERITA	10.00	NEWS AT 10	
		Sambungan			4.05	AZAN ASAR	6.10	NERVES OF STEEL	10.30	TIRAI KELUARGA -	
		PETANG			PERTUKARAN	6.33	AZAN MAGHRIB		Sambungan		
	10.00	RANCANGAN HARI INI			RANCANGAN MOU	6.45	PENGAJARAN DARI	10.50	GUARDIAN		
	10.05	ANIMATION HOUR -	1.15	ENGLISH PREMIER		RTB/STV12 -		AL-QURAN	11.40	DOA DAN SIARAN TAMAT	
				LEAGUE 2004/2005 -		'Semarak Budaya'					

ISNIN 21 MAC	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.15	SPORT PAGE	7.40	AZAN ISYAK
			6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	PETANG	TILAWAH AL-QURAN	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
			6.02	TILAWAH AL-QURAN			5.55	ANIMALIA	8.50	DRAMA - 'Woksyop'
			6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	MALAM	RANCANGAN HARI INI	6.31	AZAN MAGHRIB	9.30	INFO SIHAT
			9.00	BERITA			6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.00	NEWS AT 10
			9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan			7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	SUKAN GLOBAL
					MALAM	ANIMATION - 'Nanook's Great Hunt/Harold And The Purple Crayon'	7.30	ORANGE ROOM SR. 2	11.30	DOKUMENTARI
									12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 22 MAC	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.45	AL ISLAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.15	RANCANGAN HARI INI	MALAM		9.15	'Belia Aset Negara' E2K - 'Koperasi
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	SAJIAN ORIENTAL - Ulangan	4.20	KIDS HOUR - 'Toy Toons/Simon And The Land Of Chalk Drawing'	7.00	DRAMA - 'Kerisik Di Mata' - Ulangan		Perniagaan dan Perusahaan Melayu Setia'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	4.45	SEA HUNTERS	7.30	DOKUMENTARI - 'Menara Implan'	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.44	AZAN ISYAK	10.30	WORST CASE
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		5.55	TALK SHOW	8.00	BERITA NASIONAL	11.20	SCENARIO
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.31	AZAN MAGHRIB	8.50	BELIA KITA -	12.10	DARK SKIES SR. 1
										DOA DAN SIARAN TAMAT

RUANGAN Menyusur Mukim dan Kampung (MMK) kali ini berpeluang menyusuri salah sebuah kampung di pedalaman Daerah Tutong iaitu Kampung Belabau. Perkataan Belabau berasal dari perkataan 'labau' iaitu nama sejenis pokok. Manakala ada juga pendapat mengatakan ia berasal dari nama seorang penduduk awal di sana iaitu 'Labau'. Orang ini juga sering menggunakan salah satu cabang dari ulu Sungai Tutong (anak sungai) di kawasan pedalaman ini sehingga sungai berkenaan juga dinamakan 'Sungai Belabau' mengambil sempena nama penduduk berkenaan.

Demikian dijelaskan oleh Awang Haji Md. Azley bin Haji Aliuddin selaku wakil Ketua Kampung Belabau ketika diminta menceritakan mengenai asal usul nama Belabau itu. Namun itu katanya cuma cerita lisan yang dituturkan oleh orang tua-tua mereka.

Jalan penghubung utama ke kampung ini ialah melalui Sungai Tutong. Kalau mudik dari Pekan Tutong perjalanan akan mengambil masa sehari sewaktu air pasang dan sehari semalam pada waktu air surut. Tetapi agak cepat kalau hilir dari Belabau ke Pekan Tutong. Jangan hairan, ini memang lumrah perjalanan melalui sungai terutamanya dari kawasan pedalaman.

Jawapan sebenar kepada perbezaan masa hilir dan mudik itu tentunya tergantung kepada rintangan-rintangan yang perlu dihadapi. Kalau mahu ke hilir (umpamanya ke Pekan Tutong) agak lancar kerana dibawa arus air. Sebaliknya kalau mudik ke hulu rintangannya banyak melawan arus air tentunya memerlukan kekuatan tenaga lebih-lebih lagi kalau berkayuh; terpaksa berhati-hati dengan batang-batang kayu yang hanyut - silap sedikit perahu boleh pecah atau setidaknya tidaknya perahu terbalik, sudahlah begitu keselamatan juga boleh terancam oleh sang buaya yang menghuni sungai tersebut.

Masalah tersebut semakin berkurangan dengan adanya jalan raya yang menghubungkan Mukim Lamunin dengan Kampung Benutan yang berjarak dengan Belabau. Menggunakan laluan sungai dari Kampung Benutan ke Kampung Belabau hanya memakan masa satu jam. Jadi, pangkalan utama bagi penduduk Belabau untuk menuju ke destinasi-destinasi lain ialah di Kampung Benutan kerana dari sini mereka sudah boleh menggunakan kereta.

JALAN DARAT

Kalau menggunakan jalan darat juga boleh, berjalan kaki bermula dari hujung jalan di Kampung Benutan sejauh 16 km merentasi hutan rimba dan bukit-bukau kerana belum ada jalan yang dibina ke kampung ini. Pada waktu air tohor sama ada kerana waktu surut atau musim kemarau perjalanan ini merupakan satu-satunya pilihan penduduk di sini.

Sebenarnya jalan darat dan jalan sungai tidak banyak bezanya; kedua-duanya sukar dan payah. Kalau di sungai terpaksa bertarung dengan halangan-halangnya seperti yang disebutkan di atas tadi, di darat juga apa kurangnya. Disebut sahaja beruang, harimau, ular dan seumpamanya sudah cukup untuk menakutkan. Mereka ini musuh perjalanan di darat. Namun pepatah ada mengatakan 'alah bisa tegal biasa'. Justeru bagi warga Belabau semua itu bukan halangan tetapi adalah kehidupan yang terpaksa ditempuhi.

Tetapi saya dan rakan jurugambar dari Jabatan Penerangan bersama rombongan beberapa orang Pegawai Perubatan tidak menggunakan kedua-dua jalan yang sukar itu. Kami sangat beruntung kerana dapat

menyusuri Kampung Belabau melalui udara dengan pesawat helikopter Tentera Udara Diraja Brunei yang cuma memakan masa 20 minit dari Bandar Seri Begawan.

Menunduki Kampung Belabau dari udara terasa rawan di hati - bukan kerana 'ijap', tetapi melihat ia cuma 'setumpuk' dan terpencil di tengah-tengah kehijauan hutan belantara Tropika. Timbul persoalan mengapa mereka bertahan tinggal di sini? Bagaimana pula dengan 'jelama'nya, nanti sudah turun kita akan ceritakan sikit mengenainya.

MISI PERUBATAN

Sebaik-baik saja helikopter mendarat di kawasan lapang Sekolah Rendah Belabau kami dialu-alukan oleh wakil Ketua Kampung dan anak-anak buahnya. Kami disambut dengan ramah dan mesra, mereka yang kelihatan riang memang sudah menunggu kedatangan kami terutamanya rombongan perubatan yang dalam misi berjadual ke kampung ini untuk memberikan perkhidmatan perubatan dan pemantauan kesihatan penduduk di sini.

Kehadiran pesawat helikopter bukanlah suatu yang baru bagi penduduk di sini, mereka sering menerima pelawat seperti ini bukan sahaja dari Pegawai-pegawai Perubatan malahan juga agensi-agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang lain dengan hajat dan tujuan mereka masing-masing. Apa hajat dan tujuan mereka itu? Juga akan kita sentuh kemudian.

Pegawai-pegawai Perubatan yang terdiri dari dua orang doktor, seorang doktor gigi, seorang doktor perubatan dan empat orang pembantu mereka masing-masing bergegas menuju

BELABAU: JAUH DI MATA DEKAT DI HATI

OLEH
HAJI TIMBANG BAKAR

tempat operasi mereka yang lazim di bangunan sekolah tersebut bagi pemeriksaan gigi murid-murid sekolah berkenaan. Sementara kumpulan doktor perubatan menuju ke Dewan Serba Guna berdekatan sekolah di mana penduduk kampung sudah berkumpul untuk menerima rawatan. Inilah hajat dan tujuan mereka ke Belabau - memeduli dan mengalinga keperluan Perubatan dan kesihatan rakyat di sini. Pegawai-pegawai Perubatan ini nampaknya begitu mesra melayan pesakitnya, demikian juga penduduk di sini kelihatan akrab dengan mereka. Gambaran ini membuktikan bahawa mereka sudah kenal di antara satu sama lain kerana sering bertemu di sini.

MENUNAIKAN HAJAT

Di tengah-tengah kesibukan Pegawai-pegawai Perubatan itu menunaikan hajat mereka, kami berdua selaku orang media juga mulai menjalankan misi kami iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'. Selepas membahagi-bahagikan akhbar PELITA BRUNEI, poster-poster dan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan yang kami bawa kepada penduduk di dewan berkenaan, saya terus mendekati Awang Haji Md. Azley bin Haji Aliuddin selaku wakil Ketua Kampung yang juga Imam di kampung berkenaan. Beliau memang penduduk asal Kampung Belabau yang sebelum ini pernah berkhidmat sebagai anggota Polis Diraja Brunei berpangkat Kopral.

Setelah berkhidmat 15 tahun, beliau bersara dari perkhidmatan Polis dan kembali ke Belabau untuk berbakti kepada masyarakat kampung kesayangannya itu. Katanya, beliau sangat prihatin terhadap masya-

rakatnya yang memerlukan pimpinan dan bimbingan terutamanya dalam kehidupan sebagai orang-orang Islam.

Dalam masa yang sama rakan saya sibuk dengan kameranya menangkap imej-imej yang boleh memberi maklumat dan gambaran sebenar mengenai Belabau.

Warga Kampung Belabau terdiri dari puak Iban, tetapi hampir kesemuanya sudah memeluk Islam. Mereka mula membuat penempatan di kampung tersebut pada awal tahun 40-an sebagai mengakhiri kehidupan nomad mereka yang sebelum ini berpindah-randah dari satu tempat ke tempat lain. Penduduknya semakin bertambah sehingga mencapai lebih 200 orang pada tahun 1970 yang menempati deretan rumah panjang, rumah tradisi puak Iban terletak di pinggir hulu Sungai Tutong. Lazimnya pertambahan penduduk di suatu tempat itu akan terus berkembang dari tahun ke setahun, tetapi yang berlaku sebaliknya di Belabau. Dari keramaian 200 orang kini hanya tinggal 20 orang sahaja! Kenapa?

PENGHIJRAHAN

Awang Haji Md. Azley menjelaskan: "Ada tiga faktor utama yang menyebabkan Kampung Belabau hampir kehilangan penduduknya. Pertama faktor pekerjaan. Ramai penduduk di sini mendapatkan pekerjaan di bandar-bandar, kerana di sini yang ada hanyalah pekerjaan tradisi kehidupan kampung seperti bertanam padi, berkebun dan berburu binatang. Mereka ini juga membawa keluarga mereka berhijrah ke bandar atau di tempat-tempat lain di mana mereka bekerja. Faktor kedua ialah pendidikan. Selepas menamatkan pendidikan rendah di kampung ini sudah tentu anak-anak kami meneruskan persekolahan mereka di sekolah menengah di Pekan Tutong dan di Bandar Seri Begawan. Mereka terpaksa tinggal di asrama dan setelah tamat pengajian terus bekerja di bandar. Ketiga ialah faktor perkahwinan. Mereka yang berkahwin dengan orang luar kampung ini i-zimnya akan mengikut pasangan mereka."

Ketika diminta mengulas mengenai perkara ini, beliau tidak menyalahkan mereka kerana masing-masing punya pilihan untuk mencari kehidupan yang lebih baik sesuai dengan tuntutan kemajuan dan pembangunan negara.

"Akibat dari penghijrahan penduduk itu yang tinggal hanyalah mereka ini,



WAKIL Ketua Kampung Belabau yang juga Imam kampung berkenaan Awang Haji Md. Azley menceritakan mengenai asal usul nama Belabau. - Gambar oleh Haji Ariffin Haji Mohd Noor.

orang-orang tua dan beberapa orang kanak-kanak," (sambil tangannya menunjuk ke arah mereka yang sedang berkumpul di dewan itu).

'Jauh di mata dekat di hati'. Demikianlah juga dengan Belabau, walaupun terpencil jauh di pedalaman tapi tidak pernah terabai oleh agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap hal-ehwal kebajikan rakyat. Walau bagaimana sukar dan sulitnya untuk sampai ke Belabau, namun projek-projek pembangunan untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat turut mereka nikmati.

Sekolah Rendah Belabau merupakan satu-satunya wadah pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Bangunan sekolah ini mula dibina pada tahun 1945 dengan bahan binaannya dari kayu, nibung dan atap daun. Bangunan tersebut sudah empat kali diperbaiki dan diubah suai sehingga seperti yang ada sekarang yang menyediakan pendidikan dari darjah pra hingga ke darjah 6.

Sesuai dengan penduduknya yang sedikit, keramaian muridnya juga sedikit iaitu hanya empat orang darjah 3, darjah 4 dan darjah 6 masing-masing seorang. Darjah 1, 2 dan 5 tidak ada. Empat orang murid dididik oleh empat orang guru termasuk seorang guru besar. Pelajaran agama juga diadakan di bawah didikan tiga orang guru agama, dua daripadanya anak tempatan Belabau sendiri. Di samping pelajaran biasa, sekolah ini juga tidak ketinggalan menikmati pelajaran komputer. Berdekatan bangunan sekolah rumah-rumah guru juga disediakan.

Berhubung keramaian murid, Awang Haji Md. Azley melahirkan kebimbangannya kerana pada tahun hadapan tidak ada murid untuk darjah pra dan juga

tidak ada pertambahan bagi kelas-kelas lain.

KEMUDAHAN

Kampung ini juga mempunyai sebuah surau yang dibina pada tahun 1997 bagi menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti Kelas Agama, Al-Quran dan sambutan-sambutan hari-hari kebesaran Islam. Walau bagaimanapun untuk menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat penduduk di sini terpaksa ke Masjid Benutan kerana jemaah di sini tidak mencukupi. Penduduk di sini walaupun terdiri dari muallaf tetapi mereka taat menunaikan tanggungjawab sebagai orang-orang Islam.

Kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di kampung ini termasuklah dewan serba guna dan dewan untuk sukan dan riadah. Bekalan elektrik juga disediakan dengan menggunakan generator. Di samping bekalan elektrik, perkhidmatan telefon ke rumah-rumah penduduk juga sudah beroperasi sejak beberapa tahun yang menggunakan tenaga solar. Manakala bekalan air bersih diperolehi dari sungai yang diproses melalui sistem penapisan moden. Mutu kebersihan air tersebut diakui oleh pakar kesihatan yang pernah melawat ke sana, kata Awang Haji Md. Azley.

Penduduk di sini tidak lagi tinggal di rumah panjang sebaliknya sudah mempunyai rumah berasingan yang lebih baik yang disumbangkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB). Beberapa orang penduduk yang ditemui masing-masing menyatakan rasa beruntung dan berterima kasih kerana mendapat perhatian dari YSHHB.

Kami tidak dapat maklumat lanjut mengenai perkembangan sekolah berke-

naan kerana sewaktu misi kami ke Belabau guru besar tidak ada di sekolah kerana terkandas oleh banjir setelah balik bercuti. Belabau hampir setiap tahun dilanda banjir. Bangunan sekolah ini sendiri digenangi air setinggi satu meter dalam banjir yang baru saja surut sebelum kedatangan kami ke sana.

Ditanya mengenai pekerjaan penduduk yang ada, Awang Haji Md. Azley berkata, mereka bertanam padi, bercucuk tanam sayur-sayuran dan buah-buahan untuk keperluan sendiri, berburu binatang seperti rusa, kijang, pelanduk dan menangkap ikan air tawar.

"Di sini agak sukar untuk mengusahakan pertanian secara besar-besaran kerana masalah serangan binatang-binatang buas seperti babi, beruang dan monyet tidak dapat diatasi. Tanaman luba (umbut) merupakan satu-satunya hasil yang dapat dijual kerana jenis tanaman ini tahan lasak dari serangan musuh tanaman," jelas wakil Ketua Kampung itu lagi.

PEMEDULIAN

Berasaskan kepada kemudahan-kemudahan yang disebutkan di atas tadi, adalah jelas Kampung Belabau mendapat pemedulian oleh kerajaan dan YSHHB. Pemedulian itu bukan sekadar menyediakan kemudahan-kemudahan berkenaan tetapi juga pemeliharaan dan pemantauan. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Daerah, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kesihatan, Pusat Dawah Islamiyah, Kementerian Pendidikan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan lain-lain agensi kerajaan sering mengadakan lawatan ke kampung ini.



SEKOLAH Rendah Belabau adalah salah satu kemudahan yang dibina oleh kerajaan di Kampung Belabau. - Gambar oleh Haji Ariffin Haji Mohd Noor.

LAWATAN KERJA DPMM KE MUKIM AMO, TEMBURON

Liputan Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh
Harun Haji Rashid dan
Ramli Tengah

PERSEMBAHAN silat dan kunta oleh Leo anak Gayam sebagai persembahan tradisi puak Iban bagi menjunjung tetamu istimewa sempena keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia beramah mesra bersama penghuni Rumah Panjang Kampong Sibut (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Rumah Bantuan Majlis Ugama Islam Brunei bagi saudara-saudara baru dan berkenan singgah ke kediaman keluarga Dayang Hasnah binti Abdullah (kanan).

TERTARIK ... Duli Yang Teramat Mulia disebarkan taklimat ringkas mengenai perjalanan aktiviti yang dikendalikan di Pusat Logistik Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) (bawah kanan).



DULI Yang Teramat Mulia melihat sekumpulan kanak-kanak berenang di sungai berhampiran Rumah Panjang Kampong Sibut.

DULI Yang Teramat Mulia berkenan singgah ke rumah bantuan Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam (MUIB) di Quarry, tempat ini merupakan satu sumber air utama Daerah Temburong (bawah kanan).

TAMAN Peranginan Trendie yang menjadi usaha-usaha anak tempatan dalam mendukung industri ekopelancongan tempatan juga menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia ketika meninjau di taman berkenaan (atas).

DULI Yang Teramat Mulia singgah di rumah Ketua Rumah Panjang Kampong Sibut, Awang Jamat Malong (kanan).

MURID-MURID Sekolah Rendah Selangan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia sempena keberangkatan lawatan ke sekolah berkenaan (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia ketika melintasi jambatan penyeberangi sungai di OBBD.

DULI Yang Teramat Mulia menyaksikan secara bilik darjah dan kemudahan di Sekolah Rendah Selangan sambil disebarkan penerangan mengenai pembangunan dan pencapaian sekolah (kiri).





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah meninjau secara dekat usaha niaga dan kegiatan yang dikendalikan oleh Syarikat Koperasi Kampung Amo (atas kiri), sementara gambar atas kanan, Pusat Jati Diri yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bermisikan untuk membentuk peribadi rakyat Brunei khususnya para belia melalui latihan pengalaman untuk meningkatkan dan memupuk kepintaran, kesedaran, disiplin, sifat berdikari, bertanggungjawab, tekad untuk berjaya, kepimpinan dan keupayaan untuk bekerja secara berpasukan supaya mereka boleh menyumbang sepenuhnya kepada pembangunan negara juga menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia.



PENDUDUK Mukim Amo menunjukkan kemahiran membuat kuih tradisi (atas kanan).

DULI Yang Teramat Mulia seterusnya berangkat ke Masjid Kampong Selangan bagi menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia begitu tertarik menyaksikan aktiviti-aktiviti anggota Tentera Darat Diraja Brunei yang membuat demonstrasi 'jungle survival' (bawah kiri).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan mendengar sembah taklimat mengenai kawalan jerebu yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi di Daerah Temburong (bawah kanan).





**JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**TAWARAN KANTIN IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
JALAN MENTERI BESAR, BB 3910,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. TAWARAN-TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei di Kementerian Kewangan, Simpang 259, Kementerian Kewangan tidak lewat dari jam 2.00 petang **Isnin, 21 Mac 2005** kerana menguruskan kantin Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran adalah dipelawa untuk menyewa Kantin Ibu pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, bagi rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang bermastautin Daerah Brunei Dan Muara.
3. Pengalaman-Pengalaman dalam mengurus kantin/restoran jika ada hendaklah disertakan.
4. Penyewa/Pengurus kantin mestilah beragama Islam termasuklah tukang masak dan barang-barang makan dan minuman yang dijual di kantin mestilah HALAL dari segi hukum syara.
5. Sebelum membuat tawaran, contoh perjanjian penyewaan berkenaan bolehlah didapati di Bahagian Logistik Tingkat 2, Ibu Pejabat Kastam, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam semasa waktu Pejabat.
6. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Names Act) Bab-bab 16 & 17 hendaklah disertakan.
7. Wang Cagaran tawaran adalah dikehendaki dibayar dengan wang tunai sebanyak \$200.00 (Ringgit: Dua Ratus Ringgit Sahaja) pada setiap tawaran dan bagi tawaran yang berjaya wang cagaran tidak akan dikembalikan. Waktu menerima wang cagaran adalah seperti berikut:-
 Hari Isnin hingga Khamis : 8.00 hingga 11.30 tengah hari,
 : 1.30 petang - 3.30 petang
 Hari Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.30 pagi
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis diluarnya "TAWARAN KANTIN DI JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, JALAN MENTERI BESAR, BB 3910 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM," tanpa membubuh nama syarikat di luar sampul surat.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Negara, Kementerian Kewangan di kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **Isnin, 21 Mac 2005** jam 2.00 petang.
10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
11. Borang Tawaran boleh didapati di Bahagian Logistik, Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam BB 3910.
12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.

... JUALAN JELONG ...



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

BUTIR-BUTIR BENDA	TEMPAT JELONG	TARIKH/MASA
NISSAN LAUREL 2.4GL	Kawasan Letak Kereta, Kementerian Pembangunan	Hari Sabtu, 2 April 2005 jam 9.00 pagi
MITSUBISHI PAJERO		

Syarat-Syarat Jelong adalah seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli itu tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut;
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan;
3. Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindah dari kawasan perolehan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perolehan ini akan dibatalkan dan akan dilelong semula.
4. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar deposit sebanyak 20% daripada harga membeli semasa jualan lelong dijalankan.



**UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN
JABATAN KESELAMATAN
DALAM NEGERI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran: JKDN/UTP/2/2005

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutarga, Unit Tahanan dan Pemulihan Jerudong, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri tidak lewat dari hari **Rabu, 6 April 2005** jam 2.00 petang bagi membekalkan Pakaian Seragam Pegawai dan Kakitangan Unit Tahanan dan Pemulihan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri.
2. Tawaran ini adalah bagi tempoh selama dua (2) tahun mulai 1 Julai 2005 hingga 30 Jun 2007 dan keterangan lanjut mengenai dengan butir-butir (specifications) bagi perkara-perkara tersebut di atas boleh diperolehi dari Unit Tahanan dan Pemulihan Jerudong, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri pada waktu-waktu bekerja.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan "TAWARAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI DAN KAKITANGAN UNIT TAHANAN DAN PEMULIHAN JERUDONG, JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI, JABATAN PERDANA MENTERI" tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Setiap tawaran hendaklah ada menyatakan dan menyertakan:-
 i) Harga tawaran.
 ii) Jenis kain mesti disertakan (seperti contoh disertakan)
 iii) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Lesen Perniagaan yang diakui sah mestilah disertakan.



**POLIS MARIN
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JUALAN JELONG SEJUMLAH 35 BUAH
TRAILER-TRAILER TERPAKAI**

DIMAKLUMKAN bahawa Jualan Lelong Trailer-trailer yang terpakai akan diadakan pada hari **Khamis, 24 Mac 2005** jam 9.00 pagi bertempat di Pengkalan Polis Marin, Muara Negara Brunei Darussalam.

Lelong ini mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar "deposit" sebanyak 20 % daripada harga membeli atau \$ 50.00 bayaran minima semasa jualan lelong dijalankan. Jika gagal membuat pembayaran tersebut, jualan yang ditawarkan akan dibatalkan. Untuk menjelaskan bayaran sepenuhnya bagi baki pembayaran mestilah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah dibeli, jika tidak dipindah dari tempat tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong ini, akan dirampas balik dan akan dilelong semula.

Berikut disenaraikan sejumlah 35 buah Trailer yang akan dilelong beserta dengan bilangan rujukan pemeriksaan teknikal, bilangan pendaftaran, jenis dan harga mula dilelong.

1. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 1-GALVANISE-\$25.00; 2. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 2-GALVANISE-\$25.00; 3. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 3-GALVANISE-\$25.00; 4. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 4-GALVANISE-\$25.00; 5. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 5-GALVANISE-\$25.00; 6. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 6-GALVANISE-\$25.00; 7. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 7-GALVANISE-\$25.00; 8. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 8-GALVANISE-\$25.00; 9. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 9-GALVANISE-\$25.00; 10. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 10-GALVANISE-\$25.00; 11. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 11-GALVANISE-\$25.00; 12. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 12-GALVANISE-\$25.00; 13. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 13-GALVANISE-\$25.00; 14. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 14-GALVANISE-\$25.00; 15. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 15-GALVANISE-\$25.00; 16. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 16-GALVANISE-\$25.00; 17. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 17-GALVANISE-\$25.00; 18. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 18-GALVANISE-\$25.00; 19. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 19-GALVANISE-\$25.00; 20. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 20-GALVANISE-\$25.00; 21. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 21-GALVANISE-\$25.00; 22. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 22-GALVANISE-\$25.00; 23. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 23-GALVANISE-\$25.00; 24. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 24-GALVANISE-\$25.00; 25. 250/PWD/SME/2004/B-TIR 25-GALVANISE-\$25.00; 26. 251/PWD/SME/2004/B-TIR 26-BESI-\$5.00; 27. 251/PWD/SME/2004/B-TIR 27-BESI-\$5.00; 28. 251/PWD/SME/2004/B-TIR 28-BESI-\$5.00; 29. 251/PWD/SME/2004/B-TIR 29-BESI-\$5.00; 30. 251/PWD/SME/2004/B-TIR 30-GALVANISE-\$25.00; 31. 251/PWD/SME/2004/B-TIR 31-BESI-\$5.00; 32. 251/PWD/SME/2004/B-TIR 32-BESI-\$5.00; 33. 251/PWD/SME/2004/B-TIR 33-BESI-\$5.00; 34. 251/PWD/SME/2004/B-TIR 34-BESI-\$5.00; 35. 251/PWD/SME/2004/B-TIR 35-BESI-\$5.00.

- iv) Pengubahan harga tawaran dengan menggunakan 'blanco' adalah tidak diiktiraf sama sekali. Pengubahan hendaklah dibuat dengan cara memotong angka-angka yang tidak betul dan menuliskan angka yang betul di atasnya dan seterusnya menandatangani setiap pembetulan tersebut.
5. Tawaran yang lewat diterima daripada tarikh dan masa yang ditetapkan serta kegagalan memenuhi syarat-syarat tawaran tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidaklah semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

JUALAN JELONG

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa Jualan Lelong barang-barang yang tersebut di atas akan diadakan pada hari **Rabu, 23 Mac 2005**.

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat dari tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai Kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perolehan ini akan dirampas dan dilelong semula.

KETERANGAN BENDA	TEMPAT JELONG	TARIKH/MASA
1 UNIT MITSUBISHI PAJERO BG6715	Stesen Perikanan Muara	Hari Sabtu, 23 Mac 2005 jam 9.00 pagi
2 UNIT HIAB CRANE ISUZU BG6853		

... JUALAN JELONG ...



**JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu Jualan Lelong perkakas-perkakas Bomba pada tempat masa dan tarikh yang dinyatakan di bawah dengan syarat-syarat yang telah lengkap ditetapkan.

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dengan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat dari (7) hari dari tarikh perolehan tersebut dan apabila gagal berbuat demikian maka barang tersebut akan dirampas dan akan dilelong semula.
2. Pembeli yang berjaya hendaklah membayar cukai kastam jika perlu.

**LELONG DI BALAI BOMBA BANDAR SERI BEGAWAN
PADA 26 MAC 2005 JAM 9.00 PAGI.**

1. HOSE 64MM; 2. HOSE 38MM; 3. TABUNG PEMADAM API; 4. MEJA DOUBLE/SINGLE; 5. KERUSI BERODA; 6. KABINET BESI; 7. KERUSI BERLIPAT; 8. KATIL BESI.

**LELONG DI BALAI BOMBA MUARA
PADA 30 MAC 2005 JAM 9.00 PAGI**

1. ALMARI BESI KEMBAR-3; 2. KABINET BESI; 3. ALMARI BESI SINGLE; 4. MEJA DOUBLE/SINGLE; 5. KERUSI BERODA HITAM; 6. KERUSI WARNA COKLAT; 7. WATER COOLER; 8. STAND MEJA PING PONG; 9. HOSE 64MM.

Awda BELUM MEMBACA Pelita Brunei?
 Sila layari Laman Web kami:
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 29/2004

THE ISLAMIC BANK OF BRUNEI (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

YUSOFF BIN AWANG MOHD NOR
(BYIC NO. 00-059144) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 20 Januari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
YUSOFF BIN AWANG MOHD NOR
No. 16, Simpang 24-31, RPN Kampong Pandan,
Kuala Belait KA2131,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 12 Mei 2004.
Bertarikh : 19 Februari 2005.

**DK HJH HANANI PG HJ METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 103/2004

THE ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

ALI AMAN BIN HAJI YASSIN
(BYIC NO. 00-069486) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 20 Januari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
ALI AMAN BIN HAJI YASSIN
No. 41, Jalan Piasan, Kampong Lamunin, Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 20 September 2004.
Bertarikh : 19 Februari 2005.

**DK HJH HANANI PG HJ METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 317/2003

HSBC FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

Haji METARSAT BIN HAJI MUKTAL
(BYIC NO. 00-115711) Penghutang
Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 29 Januari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Haji METARSAT BIN HAJI MUKTAL
No. 11, Simpang 199, Kampong Tagap, Jalan Selayun,
Sengkunong BG1521,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 7 September 2004.
Bertarikh : 19 Februari 2005.

**HAZARENA POKSJ DP HAJI HURAIRAH - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 16/2004

HSBC FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

AWG SABTU BIN HAJI SALLEH
(BYIC NO. 00-065529) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 29 Januari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
AWG SABTU BIN HAJI SALLEH
No. 16, Simpang 32, Kampong Perumahan Mentiri,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 20 April 2004.
Bertarikh : 19 Februari 2005.

**HAZARENA POKSJ DP HAJI HURAIRAH - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 250/2002

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 24 Mac 2005 jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 24 Mac 2005 jam 9.30 pagi.

Bertarikh : 19 Februari 2005.

**HAZARENA POKSJ DP HAJI HURAIRAH - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 16/2004

HSBC FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

AWG SABTU BIN HAJI SALLEH
(BYIC NO. 00-065529) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 29 Januari 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 24 Mac 2005 jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 24 Mac 2005 jam 9.00 pagi.

Bertarikh : 19 Februari 2005.

**HAZARENA POKSJ DP HAJI HURAIRAH - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 250/2002

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

JULKIPLI BIN AHMAD
(BYIC NO. 00-055413) Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Februari 2005.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 30 Mac 2005 jam 9.15 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 30 Mac 2005 jam 9.15 pagi.

Bertarikh : 19 Februari 2005.

**RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 134/2004

STANDARD CHARTERED BANK

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

KADIR HANAFI BIN HASSAN
(BYIC NO. 00-230788) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA



**DI DALAM
MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 29/2004

THE ISLAMIC BANK OF BRUNEI (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

YUSOFF BIN AWANG MOHD NOR
(BYIC NO. 00-059144) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 20 Januari 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 17 Mac 2005 jam 2.00 petang.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 17 Mac 2005 jam 2.00 petang.

Bertarikh : 19 Februari 2005.

**DK HJH HANANI PG HJ METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 103/2004

THE ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

ALI AMAN BIN HAJI YASSIN
(BYIC NO. 00-069486) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghukuman bertarikh 20 Januari 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 17 Mac 2005 jam 2.30 petang.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 17 Mac 2005 jam 2.30 petang.

Bertarikh : 19 Februari 2005.

**DK HJH HANANI PG HJ METUSAIN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 317/2003

HSBC FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

Haji METARSAT BIN HAJI MUKTAL
(BYIC NO. 00-115711) Penghutang
Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 29 Januari 2005. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-

LAWAN

JULKIPLI BIN AHMAD
(BYIC NO. 00-055413) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 3 Februari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
JULKIPLI BIN AHMAD
No. 22, Simpang 79, Jalan 39, RPN Kampong Rimba, Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 14 April 2003.
Bertarikh : 19 Februari 2005.

**RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 134/2004

STANDARD CHARTERED BANK

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen

LAWAN

KADIR HANAFI BIN HASSAN
(BYIC NO. 00-230788) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 3 Februari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
KADIR HANAFI BIN HASSAN
No. 29, Simpang 308, Kampong Lambak Kanan, Jalan Pasir
Berakas 'B' BB1414,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 21 Ogos 2004.
Bertarikh : 19 Februari 2005.

**RAMZIDAH PDKD HAJI AABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

- b) Semua Si piutang-si piutang kepada nama Penghutang/Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

- c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang/Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Februari 2005.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 30 Mac 2005 jam 9.45 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 30 Mac 2005 jam 9.45 pagi.

Bertarikh : 19 Februari 2005.

**RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.



**PEJABAT SETIAUSAHA SULIT DAN LAILA
RAHSIA KDYMM PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

JUALAN LELONG KERAJAAN

JENIS-JENIS KENDERAAN YANG AKAN DILELONG

- SEBANYAK 18 buah kenderaan jenis: MERCEDES BENZ 500 (3 buah), Volvo 240 GLE Saloon (8 buah); Toyota Crown Saloon (2 buah), Toyota Corona (3 buah) dan Toyota Crown Royal (1 buah) dan Proton Saga Saloon (1 buah).
- Tarikh, masa dan tempat diadakan seperti berikut:-
Pada : Hari Khamis, 17 Mac 2005 jam 10.00 pagi
Tempat : Bahagian Mekanikal, Sinarubai, Jabatan kerja Raya.
- Jualan Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-
i. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang secara tunai atau menjelaskan 10% (sepuluh peratus) dari harga tawaran mereka pada hari tersebut dan bakiinya hendaklah dijelaskan dalam tempoh 1 (satu) minggu atau 7 (tujuh) hari dari tarikh itu.
ii. Jika pembeli yang berjaya itu gagal menjelaskan semua bayaran dalam tempoh tersebut (7 hari) atau gagal memindah barang tersebut dari tarikh jualan lelong diadakan, maka tawarannya dianggap batal dan akan dirampas balik dan dilelong atau ditawarkan kepada pemohon yang lain.
- Kereta-kereta yang dilelong akan dipamerkan kepada orang ramai yang berkeinginan untuk melihat dan memeriksa kenderaan pada hari Sabtu, 12 Mac 2005 waktu bekerja.
- Diperingatkan bahawa tempat dan kawasan jualan lelong tersebut adalah Kawasan Terkawal. Oleh yang demikian, orang ramai yang akan memasuki tempat dan kawasan tersebut adalah dikehendaki menaati peraturan kerajaan yang disediakan oleh Jabatan berkenaan.



JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bilangan Tawaran : JP/TAW/26(A)/2005 DAN JP/TAW/29/2005

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Selasa, 22 Mac 2005.
JP/TAW/26(A)/2004 :
MEMBEKAL DAN MEMASANG SISTEM PENGAIRAN SECARA RINJIS DAN TITISAN UNTUK PELBAGAI TANAMAN.
JP/TAW/29/2004 :
PENYEWAAN KANTIN DEWAN MUHIBBAH
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah di-tulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penera-ngan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagar Tawaran sebanyak B\$ 100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



JAWATAN KOSONG SEBAGAI PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA SECARA BERGAJI HARI

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai **PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA** secara bergaji hari di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan dengan gaji sebanyak \$103.00 sehari.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

- a) Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik, Negara Brunei Darussalam.
- c) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perancangan Bandar dan Desa atau bidang-bidang lain yang sebanding dengannya yang berkaitan rapat dengan profesion Perancangan Bandar dan Desa yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN :

- a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
- b) Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- a) Menyediakan pelan-pelan perancangan strategik dan tempatan, skim-skim perancangan perumahan, susunatur (layout) perancangan dan lain-lain yang berhubungkait serta membuat kajian-kajian dan laporan-laporan perancangan dan mengemukakan cadangan kaedah-kaedah dan dasar-dasar perancangan untuk pertimbangan.
- b) Menyelaras perancangan dan menyediakan tapak-tapak projek kerajaan dan swasta serta memberikan khidmat nasihat kepada pihak-pihak kerajaan dan orang ramai dalam hal-hal berhubung dengan perancangan fizikal.
- c) Mentadbir dan mengurus perlaksanaan Akta (Kawalan Kemajuan) Perancangan Bandar dan Negara (Penggai 143).
- d) Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh ketua atau pegawai atasan dari semasa ke samasa.

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan untuk disokong dan ditetapkan ke jawatan bergaji bulan jika mempunyai kesesuaian dan prestasi yang sangat baik.

Pemohon yang tidak memenuhi syarat kelayakan iklan tidak akan dipertimbangkan.

Permohonan mestilah menghadapkan surat permohonan dengan menyertakan bersama-sama butir-butir peribadi (biodata), salinan sijil-kelulusan dan surat-surat akuan kepada Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Berakas BC 3510, Negara Brunei Darussalam. Penerangan lanjut bolehlah diperolehi melalui talian 2382591 Ext No. 6632.

Tarikh Tutup : 6 April 2005.



JAWATAN KOSONG DI LEMBAGA TABUNG AMANAH PEKERJA KEMENTERIAN KEWANGAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong dengan Lembaga Tabung Amanah Pekerja seperti berikut:-

TECHNICAL SERVICE OPERATOR AND ADMINISTRATOR TANGGAGAJI : B\$1,990 - B\$2,970

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

- a. Sekurang-kurangnya mempunyai Diploma Tertinggi (HND) dalam bidang Komputer dari Institusi-Institusi Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Mereka yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan/atau pengalaman yang relevan adalah diberi keutamaan.
- b. Mempunyai watak kepimpinan, inisiatif, motivasi dan berdisiplin.
- c. Bersedia untuk bertugas di Pejabat-Pejabat Cawangan TAP

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Mengawal "Inventory".
- b. "Financial Administration".
- c. Mengawal "maintenance contract" perkakas.
- d. Menguruskan pembelian Hardware
- e. "Hardware/Facility Installation and Upgrade".
- f. Mengawal "network IP Address".
- g. Membaiki "hardware".
- h. "Hardware servicing".

PERINGATAN :

Semua permohonan bagi jawatan-jawatan berkenaan hendaklah menggunakan borang SPA1 dan dialamatkan kepada: Tabung Amanah Pekerja, Island Block Level 1, Bangunan Kementerian



JAWATAN KOSONG DI KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

PENJADUAL BERGAJI HARI KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

GAJI : \$90.00 SEHARI

KELAYAKAN MINIMUM :

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong berdaftar di dalam kelas II, III & IV di bawah kategori 1 sahaja.

TAWARAN KURSUS DI MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL BAGI SESI JULAI 2005

PEMOHON-PEMOHON yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk mengikuti kursus kursus yang ditawarkan bagi SESSI JULAI 2005

Tarikh tutup bagi mengembalikan borang permohonan adalah : **28 Mac 2005, Isnin**

BIL.	NAMA KURSUS	KELAYAKAN MASUK	CARA DAN TEMPOH KURSUS
1.	NTC3 Vehicle Body Repair	Tamat Tingkatan 3	Sepenuh masa 1.5 tahun
2.	NTC3 Motor Vehicle Mechanics	Tamat Tingkatan 3	Sepenuh masa 1.5 tahun
3.	Pre-National Diploma in Automotive Engineering	Memperolehi 4 lulus dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang lulus Matematik/Fizik & Bahasa Inggeris). ATAU memperolehi 4 Grade 2 dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'N' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai Grade 2 dalam Matematik/Fizik, & Bahasa Inggeris)	Sepenuh masa 1 tahun
4.	Pre-National Diploma in Engineering	Memperolehi 4 lulus dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang lulus Matematik & Bahasa Inggeris). ATAU Memperolehi 4 Grade 2 dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'N' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai Grade 2 dalam Matematik & Bahasa Inggeris).	Sepenuh masa 1 tahun
5.	Pre-National Diploma in Fabrication & Welding Engineering	Memperolehi 4 lulus dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang lulus Matematik & Bahasa Inggeris). ATAU memperolehi 4 Grade 2 dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'N' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai Grade 2 dalam Matematik & Bahasa Inggeris)	Sepenuh masa 1 tahun
6.	Pre-National Diploma in Construction	Memperolehi 4 lulus dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang lulus Matematik & Bahasa Inggeris). ATAU memperolehi 4 Grade 2 dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'N' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai Grade 2 dalam Matematik & Bahasa Inggeris). ATAU Memperolehi sijil atau kelulusan bahagian kejuruan/teknisyen yang setanding dan diiktiraf	Sepenuh masa 1 tahun
7.	Pre-National Diploma in Science	Memperolehi 4 lulus dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang lulus Matematik, Bahasa Inggeris & Sains). ATAU memperolehi 4 Grade 2 dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'N' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai Grade 2 dalam Matematik, Bahasa Inggeris & Sains)	Sepenuh masa 1 tahun
8.	Pre-National Diploma in Travel & Tourism Services	Memperolehi 4 lulus dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang lulus Bahasa Inggeris & Geography/History). ATAU memperolehi 4 Grade 2 dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'N' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai Grade 2 dalam Bahasa Inggeris & Geography/History)	Sepenuh masa 1 tahun
9.	National Diploma in Electrical & Electronic Engineering (Communication)	Memperolehi 4 kepujian dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang kepujian Matematik/Fizik & Bahasa Inggeris). ATAU Lulus BDTVEC Pre-National Diploma in Electronic & Electronic Engineering (Communication). ATAU Memperolehi sijil atau kelulusan bahagian kejuruan/teknisyen yang setanding dan diiktiraf	Sepenuh masa 2.5 tahun
10.	National Diploma in Radio, Television & Electronics Technology	Mendapat 4 kepujian dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang kepujian Matematik/Fizik & Bahasa Inggeris). ATAU Lulus BDTVEC Pre-National Diploma in Radio, Television & Electronic Technology. ATAU Memperolehi sijil atau kelulusan bahagian kejuruan/teknisyen yang setanding dan diiktiraf	Sepenuh masa 2.5 tahun
11.	National Diploma in Electrical & Electronic Engineering	Mendapat 4 kepujian dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang kepujian Matematik/Fizik & Bahasa Inggeris). ATAU Lulus BDTVEC Pre-National Diploma in Electrical & Electronic Engineering. Memperolehi sijil atau kelulusan bahagian kejuruan/teknisyen yang setanding dan diiktiraf	Sepenuh masa 2.5 tahun
12.	National Diploma in Vehicle Body Engineering	Mendapat 4 kepujian dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai kepujian dalam Matematik/Fizik & Bahasa Inggeris). ATAU Lulus BDTVEC Pre-National Diploma in Vehicle Body Engineering	Sepenuh masa 2.5 tahun
13.	National Diploma in Construction	Mendapat 4 kepujian dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai kepujian dalam Matematik & Bahasa Inggeris). ATAU Lulus BDTVEC Pre-National Diploma in Construction. ATAU Memperolehi sijil atau kelulusan bahagian kejuruan/teknisyen yang setanding dan diiktiraf	Sepenuh masa 2.5 tahun
14.	National Diploma in Interior Design	Mendapat 4 kepujian dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai kepujian Art dan Bahasa Inggeris).	Sepenuh masa 2.5 tahun
15.	National Diploma in Geomatics	Mendapat 4 kepujian dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai kepujian dalam Matematik & Bahasa Inggeris)	Sepenuh masa 2.5 tahun
16.	National Diploma in Property Management	Mendapat 4 kepujian dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai kepujian dalam Matematik & Bahasa Inggeris)	Sepenuh masa 2.5 tahun

BIL.	NAMA KURSUS	KELAYAKAN MASUK	CARA DAN TEMPOH KURSUS
17.	National Diploma in Hotel & Catering Management	Mendapat 4 kepujian dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Geography/History). ATAU Lulus BDTVEC Pre-National Diploma in Hotel & Catering Management	Sepenuh masa 2.5 tahun
18.	National Diploma in Computer Studies	Mendapat 4 kepujian dalam mata pelajaran yang bersesuaian di peringkat G.C.E 'O' Level (keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai kepujian dalam Matematik & Bahasa Inggeris). ATA Lulus BDTVEC Pre-National Diploma in Computer Studies	Sepenuh masa 2.5 tahun

PERHATIAN :

- Pemohon pemohon yang mempunyai pekerjaan sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Swasta mestilah mendapatkan kebenaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam atau pihak yang berkenaan terlebih dahulu dan borang permohonan mestilah dihantar melalui Ketua Jabatan / Majikan masing masing berserta dengan sokongan. Sebarang permohonan yang tidak melalui pihak tertentu tidak akan di layan. Pemohon mestilah sekurang-kurangnya 3 tahun dalam perkhidmatan.
- Pemilihan adalah tertakluk kepada:-
(i) Kelayakan dan kelulusan pemohon
(ii) Lulus dalam pemarkahan / ujian MTSSR bagi yang berkenaan
(iii) Lulus temu duga di mana berkenaan
- Hanya pemohon-pemohon yang terpilih sahaja akan dimaklumkan melalui surat dan papan kenyataan Maktab bagi tujuan temu duga.
- Pemohon-pemohon yang gagal/tidak terpilih tidak akan dimaklumkan melalui surat.
- Keputusan pemohon-pemohon yang berjaya akan diumumkan melalui surat, papan kenyataan Maktab di Pejabat Pentadbiran dan halaman website Maktab www.mtssr.edu.bn
- Borang permohonan akan mula dikeluarkan pada hari Sesi Konsultasi yang akan diadakan pada 9, 10 dan 12 Mac 2005, bertempat Dewan Serbaguna Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal. Setiap borang akan dikenakan bayaran \$1.00.
- Borang permohonan hendaklah dikembalikan TIDAK LEWAT pada **28 Mac 2005**.
- Sijil/kelulusan tambahan yang diperolehi selepas tarikh tutup iklan tidak akan dipertimbangkan.
- Borang permohonan dan keterangan lanjut bolehlah di dapati dari :- Pendaftar, Jabatan Pentadbiran, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Simpang 125, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. No. Telefon: 2343551 dan 2331077. No. Faks: 2343207.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.

BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/01/2005 :

TO SUPPLY AND INSTALL CURTAIN COMPLETE WITH ACCESSORIES. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran:

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Bendahari, Jalan Tungku Link, Universiti Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 21 Mac 2005**.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
- Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
- Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak, permohonan tawaran ini akan ditolak.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran sahaja, tanpa menunjukkan identiti Pembekal/-Pemborong dan ditujukan kepada:-
Pengerusi, Jawatankuasa 'Ad-Hoc' (Tabung), Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link BE1410, Negara Brunei Darussalam.
- Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Bendahari, Universiti Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : UBD/E8/02/2005 DAN UBD/E8/03/2005

BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/02/2005:

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN ASRAMA LELAKI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan).

BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/03/2005:

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN ASRAMA PEREMPUAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran:

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran dan Sebutarga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 22 Mac 2005**.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
- Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
- Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A' Blok A, Tingkat 1,
Bangunan Kementerian Pendidikan,
Lapangan Terbang Lama Beakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
- Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai. Waktu menerima bayaran tawaran adalah seperti berikut:-
Isnin - Khamis : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi
1.30 petang hingga 2.30 petang
Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>



KELAJUAN BOLEH MEMBAWA MAUT



KEJOHANAN Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun bagi merebut Piala Hassanal Bolkiah ke-10 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kini sedang berlangsung di Negara Brunei Darussalam.

Kejohanan berprestij di Asia Tenggara yang menawarkan \$20 ribu bagi juara, B\$10 ribu naib juara dan pemenang, kecuali B\$5 ribu berlangsung dari 12 Mac hingga 25 Mac 2005.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat merasmikan kejohanan tersebut di Stadium Negara Hassanul Bolkiah pada 12 Mac 2005.



WADAH PERPADUAN BELIA ASEAN

ANTARA KANDUNGAN

- * Mohd. Shahrizen cipta kemenangan Brunei - muka 2
- * Keputusan perlawanan - muka 2
- * Kedudukan kumpulan - muka 2
- * Malaysia menang tipis 2 - 1 - muka 3
- * Thailand benam Viet Nam - muka 3
- * Hadiah istimewa sebuah kereta disediakan - muka 3
- * Gambar-gambar upacara pembukaan rasmi - muka 4 & 5
- * Laluan Singapura untuk mara semakin sukar - muka 6
- * Laos masih berpeluang ke separuh akhir - muka 7
- * Jadual perlawanan - muka 7
- * Poster Skuad Bola Sepak Bawah 21 Negara Brunei Darussalam - muka 8

www.hassanalbolkiahtrophy.com





Mohd. Shahrazen cipta kemenangan Brunei

GOL sulung yang dianggap jaringan emas yang dirembat oleh Mohd. Shahrazen Said di minit terakhir perlawanan pembukaan antara Brunei Darussalam menentang Laos Kumpulan 'B' membuat Stadium Negara Hassanah Bolkiah gamat dengan sorakan ribuan penyokong di Kejoohan Bola Sepak Piala Hassanah Bolkiah Belia ASEAN Bawah 21 Tahun 2005.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah antara yang berkenan memberikan sorakan ketika menyaksikan perlawanan pembukaan itu.

Walaupun pemain-pemain negara menguasai perlawanan di separuh masa pertama namun penyudah yang kurang berkesan gagal menghasilkan apa-apa malah terlepas begitu saja.

Terutamanya dalam awal permainan tendangan penyerang skuad bawah 21 negara melimpas palang gol dan sekali lagi ketika mereka mendapat tendangan sudut namun peluang juga disia-siakan.

Ketika perlawanan semakin rancak skuad negara terus menguasai permainan gara-gara bermain kasar

dan melakukan 'tackle' agak keras Mohd. Faizul dilayangkan kad kuning di minit ke-23 oleh pengadil dari Indonesia, Hidayat Jajat, kad itu juga merupakan kad kuning pertama yang dikeluarkan bagi skuad bawah 21 tahun Brunei Darussalam.

Selang dua minit kemudian dengan serangan yang teratur Mohd. Shahrazen membuat tandukan namun tersasar begitu juga pada minit ke-41 bila mana rembatan Hardi Bujang pula melimpasi palang gol, kedudukan Seri 0 - 0 hingga tamat separuh masa pertama.

Bermula enam minit separuh masa kedua Laos mendapat tendangan percuma depan pintu luar kawasan 'D' tetapi peluang menjaring gol juga terlepas kerana melimpasi palang.

Dua minit kemudian serangan Laos menjadi tetapi dikecewakan oleh Visay Phaphouvanin yang juga selaku ketua pasukan, di minit ini juga Laos mendapat tendangan sudut yang diambil oleh Soulikhan Rathsachack dan ditenduk oleh Soulikhan Phanthaya yang nyaris menjaringkan gol tetapi palang menghalang.

Menyedari kemenangan bererti buat kedua-dua pasukan pihak jurulatih membuat beberapa pertukaran pemain untuk memanfaatkan bahagian serangan namun belum juga berhasil seperti yang diharapkan.

Serangan bertali arus dilakukan oleh kedua-dua pasukan tetapi terdapat beberapa masa permainan lembap kerana mengatur strategi dan mencari kesilapan pihak lawan.

Sehinggalah pada minit ke-90 rembatan tendangan bebas Mohd. Shahrazen berjaya melimpasi gawang Laos yang dikawal oleh Vongsakda Sianphongsay untuk Brunei Darussalam mendahului 1 - 0, lantas memenangi perlawanan pertamanya.

Dalam temu bual PELITA BRUNEI bersama jurulatih skuad bawah 21 tahun Kwon Ho Son menjelaskan pada mulanya para pemain berdepan dengan tekanan dari pihak lawan tetapi dapat diatasi sehinggalah mereka pula yang mengawal permainan.

Namun, katanya, kita banyak terlepas peluang untuk berbuat sesuatu hingga separuh masa pertama tamat. Dalam



JANGAN RAPAT ... Pemain tuan rumah (jersi 5) cuba dihalang oleh pemain Laos dalam perlawanan pembukaan Kumpulan 'B'.



BERPESTA ... Pemain skuad tuan rumah meraikan kejayaan selepas Mohd. Shahrazen menjaringkan gol kemenangan Brunei 1 - 0.

mula kembali dengan menguasai permainan hingga pada minit akhir permainan mereka dapat menghasilkan gol yang diharapkan.

Manakala jurulatih Laos, Saysana Savatdy, melahirkan rasa kekecewaan kerana pemain-pemainnya banyak melepaskan peluang untuk menjaringkan gol, pasukannya juga seolah-olah hilang punca den-

gan persempitan Brunei yang meningkat tidak seperti sebelumnya. Jelasnya, melihat peningkatan permainan Brunei kami hanya mengharap seri tetapi Brunei memperoleh jaringan yang dinantikan dan bermula dari itu kami cuba mengasak tetapi gagal dengan tiupan wisel penamat.

Sebenarnya kami ber-

main dengan baik tetapi penyudah kami juga kurang sempurna dan pertahanan Brunei juga kental serta serangan Brunei yang terbuka dengan menggunakan setiap inci untuk menguncir-ngacirkan pertahanan dan akhirnya teknik dan taktik mereka berhasil untuk menang perlawanan pembukaan, katanya.

KEPUTUSAN

KUMPULAN A



FILIPINA 1

Penjaring :
Prochnow, Sarcha
(Penalti)



MALAYSIA 2

Penjaring :
Safiq Rahim
Mohd. Zaquan
Adha Abd. Razak



THAILAND 1

Penjaring :
Preecha Chaokla



VIET NAM 0



THAILAND 0



FILIPINA 0



R. INDONESIA 0



VIET NAM 0

Pasukan	M	M	S	K	J	K	Mta
Thailand	2	1	1	0	1	0	4
Malaysia	1	1	0	0	2	1	3
Indonesia	1	0	1	0	0	0	1
Filipina	2	0	1	1	1	2	1
Viet Nam	2	0	1	1	0	1	1

KUMPULAN B



BRUNEI
DARUSSALAM 1

Penjaring :
Mohd. Shahrazen



LAOS 0



MYANMAR 6

Penjaring :
Yang Paing, Mar La,
Khin Maung Tun
Kyam Zin Win, Soe
Lin Tun, Mar La.



SINGAPURA 0



SINGAPURA 1

Penjaring :
Muhammad Zulkifli
Hassim



LAOS 2

Penjaring :
Valasine Dalaphone
(penalti)
Soulikhan
Phanthaya

Pasukan	M	M	S	K	J	K	Mta
Myanmar	1	1	0	0	6	0	3
Brunei	1	1	0	0	1	0	3
Laos	2	1	0	1	2	2	3
Singapura	2	0	0	2	1	8	0

Keputusan di catat setakat hari Selasa, 15 Mac



Malaysia menang tipis 2 - 1



Liputan Haji Ahat Haji Ismail, Samle Haji Jait Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abd. Rahman, Haji Ahmad Haji Salim dan Alidin Haji Mokhtal

Gambar-gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor, Halim Haji Sulaiman, Abdullah Haji Awang Damit, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim, Ramli Tengah, Hamadi Haji Mohammad dan Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



<http://www.hassanalbolkiahcup.gov.my>

BERAKAS, 13 Mac. - Skuad muda Malaysia yang berjaya meraih tiga mata dalam perlawanan pertama menentang pasukan Republik Filipina, Kumpulan 'A' Kejohanan Bola Sepak Piala Hassan Bolkiah di Kompleks Sukan Berakas.

Gol pertama dihasilkan melalui Safiq Ibrahim di minit 45 masa pertama, apabila kecuaiannya yang dilakukan oleh pertahanan Republik Filipina di kawasan petak penalti, peluang tersebut tidak disia-siakan oleh Safiq sekali gus menggempur gawang Republik Filipina.

Secara keseluruhan perlawanan dikuasai oleh Malaysia dalam babak pertama, walaupun suasana diselubungi dengan emosi dan kekasaran kedua-dua pasukan berjaya mengawal diri masing-masing dengan semangat kesukanan.

Dalam babak kedua minit ke-7 Malaysia menambah jaringan kedua melalui penyerangnya Mohd. Zaquan Adha Abdul Razak di kawasan petak penalti hasil hantaran Syamshahrul Gulam di minit 52.

Meskipun ketinggalan 0 - 2 pasukan Republik Filipina tidak patah harapan malahan sering membuat serangan dan hampir mencapai matlamatnya untuk menggandakan jaringan.

Baru saja seminit pasukan Malaysia meraih gol kedua, Republik Filipina dihadiahkan sepakan penalti oleh pengadil dari Negara Brunei Darussalam, Haji Zulkifli Haji Ahmad apabila penjaga gawang Malaysia, Amin Ahmad Tabarani yang menyelamat bola dengan kemas tetapi mengangkat kaki terlalu tinggi terkena seorang pemain Republik Filipina dan sepakan penalti di sudahi

melalui Sarcha Prochnow.

Kebangkitan Republik Filipina melalui sepakan penalti hanya seketika saja dan terpaksa akur dengan kekalahan pertama 2 - 1 meskipun mempamerkan permainan yang memberangsangkan.

Selepas tamat perlawanan jurulatih Republik Filipina, Aris Casib terpaksa akur dengan kekalahan 2 - 1 di tangan Malaysia dalam pertemuan tersebut dan mengakui pemain muda Malaysia menampilkan corak permainan yang baik dan bertahan yang menggalakkan usaha anak buahnya sehingga ke wisel penamat.

Beliau juga mengakui bahawa pemainnya kurang pengalaman bermain di peringkat antarabangsa sehingga menjadi jurang kepada pasukan Malaysia yang menampilkan mutu persembahan yang lebih baik.

Walaupun mempunyai peluang untuk menyaingi pasukan Malaysia tetapi nasib tidak menyebelahi pasukan mereka pada pembukaan perlawanan tersebut. Walau bagaimanapun kita ingin memastikan perlawanan kedua menentang Thailand Selasa ini akan lebih memihak kepada Republik Filipina, katanya.

Ketika ditanya mengenai harapan pasukan bimbingannya, beliau menjelaskan pasukannya akan membuat satu keputusan yang di luar dugaan kerana dalam bola sepak semua boleh berlaku.

Sementara Jurulatih Malaysia dalam sidang akhbar bersama wakil PELITA BRUNEI berkata, pasukan bimbingannya merupakan majoriti pemain di bawah 18 tahun berjaya menguasai da-

lam babak perlawanan sejak 35 minit awal pertama tetapi hampa apabila barisan depan tidak dapat memanfaatkan peluang melalui serangan-serangan bahaya yang dilakukan.

"Pemain mungkin tidak mempunyai konsentrasi yang mantap apabila berdepan di depan pintu gawang sehingga kita hanya dapat dua gol sehingga tamat perlawanan," jelasnya.

Walaupun bagaimanapun, beliau mengakui anak buahnya menampilkan aksi serupa di babak kedua dan keadaan itu telah membuat pemain lawan mengambil kesempatan untuk bangkit membuat serangan bertali arus.

Malaysia dan Republik Filipina tergolong dalam kumpulan yang dikatakan 'kumpulan maut' bersama Republik Indonesia yang merupakan juara Piala Hassan Bolkiah yang pertama tahun 2002.



PERGELUTAN ... Penyerang Malaysia jersi 22 bergelut dengan pertahanan Republik Filipina dalam pertembungan kumpulan A. Malaysia menang 2 - 1.

Thailand benam Viet Nam 1 - 0

BERAKAS, 13 Mac. - Pasukan Thailand berjaya menumpaskan pasukan Viet Nam dengan satu gol tanpa balas dalam perlawanan pertama bola sepak Piala Hassan Bolkiah di Kompleks Sukan Padang dan Balapan di sini.

Jaringan gol itu dilakukan oleh pasukan gajah putih dalam separuh masa pertama perlawanan apabila pertahanan pasukan Viet Nam dalam keadaan kucar-kacir dan di sanalah Thailand melalui pemain berjersey 10, Preecha Chaokla merembat masuk ke pintu gawang pasukan Viet Nam di minit 45 separuh masa pertama.

Secara keseluruhan perlawanan itu adalah seimbang sebelum pasukan Thailand mendahului pasukan Viet Nam dengan satu gol.

Viet Nam tidak patah semangat dan harapan malahan sering membuat serangan bertubi-tubi ke kawasan lawan dan hampir berjaya menyamakan kedudukan mereka.

Kedua-dua pasukan terus mencari peluang di separuh masa kedua dalam perlawanan itu dengan

membuat beberapa serangan dan percubaan di saat akhir di mana di akhir perlawanan Thailand hanya mampu memperolehi gol 1 - 0.

Ini bererti pasukan Thailand telah berjaya mengutip tiga mata dalam perlawanan pertamanya.

Pengurus Pasukan Thailand merasa tidak puas hati dengan kemenangan yang mereka capai kerana mereka menjangkakan boleh mendapat lebih banyak gol.

Sementara Pengurus Pasukan Viet Nam pula memberitahu pemberita PELITA BRUNEI bahawa pasukannya sudah cuba sedaya upaya untuk menumpaskan pasukan Thailand kerana mereka tahu pasukan Thailand adalah pasukan yang terkuat yang masuk ke final bersama-sama pasukan Republik Indonesia pada tahun 2002.

Pasukan Thailand dan Viet Nam adalah dalam Kumpulan A bersama-sama dengan pasukan Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Filipina.



PENYERANG Thailand jersi 7 meluru sambil dikejar oleh pemain Viet Nam. Thailand menang 1 - 0.

Penonton berpeluang menangi kereta

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Mac. - Sebuah kereta Proton Saga Satria 1.8R3 (kiri) bakal dibawa pulang oleh penonton bertuah bagi mereka yang menyaksikan perlawanan pembukaan dan penutupan Kejohanan Bola Sepak Asia Tenggara Bawah 21 Tahun bagi merebut Piala Hassan Bolkiah bermula 12 Mac ini.

Perkara ini telah diumumkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal, selaku Penolong Pengerusi Bersama Jawatankuasa

Tertinggi Piala Hassan Bolkiah Ke-2 di sidang akhbar di Stadium Negara Hassan Bolkiah di sini.


Katanya, majlis pembukaan rasmi akan menarik minat penonton tempatan datang menyaksikan pertemuan sulung negara. Sehubungan dengan itu, jawatankuasa telah menetapkan kemasukan penonton dengan menggunakan tiket yang diagihkan secara percuma.

Sejumlah 25,000 tiket akan disediakan 20,000 daripadanya akan diagihkan kepada orang ramai pada hari pembukaan dan

seterusnya pada hari penutup, pada 25 Mac ini.

"Memandangkan tempat duduk yang terhad, orang ramai yang berminat untuk menyaksikan kejohanan dinasihatkan agar dapat menghadirkan diri lebih awal," jelasnya kepada pemberita PELITA BRUNEI.

Sementara itu, pelbagai hadiah menarik juga telah disediakan sebagai hadiah sampingan untuk dibawa pulang oleh penonton bertuah di mana kesemua hadiah bakal diumumkan pada malam penutup kejohanan, 25 Mac depan.





RASMI HASSANAL

BERAKAS, 12 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Piala Hassanal Bolkiah di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Keberangkatan tiba baginda di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain dengan diiring Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Atur cara perasmian bermula dengan baginda melafazkan titah perasmian dan menekan punat pembukaan di podium perentas khas. Serentak dengan itu gerbang loga kejohanan di tengah padang dibuka, disertai bersama percikan bunga api dan kemudian menjelma replika Piala Hassanal Bolkiah.

Baginda kemudian dijunjung berangkat untuk diperkenalkan dan mengurniakan cenderahati.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 bagi merebut Piala Hassanal Bolkiah di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



CENDERAHATI ... Baginda mengurniakan cenderahati kepada Pengurus Pasukan Negara Brunei Darussalam, Pengiran Haji Yusof (atas kiri) dan Pengurus Pasukan Myanmar (atas kanan).





MIKAN PIALA SANAL BOLKIAH

Oleh Haji Ahat Haji Ismail

berahai kepada ketua-ketua pasukan yang menyertai kejohanan yang terdiri Republik Indonesia selaku juara bertahan, Laos, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Republik Viet Nam, tuan rumah Negara Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai teknikal.

Kejohanan kali kedua ini merupakan usaha Negara Brunei Darussalam ke arah mempertingkatkan dan mengembangkan sukan bola sepak di kalangan belia-belia di rantau ASEAN selain mendedahkan para belia untuk mendapatkan pengalaman dan pendedahan.

Di kejohanan ini juga akan dapat menjadi landasan kepada Persatuan-persatuan Bola Sepak Negara-negara ASEAN untuk mengasah bakat belia-belia dalam sukan bola sepak sebagai persediaan jangka panjang membantu pasukan pelapis kebangsaan.

Selain mempertingkatkan dan memperluas permainan bola sepak di rantau ASEAN, kejohanan dua tahun sekali ini juga sebagai asas ke arah menjalin persahabatan dan memperkukuhkan semangat kerjasama rantau.

Terdahulu sebelum upacara perasmian bermula, kesemua negara peserta diberikan penghormatan dalam upacara perbarisan ulu dengan diserikan oleh Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



ORANG ramai membanjiri Stadium Negara Hassanal Bolkiah bagi memberikan sokongan pertunjukan Brunei - Laos (kiri dan kiri sekali).

BERBARIS MEGAH ... Pasukan Negara Brunei Darussalam berbaris megah dalam upacara pembukaan rasmi (atas kiri).

BAGINDA berdiri tegak menghormati Lagu Kebangsaan dikumandangkan (atas kanan).

PEMBAWA bendera logo kejohanan ketika memasuki Stadium Negara Hassanal Bolkiah (kanan).

PASUKAN Republik Indonesia (atas sekali kanan), Republik Singapura (atas tengah kanan), Malaysia (kanan) dan Republik Filipina (kanan sekali) ketika berbaris megah sambil membawa bendera masing-masing di upacara pembukaan rasmi.



BAGINDA dan kerabat-kerabat diraja ketika berangkat ke upacara pembukaan rasmi Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah (kiri).

BAGINDA ketika berkenan menerima cenderamata yang disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas).





BERAKAS, 12 Mac. - Skuad Myanmar membuka tirai bergaya dengan membelasah pasukan Republik Singapura 6 - 0 dalam pusingan awal Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun merebut Piala Hassanah Bolkiah di Kompleks Sukan Berakas, petang tadi.

Kejohanan pembuka tirai dalam Kumpulan B menyaksikan kehebatan permainan pantas pasukan Myanmar yang tidak menunggu lama untuk merobek gawang Republik Singapura menerusi Yan Paing seawal minit kelima menghukum kekekaan skuad lawan.

Myanmar yang mahu melangkah lebih jauh mula menterjemahkan impian menerusi Mar La yang melepaskan kawalan pertahanan sebelum menyudahkan dengan rembatan kencang selang tiga minit kemudian.

Tersentak ketinggalan jaringan, Jurulatih Republik Singapura memasukkan Yusiskandar Yusof dan mengerahkan dua rangkaian penyerang untuk mengimbangi perlawanan yang dikuasai Myanmar.

Namun, skuad Myanmar yang berlatih dua minggu lalu kembali cemerlang dengan dua jaringan menerusi Khin Maung Tun dan Kyam Thu Ra sebelum babak pertama berakhir.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Iela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika menyaksikan perlawanan antara Myanmar - Republik Singapura.

Kemudian, skuad Republik Singapura tampil tidak mengalah sekalipun mengetahui kesengsaraan untuk mengejar setelah ketinggalan empat gol namun asakan mereka kurang bermaya untuk me-

lepaskan kawalan pertahanan Myanmar yang bijak menghidu rentak asakan pemain Republik Singapura.

Sebaliknya, Mar La sekali lagi menambah jaringan kedua perbadinya seminit sebelum

tamat perlawanan. Sementara itu Soe Lin Tun pula melengkapkan kemenangan bergaya di minit akhir perlawanan.

Ketua Jurulatih Republik Singapura, Wong Mun Heng mengakui persiapan singkat mem-

buat pemainnya meratapi perlawanan dengan penuh berliku tetapi menjelaskan skuadnya akan cuba memberi saingan pada perlawanan seterusnya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Myanmar, Ivon

Venkov Kolev pula tidak menyangka memperolehi kemenangan besar kepada Republik Singapura ketika menyaksikan anak buahnya mendapat saingan hebat.

"Kemenangan ini memberi semangat kepada pasukan untuk memburu kemenangan seterusnya, sekali gus untuk melangkah lebih jauh pada kejohanan ini," jelasnya kepada PELITA BRUNEI.



MERAIKAN JARINGAN ... Penjaring Myanmar (jersi 10), Yan Paing melonjak kegembiraan selepas menjaringkan gol pertama di minit ke-6 dalam pertemuan antara Myanmar dan Republik Singapura.

Piala Hassanah Bolkiah menyatukan belia ASEAN

BERAKAS, 11 Mac. - Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun 2005 bagi merebut Piala Hassanah Bolkiah.

Kejohanan itu akan menyatukan belia-belia ASEAN melalui semangat kesukanan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Diagadong Seri Iela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga Yang

Dipertua Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (BAFA) berucap demikian di Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun 2005 bagi merebut Piala Hassanah Bolkiah yang berlangsung di Dewan Persidangan Stadium Negara Hassanah Bolkiah di sini.

Yang Berhormat juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Utama Kejohanan ber-

kata, kejohanan itu nanti sudah setentunya akan membantu memperbaiki dan mengukuhkan kerjasama dalam apa jua projek bagi pembangunan dan merapatkan hubungan dalam ASEAN.

Yang Berhormat juga menghargai sokongan dan kerjasama persatuan-persatuan bola sepak kerana menghantar pasukan-pasukan mereka untuk menyertai kejohanan tersebut.

Mesyuarat yang diadakan itu bertujuan

untuk mengeratkan supaya acara sukan itu nanti dapat berjalan dengan lancar.

Selain itu mesyuarat juga membincangkan peraturan-peraturan dan undang-undang yang perlu dipatuhi oleh setiap pasukan yang mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut.

Talimat mengenai perkara-perkara yang berhubung kait dengan pengadil juga dibincangkan.

Kemenangan besar suntik semangat pemain Myanmar

BERAKAS, 12 Mac. - Jurulatih Myanmar, Ivon Venkov Kolev tidak menyangka memperolehi kemenangan dengan jaringan yang besar menentang pasukan Republik Singapura pada perlawanan pembuka tirai Kumpulan B di Kompleks Sukan Berakas di sini.

Skuad Myanmar membelasah Republik Singapura 6 - 0 merupakan skuad yang baru membentuk pasukan selama dua minggu sekalipun menyaksikan

perlawanan seimbangan namun lawannya gagal merobek gawang Myanmar.

Kemenangan manis skuad itu diperolehi menerusi masing-masing satu gol dari Yan Paing, Khin Maung Tun, Kyam Thu Ra, Soe Lin Tun dan dua jaringan menerusi Mar La.

"Pasukan Republik Singapura merupakan pasukan yang baik. Mereka juga menampikan permainan yang menyakinkan tetapi kekentalan barisan per-

tahanan membuat mereka gagal menewaskan penjaga gol kami," jelasnya.

Beliau mengakui persiapan yang singkat dengan membuat pemilihan pemain pembetulan latihan akan memberi laluan yang getir pada perlawanan seterusnya, namun beliau turut mengidam menjadi juara pada kejohanan ini.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Pasukan Republik Singapura, Wong Mun Heng mengakui

pemain-pemain mudanya tidak mempunyai pengalaman yang luas kerana baru diserapkan dalam pasukan kebangsaan.

Bagaimanapun beliau menaruh harapan tinggi kepada anak buahnya supaya lebih menyerlah dalam perlawanan seterusnya sekalipun mengetahui cabaran mereka semakin sulit apabila berdepan dengan pasukan Laos dan pasukan tuan rumah, Brunei Darussalam.



PERGELUTAN ... Pemain Myanmar dan Singapura merebut bola dalam perlawanan kedua-dua pasukan yang berkesudahan Myanmar menang 6 - 0.



Laos masih berpeluang ke separuh akhir

BANDAR SERI BEGAWAN 14 Mac. - Kemenangan sulung pasukan Laos menentang pasukan Republik Singapura 2 - 1 membuka kembali harapan pasukan Laos untuk mara ke separuh akhir mewakili kumpulan B Kejohanan Bola Sepak Bawah 21 Tahun Belia ASEAN merebut Piala Hassanal Bolkiah, di sini.

Pasukan Laos yang kecewa ketika ditumpaskan oleh pasukan tuan rumah pada perlawanan pembukaan bagai tidak mahu melihat 'pisang berbuah dua kali' dengan menyandarkan penyerang utamanya, Visay Phapouvanin untuk merobek gawang Republik Singapura.

Bagaimanapun, Republik Singapura yang dibelasah teruk oleh pasukan Myanmar pada perlawanan sulungnya juga tidak mengalah dengan menampilkan kombinasi rentak yang meyakinkan di samping merangkaikan pertahanan yang kebal.

Ini membuat pasukan Laos yang juga mengimpikan perjalanan ke pe-

ringkat separuh akhir bekerja lebih keras dan diajak berhempas pulas untuk menggagalkan gawang Republik Singapura yang dikawal ketat oleh Chia Yueow Hwee.

Rembatan kencang Kovanh Namthayxay di minit ke-25 dengan menyusuli ledakan minit ke-29 dari sepakan Ketua Pasukan Laos, Visay Phapouvanin yang kedua dapat didakap kemas penjaga golnya, Chia merupakan ancaman awal Laos di babak pertama.

Dalam pada itu, pasukan Republik Singapura yang lebih banyak bertahan di kubu kawasan pertahanan sentiasa mengintai peluang untuk membuat serangan balas.

Ketika kedua-dua pasukan dapat mengimbangi perlawanan, pertahanan Singapura, Faizal Abdul Aziz pula melakukan kesilapan dengan yang mengasari Visay di dalam kotak penalti.

Pengadil dari Thailand tidak teragak-agak meng-

hadiahkan sepakan penalti kepada Laos dan Valasine Dalaphone tidak mensiasikan peluang untuk membantu Laos memperolehi jaringan sulung di akhir babak pertama.

Kehebatan pemain gantian, Muhammad Zulkifli Hassim yang melepaskan tiga pertahanan Laos berjaya membekesi gawang Laos kawalan penjaga golnya, Kaysone Soubanhasy di minit ke-57 untuk menyamakan kedudukan.

Jaringan itu terus merancakkan lagi pertemuan penting kedua pasukan terutama anak buah Saysana Savatdy yang kerap menguasai serangan sehingga usaha skuad Laos berbaloi sekalipun hanya hadir di babak-babak akhir perlawanan.

Sekalipun terpaksa menunggu sehingga minit 90 menerusi sentuhan Souksamay Manivong, ia cukup memberi erti buat Laos sementara menyempitkan laluan pasukan Republik Singapura sekalipun berbakat satu perlawanan pada peringkat kumpulan.



AKSI MENDEBARKAN ... Kedua-dua pasukan Republik Singapura - Laos memperlihatkan aksi menarik dalam pertemuan mereka. Laos menang 2 - 1.

Laluan Singapura untuk mara semakin sukar

BERAKAS, 14 Mac. - Di sebalik mengalami dua kekalahan, ketua jurulatih pasukan Republik Singapura, Wong Mun Heng masih mempunyai harapan tinggi untuk menyaksikan pasukannya sekurang-kurangnya memenangi baki satu perlawanan menentang Brunei nanti.

Beliau mengakui laluan untuk mara sudah semakin sukar sekalipun menang ke atas tuan rumah tetapi pasukan itu perlu menangi simpati kepada Myanmar untuk menumpaskan dua pasukan lain sebagai memberi laluan kepadanya.

"Ia sangat susah tetapi ia tidak mustahil akan berlaku. Apa yang penting kita perlu memenangi perlawanan menentang Brunei nanti," jelasnya kepada Pemberita PELITA BRUNEI pada sidang media.

Selepas dibelasah oleh pasukan Myanmar 6 - 0 pada pembukaan perlawanan, Republik Singapura juga tidak berdaya mengekang semangat tinggi pemain Laos sehingga terjatuh di saat akhir perlawanan 1 - 2, petang tadi.

Beliau mengakui jentera serangnya kurang memberi kesan untuk merobek gawang Laos mujur barisan pertahanannya sangat kental apabila diakhir babak pertama juga di akhir babak pertama disusuli di akhir minit penghujung perlawanan.

"Selepas kita memperolehi jaringan sulung dan menyamakan kedudukan 1-1, perlawanan lebih sengit dan mencabar terutama pasukan Laos yang juga bertekad sama memenangi perlawanan," jelasnya.



MENDEBARKAN ... Pertahanan Republik Singapura menyelamatkan bola daripada membolesi gawang hasil gerakan penyerang Laos.

Jurulatih itu juga mengakui beberapa kelemahan pasukannya termasuk dari segi kecergasan yang kurang mantap selepas bekerja keras menentang Myanmar di samping kecederaan yang masih menghantui beberapa pemainnya.

Sebagai pemain yang baru diserapkan dalam satu pasukan kebangsaan, pemain nampak masih kekurangan pengalaman bertemu dengan pasukan han-

dalan ASEAN tetapi mereka telah mempelajari kesilapan dan kelemahan itu sebagai senjata pada perlawanan seterusnya.

Sementara itu, ketua jurulatih pasukan Laos, Saysana Savatdy pula menyifatkan kemenangan itu membuka laluan kembali pasukannya ke separuh akhir tetapi perlu berhati-hati apabila berdepan pasukan Myanmar.

Katanya, pemain-pemain telah berjaya menepis kekecewaan perlawanan

an pertama dengan memberikan persembahan yang baik menentang Republik Singapura dan kesungguhan mereka terbukti dengan memenangi perlawanan.

Bagaimanapun ketua jurulatih itu gusar dengan aksi barisan depannya yang kurang berkesan untuk memanfaatkan peluang terhidang di depan mata namun melahirkan keyakinan anak buahnya akan dapat membuktikan kehebatan pada kejohanan tahun ini.



Liputan: Haji Ahat Haji Ismail, Samle Haji Jait, Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abd. Rahman, Haji Ahmad Haji Salim dan Aliddin Haji Mokhtal

Gambar-gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor, Halim Haji Sulaiman, Abdullah Haji Awang Damit, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim, Ramli Tengah, Hamadi Haji Mohammad dan Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



<http://www.hassanalbolkiahcup.com>

JADUAL KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA HASSANAL BOLKIAH

Tarikh	Hari	Kumpulan	Lawan	Tempat	Masa
16 Mac 2005	Rabu	B	Myanmar Iwn Brunei DS	KBP	4.00 ptg
17 Mac 2005	Khamis	A	Republik Filipina Iwn Viet Nam	KSB	4.00 ptg
17 Mac 2005	Khamis	A	Malaysia Iwn Republik Indonesia	KBP	4.00 ptg
18 Mac 2005	Jumaat	B	Laos Iwn Myanmar	KBP	4.00 ptg
19 Mac 2005	Sabtu	A	Republik Indonesia Iwn Republik Filipina	KSB	4.00 ptg
19 Mac 2005	Sabtu	A	Malaysia Iwn Thailand	KBP	4.00 ptg
20 Mac 2005	Ahad	B	Brunei DS Iwn Republik Singapura	KBP	4.00 ptg
21 Mac 2005	Isnin	A	Viet Nam Iwn Malaysia	KSB	4.00 ptg
21 Mac 2005	Isnin	A	Republik Indonesia Iwn Thailand	KBP	4.00 ptg
23 Mac 2005	Rabu		Juara Kumpulan A Iwn Naib Juara Kumpulan B	SNHB	4.00 ptg
23 Mac 2005	Rabu		Juara Kumpulan B Iwn Naib Juara Kumpulan A	SNHB	8.15 min
25 Mac 2005	Jumaat		Perlawanan Akhir	SNHB	8.15 min

SNHB - Stadium Negara Hassanal Bolkiah
KBP - Kompleks Balapan dan Padang
KSB - Kompleks Sukan Berakas



SKUAD BOLA SEPAK BAWAH 21 TAHUN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

